

**Bil. 38**

**Isnin  
22 Julai 1996**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

## KANDUNGAN

<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA</b>	[Ruangan 1]
Memperkenankan Akta-akta	[Ruangan 1]
<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	[Ruangan 1]
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996	[Ruangan 18]
Rang Undang-undang Pasaran Getah Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1996	[Ruangan 50]
Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 1996	[Ruangan 61]
Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1996	[Ruangan 69]
Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1996	[Ruangan 74]
Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 1996	[Ruangan 75]
Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Pindaan) 1996	[Ruangan 87]
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	[Ruangan 93]
<b>UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
Masalah Penternak Khinzir Di Melaka —Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)	[Ruangan 93]

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' (DR.) HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, D.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).

Yang Berhormat DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat** TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).



- Yang Berhormat TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Isnin, 22hb Julai, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul  
9.30 pagi

DOA

(Tuan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)

PEMASYHURAN TUAN  
YANG DI-PERTUA

Memperkenankan Akta-Akta

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbadanan Pembangunan Bandar (Pembubaran) 1996;
2. Akta Perbadanan Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti) 1996;
3. Akta Standard Malaysia 1996;
4. Akta Pendidikan 1996;
5. Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1996;
6. Akta Pampasan Pekerja (Pindaan) 1996;
7. Akta Pasport (Pindaan) 1996;
8. Akta Syarikat (Pindaan) 1996;
9. Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 1996;

10. Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 1996;
11. Akta Hakcipta (Pindaan) 1996;
12. Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996;
13. Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (Pindaan) 1996;
14. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1996; dan
15. Akta Pembangunan Sumber Manusia (Pindaan) 1996.

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

INDUSTRI DI LUAR BANDAR—  
KRITERIA PERANCANGAN  
DAN PEMBINAAN

1. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut)** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan perancangan membina industri-industri di luar bandar dan bilakah industri-industri itu khasnya akan dibina di kawasan Larut setelah banyak permohonan dikemukakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan sememangnya menggalakkan pembinaan industri-industri di luar bandar tetapi kerajaan-kerajaan negeri perlulah juga membuat perancangan untuk menempatkan industri di kawasan-kawasan yang difikirkan sesuai. MITI mengamalkan dasar untuk tidak memaksa mana-mana pelabur supaya membuat pelaburan di sesuatu tempat atau lokasi kerana para pelabur adalah lebih arif untuk memutuskannya. Akan tetapi, Kerajaan

Persekutuan ada menawarkan insentif-insentif yang lebih baik jika projek-projek berkenaan ditempatkan di kawasan-kawasan seperti koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bagi tujuan mengimbangkan pembangunan ekonomi di negeri-negeri tersebut.

Bagi tapak Industri Kecil dan Sederhana (IKS), MITI ada menyalurkan geran melalui Malaysian Industrial Estates Sdn. Bhd. (MIEL) bagi membiayai sebahagian daripada kos infrastruktur bagi lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti. Bagi kawasan Larut, lokasi ini boleh dipertimbangkan untuk dibangunkan tapak IKS apabila infrastruktur asas telah diwujudkan.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah mekanisme yang digunakan di negeri-negeri bagi menjayakan perancangan membina industri-industri IKS di luar bandar yang setakat ini terlalu banyak jabatan yang menawarkan, umpamanya Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Kemas, Urusetia PPRT dan sebagainya. Apakah mekanisme yang menyelaraskan program ini?

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya mekanisme mengikut negeri berbeza memandangkan keperluan dan kemudahan yang sedia ada di tiap-tiap negeri berbeza mengikut keadaan. Tetapi daripada perbincangan kementerian dan kerajaan-kerajaan negeri, kita telah minta bahawa kerajaan-kerajaan negeri dapat menyelaraskan Pelan Induk Perindustrian Negara bersama-sama dengan kerajaan negeri. Tidak lama lagi kerajaan akan membentangkan IMP ke-2 dan adalah menjadi harapan kementerian dan kerajaan bahawa perancangan dan pembangunan industri di tiap-tiap negeri dapat diselaraskan dengan pelan induk ini.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah

faktor-faktor kestabilan politik diambil kira oleh pihak kementerian dalam membuat keputusan untuk menentukan kawasan-kawasan yang berpotensi untuk menempatkan industri di kalangan pelabur-pelabur, khususnya pelabur asing?

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dinafikan bahawa dalam membuat keputusan untuk melabur di sesuatu kawasan, pihak-pihak pelabur mengambil kira banyak faktor. Faktor yang paling utama ialah iklim dan suasana pelaburan yang menggalakkan di sesuatu tempat itu. Yang keduanya, juga penting, ialah kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan sokongan yang memuaskan. Maka, jelas juga bahawa faktor kestabilan politik adalah salah satu faktor yang diambil kira oleh pihak pelabur untuk mengambil keputusan melabur di sesuatu tempat.

Sebagai contoh, sejak Barisan Nasional mengambil alih teraju kerajaan negeri Sabah iaitu pada bulan Mac, 1994 sejumlah RM2,417 juta pelaburan telah diluluskan oleh MITI. Maka, jelas kerajaan negeri Sabah yang diterajui sekarang oleh Kerajaan Barisan Nasional yang berwawasan dan berwibawa sudah pasti lebih ramai para pelabur akan menempatkan pelaburan mereka di negeri-negeri tersebut, insya-Allah.

## KIMIA ORGANIK DAN BUKAN ORGANIK DI DALAM BEKALAN AIR PAIP NEGARA

**2. Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)** minta Menteri Kerja Raya menyatakan tentang bekalan air paip di negara ini:

- (a) apakah kimia organik dan bukan organik dan kuantitinya yang dimasukkan ke dalam bekalan air paip negara; dan

- (b) apakah ujian-ujian standard yang dijalankan oleh kerajaan terhadap kualiti bekalan air yang dibekalkan oleh pihak-pihak berkuasa dan apakah hasil kajian-kajian tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya (Tuan Yong Khoo Seng):**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tidak ada apa-apa bahan organik yang dimasukkan ke dalam bekalan air paip negara. Walau bagaimanapun pihak berkuasa air negeri memasukkan atau menggunakan bahan bukan organik untuk tujuan-tujuan tertentu seperti berikut:

- (a) menggunakan aluminium sulfate untuk tujuan memendapkan bahan-bahan yang hendak dikeluarkan dari air mentah. Kualiti bahan ini yang digunakan berbeza mengikut kualiti air mentah dan biasanya dalam lingkungan 15 hingga 30 miligram setiap liter air. Dalam proses rawatan akhir air mentah, kesemua bahan-bahan yang dimendapkan termasuklah aluminium sulfate yang digunakan itu akan ditapis. Sebelum bekalan air bersih dibekalkan kepada pengguna, klorin juga akan digunakan untuk membunuh kuman yang terkandung dalam air tersebut. Kuantiti klorin yang dimasukkan ke dalam ialah 1 miligram setiap satu liter air.

Tuan Yang di-Pertua, sodium-salicylate-floride juga digunakan untuk menguatkan gigi. Kuantiti bahan-bahan organik ini yang digunakan ialah 0.7 miligram setiap liter air.

- (b) Pihak berkuasa air negeri sentiasa menguji kualiti air secara berjadual dan berpandukan kepada garis panduan kebangsaan kualiti air minum Kementerian Kesihatan Malaysia.

Di samping itu selaku badan bebas, Kementerian Kesihatan Malaysia juga menjalankan pemeriksaan kualiti air secara berjadual. Semua ujian-ujian yang dijalankan oleh pihak berkuasa air negeri dan Kementerian Kesihatan Malaysia telah membuktikan bahawa bekalan air paip negara adalah bersih dan selamat.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai rawatan air, suka saya mendapat penjelasan tambahan apakah pendekatan yang boleh digunakan oleh Kementerian Yang Berhormat untuk mengurangkan 'keliatan' air ataupun mengurangkan dengan izin, 'hardness of water' terutama sekali bagi negeri utara dan kawasan-kawasan sekitarnya banyak didapati batu kapur. Apakah pendekatan yang boleh dibuat oleh kementerian Yang Berhormat untuk memastikan bahawa sukatan klorin ataupun kloran yang digunakan untuk membunuh kuman-kuman itu mengikut kehendak atau spesifikasi oleh kementerian Yang Berhormat supaya tidak berlebihan, kerana kita dapati kadang-kadang air yang sampai ke rumah untuk kegunaan domestik berbau terlalu kuat klorinnya?

**Tuan Yong Khoo Seng:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan negeri yang menangani masalah bekalan air di negeri masing-masing dan daripada loji kita yang merawat air, kita menggunakan standard atau piawaian WHO. Saya tidak pasti bagaimana kita akan mengatasi 'hard of water' di tempat-tempat di mana air yang mengandungi kalsium kabornat dan tempat yang melakukan, tetapi saya akan memberikan jawapan secara bertulis.

Mengenai klorin juga kita merawat air mengikut standard WHO, kadangkala ada juga kelebihannya, tetapi kita akan

menyiasat di mana terdapat klorin yang berlebihan telah digunakan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ialah mengenai dengan permasalahan rakyat atau keluhan rakyat. Bila bekalan air terputus termasuk di luar bandar, saya hendak bertanya sama ada kerajaan ada sistem penyelenggaraan yang tertentu bagi menggantikan paip-paip air yang lama bagi memastikan kalau pam-pam air ini rosak dapat dibaiki dengan segera. Permasalahan ini banyak timbul, seperti kata orang tua-tua 'tidak ada api tidak apa, tetapi tidak ada air ini masalah yang besar'.

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, paip air yang digunakan sekarang telah dipasang sejak 20 tahun atau 30 tahun dahulu dan kebanyakan paip telah pun rosak dan proses menggantinya dijalankan sekarang. Oleh kerana itu banyak masalah yang telah timbul—kita faham dan kita akan mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah itu.

**BADAN DAN PERTUBUHAN  
SUKAN DIPIMPIN OLEH  
PEMIMPIN POLITIK—  
BILANGAN/NAMA**

**3. Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang)** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bilangan dan nama badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan sukan di negara ini yang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin politik; dan
- (b) apakah benar dakwaan yang menyatakan kemunduran sukan di negara ini disebabkan banyak pertubuhan sukan dipimpin oleh tokoh-tokoh politik dan mereka mempolitikkan pertubuhan-pertubuhan sukan tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Puan Shahrizat binti Abdul Jalil):** Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 14 badan-badan sukan kebangsaan di negara ini yang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin politik. Badan-badan sukan berkenaan ialah:

- (i) Persekutuan Angkat Berat Amatur Malaysia;
- (ii) Persatuan Badminton Malaysia;
- (iii) Persatuan Bina Badan Malaysia;
- (iv) Persatuan Bola Keranjang Malaysia;
- (v) Persatuan Judo Malaysia;
- (vi) Persatuan Karate-do Malaysia;
- (vii) Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia;
- (viii) Persatuan Ping Pong Malaysia;
- (ix) Persatuan Renang Amatur Malaysia;
- (x) Persatuan Silat Kebangsaan Malaysia;
- (xi) Persatuan Sofbol Malaysia;
- (xii) Persatuan Lwn Tennis Malaysia;
- (xiii) Persatuan Tinju Amatur Malaysia; dan
- (xiv) Persatuan Sepak Takraw Malaysia.

Adalah tidak benar dakwaan yang menyatakan kemunduran sukan di negara ini adalah kerana banyak pertubuhan-pertubuhan sukan dipimpin oleh tokoh-tokoh politik. Kemunduran sukan di negara ini disebabkan oleh beberapa faktor tertentu iaitu:

- (i) pegawai-pegawai persatuan sukan kebangsaan mengamalkan elemen-elemen politik dalam pengurusan dan pentadbiran persatuan yang menjejaskan pelaksanaan program dan aktiviti

persatuan dan seterusnya prestasi atlit-atlit di bawah pengawasan mereka;

- (ii) pentadbiran persatuan sukan kebangsaan yang kurang profesional dalam perancangan program dan aktiviti dan seterusnya kurang berkesan dalam melaksanakan program;
- (iii) persatuan sukan kebangsaan yang kurang peruntukan kewangan untuk membiayai program-program dan aktiviti-aktiviti yang dirancang;
- (iv) tahap disiplin dan daya saing atlit yang kurang memuaskan, yang secara langsung menyebabkan prestasi dan pencapaian yang rendah;
- (v) kurangnya jurulatih-jurulatih tempatan yang berkelayakan dan berkualiti; dan
- (vi) kurangnya atlit-atlit dan jurulatih-jurulatih yang mengamalkan kaedah-kaedah sains sukan dalam latihan mereka.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mundurnya sukan dikaitkan juga dengan kurangnya kemudahan untuk kegunaan pertubuhan sukan dan juga individu. Pada masa yang lalu dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan bercadang menubuhkan satu kompleks sukan di setiap daerah. Apakah kerajaan serius dalam perkara ini dan bila serta daerah manakah yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan?

**Puan Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan begitu serius di dalam janjinya untuk mengadakan kompleks sukan di setiap daerah. Ini akan dibuat dengan kerjasama di antara kerajaan pusat dan kerajaan-kerajaan negeri. Saya akan menghantar jawapan secara bertulis daerah-daerah

yang akan mengadakan kompleks sukan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Parit Sulong.

**Tuan Ruhanie bin Ahmad:** Selamat pagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengambil kira segala kelemahan-kelemahan yang telah pun beliau huraikan sebentar tadi. Apakah perancangan Kementerian Belia dan Sukan untuk memperkukuhkan kedudukan pengurusan organisasi sukan dan pada waktu yang sama untuk memperhebatkan lagi prestasi keluarga sukan Malaysia dalam konteks persiapan kita untuk sukan Komanwel akan datang. Terima kasih.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Puan Shahrizat binti Abdul Jalil):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana bertanya soalan yang begitu baik, ya. Kementerian Belia dan Sukan dalam usaha untuk memperbaiki prestasi mutu sukan secara keseluruhannya telah mengambil beberapa tindakan antaranya menyediakan pelan tindakan untuk 14 jenis Sukan Komanwel bagi tempoh 5 tahun dan juga kami sedang berbincang dengan persatuan-persatuan berkenaan supaya program jangka panjang dapat disediakan bagi sukan-sukan seperti olahraga, renang, menembak dan angkat berat dan pihak kementerian dalam proses menggubal Akta Pembangunan Sukan yang menjelaskan peranan semua pihak yang terbabit dalam membangunkan sukan dan menyediakan mekanisme supaya masalah-masalah yang dihadapi sekarang dapat diselesaikan dengan cepat dan berkesan. Dan akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga ada melaksanakan satu program pembangunan sukan pilihan yang melibatkan 14 jenis sukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan bagi pihak Kementerian

Belia dan Sukan, jika pihak persatuan sukan yang ada di negara ini bekerjasama dengan pihak kementerian, insya-Allah prestasi kesukanan dalam negara ini akan meningkat dan mencapai kejayaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Maximus Johnity Ongkili.

#### **BIMP-EAGA—PEKEMBANGAN DAN PENGLIBATAN SABAH**

**4. Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau)** minta Perdana Menteri menyatakan apakah status dan perkembangan BIMP-EAGA setakat ini dan apakah program-program ekonomi yang melibatkan Negeri Sabah yang telah dilaksanakan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah):** Tuan Yang di-Pertua, projek Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia dan The Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) yang meliputi negeri Sabah, Sarawak dan Labuan di Malaysia, Sulawesi Utara, Kalimantan Timur dan Barat di Indonesia Kepulauan Mindanao dan Palawan di Filipina dan Negara Brunei Darussalam telah diwujudkan pada tahun 1994. Sehingga kini 5 mesyuarat 4 hala peringkat menteri dan pegawai kanan telah diadakan. Pada mesyuarat 4 hala kelima yang diadakan di Davao City, Filipina baru-baru ini, Indonesia telah menambah 7 wilayahnya yang menyertai BIMP-EAGA iaitu meliputi Kalimantan Tengah, dan Barat Sulawesi Tengah Selatan dan Tenggara Maluku dan Irian Jaya. Penambahan wilayah yang menyertai projek ini menggambarkan keyakinan negara berkenaan dengan potensi untuk membangunkan wilayah ini yang begitu menggalakkan.

Di antara projek di bawah kerjasama BIMP-EAGA yang telah dilaksanakan

sehingga ini dan melibatkan Negeri Sabah ialah perluasan perhubungan udara di antara Kota Kinabalu dengan Davao City, penubuhan Syarikat Penerbangan SEAGA, yang merupakan satu daripada dua 'designated airlines' yang akan beroperasi dalam wilayah-wilayah BIMP-EAGA dan perkhidmatan feri daripada Zamboanga dengan Sandakan. Di samping itu, beberapa projek kerjasama yang lain kini berada dalam beberapa peringkat pelaksanaan. Di antaranya ialah perikanan laut dalam, pengetinan makanan laut, pengilangan barangan daripada kayu. Bank Pembangunan Asia (ADB) baru sahaja selesai menjalankan kajian BIMP-EAGA. Beberapa projek di Sabah yang berpotensi untuk dilaksanakan oleh sektor swasta telah dikenal pasti dalam kajian tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bandau.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan BIMP-EAGA ini adalah dengan izin, private sector driven iaitu berasaskan kerjasama di peringkat swasta. Maka gambaran pada saat ini Tuan Yang di-Pertua, ialah banyak yang dibincang-bincangkan tetapi tidak banyak yang translate dengan izin, kepada projek-projek dan usaha yang kelihatan dari segi kerjasama dan memandangkan khususnya kawasan ini terkebelakang dari segi infrastruktur dari segi sistem ekonomi, jadi saya ingin bertanya peringkat kerajaan apakah tindakan yang akan dibuat supaya imej bahawa ini sekadar round table discussion benar-benar kepada koperasi corporation dan program yang terperinci. Apakah tindakan kerajaan dalam perkara ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdullah):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional tidak membuat janji yang bukan-bukan. Parti pembangkang, selalunya bercakap pandai,



tapi tidak ada apa yang dilaksanakan. Kalau kita lihat, bukan sahaja projek ini yang telah kerajaan laksanakan bahkan banyak lagi projek besar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sejak yang lepas. Apabila kita melibatkan pelaksanaan projek-projek yang besar apa tah lagi kerjasama dengan kerajaan-kerajaan yang lain, memanglah kita mesti meneliti dengan baik dan memakan masa yang agak lama sedikit. Projek kerjasama ini baru tahun 1994. Jadi, kalaulah satu projek yang besar hanya dalam sekelip mata boleh dibuat memanglah banyak perkara yang boleh diselesaikan.

Walau bagaimanapun bila kita mengadakan mesyuarat bersama dengan kerajaan-kerajaan atau mana yang terlibat dalam mesyuarat yang terlibat beberapa kali hingga 5 kali sehingga sekarang. Beberapa MoU telah ditandatangani. Dalam tandatangan MoU ini, sudah tentulah banyak perkara detail dilaksanakan. Dan saya percaya, apabila selesai perkara detail telah dilaksanakan. Saya yakin, bahawa banyak projek itu boleh dilaksanakan sama ada di negeri Sabah ataupun di mana-mana kawasan yang terlibat dengan BIMP-EAGA yang saya nyatakan tadi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Lim Lay Hoon.

#### **DOKTOR ENGGAN BERI RAWATAN KECEMASAN— TINDAKAN**

**5. Puan Lim Lay Hoon (Padang Serai)** minta Menteri Kesihatan menyatakan tindakan-tindakan disiplin yang diambil terhadap doktor-doktor yang enggan memberikan rawatan kecemasan kepada pesakit yang memerlukannya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' M. Mahalingam):** Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan

tatatertib boleh diambil terhadap doktor-doktor yang enggan memberi rawatan kecemasan kepada pesakit yang memerlukannya. Tindakan tersebut boleh diambil oleh Majlis Perubatan Malaysia selepas menjalankan siasatan dan mendapati pengamal perubatan berdaftar bersalah dan boleh dijatuhkan hukuman seperti amaran, memotongkan nama pengamal perubatan dari daftar, memerintahkan supaya nama pengamal berdaftar digantung dari daftar selama tempoh yang ditetapkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belakang sana.

**Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan selamat pagi. Adakah kementerian sedar bahawa segelintir doktor-doktor yang menggunakan hujung pen atau pensil mereka untuk membuat pemeriksaan pada pesakit-pesakit dan adakan tindakan seperti ini direstu oleh kementerian.

**Setiausaha Parlimen Menteri Kesihatan (Dato' M. Mahalingam):** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini spesifik, boleh bagi tahu siapa dia, kita boleh ambil tindakan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi. Berasaskan kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa beberapa langkah ataupun tindakan telah pun diambil terhadap doktor yang enggan memberikan rawatan kecemasan dan kita sering mendengar juga bahawa doktor juga enggan memberikan rawatan sehingga pesakit itu memastikan mempunyai secukup wang untuk membayar fee yang akan dicajkan. Jadi, sehingga ini berapa orang doktor yang telah diambil tindakan kerana tidak memberikan rawatan kecemasan kepada pesakit.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan pengamal perubatan

swasta yang telah diberi sijil perakuan amalan pada tahun 1995 ialah 5,196. Jumlah aduan yang diterima oleh majlis ialah 40 dan siasatan telah dijalankan dan seorang doktor dapat dibatalkan ataupun struck off di tahun 1995.

**AKTA PERINDUSTRIAN  
SEKURITI 1983—  
KEBERKESANAN PINDAAN  
TERHADAP PELESENAN**

**6. Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) keberkesanan pindaan kuasa pegawai pelesen ke Suruhanjaya Sekuriti; dan
- (b) jangka waktu untuk seseorang pemohon lalui bagi mendapatkan lesen untuk menjadi wakil peniaga di syarikat broker saham di bawah Akta pindaan baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan pindaan Akta Perindustrian Sekuriti 1983, pada tahun 1995 kuasa pelesenan yang dahulunya di bawah Kementerian Kewangan telah dipindahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti mulai 7hb Mac, 1996.

Memandangkan tempoh masa yang agak singkat itu, adalah terlalu awal untuk menilai keberkesanan Suruhanjaya Sekuriti dalam aspek pelesenan. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Sekuriti telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk mempertingkatkan taraf profesionalisme serta menggalakkan perindustrian sekuriti. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- (i) untuk menjimatkan masa, syarikat-syarikat pemohon tidak diperlukan lagi untuk mendapatkan kelulusan dasar, manakala syarikat broker

saham boleh membuat permohonan terus kepada Bursa Saham Kuala Lumpur untuk mendapatkan status pelatih wakil peniaga bagi calon-calon syarikat dan menjalankan latihan praktikal di syarikat broker serta mengambil peperiksaan di BSKL;

- (ii) pusat perkembangan industri sekuriti di Suruhanjaya Sekuriti sedang menyediakan kurikulum yang bersesuaian bagi semua pakar wakil perniagaan sebelum dilesenkan. Ini adalah bertujuan untuk menentukan semua pemohon mempunyai pengetahuan asas bagi menjalankan urus niaga dengan dagangan saham; dan
- (iii) Suruhanjaya Sekuriti telah menggantikan lesen berniaga untuk bukan ahli BSKL dengan lesen pengurus kumpulan wang untuk mengelakkan kekeliruan dengan lesen-lesen perniagaan bagi ahli BSKL. Suruhanjaya Sekuriti telah mengeluarkan panduan khas bagi mendapatkan lesen pengurus kumpulan wang bagi orang asing untuk menggalakkan pembangunan pengurusan dana di Malaysia.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar pandangan yang mengatakan bahawa kebanyakan pengurus dana tempatan menunggu 'move' dengan izin, oleh pengurus dana asing sebelum mereka membuat keputusan untuk melabur? Jika benar, apakah langkah kementerian untuk mengatasi keadaan ini?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu pendapat yang subjektif, sebenarnya segala faktor yang boleh mempengaruhi pasaran bursa saham di Malaysia ini. Maka pandangan daripada pengurus dana asing itu boleh juga diambil kira tetapi dikatakan pengurus tempatan

ini adalah semata-mata bergantung kepada pendapat daripada orang asing itu adalah tidak benar.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** (Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kangar.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Arau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, minta maaf, selalu silap ya.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada pihak kementerian mengkaji implikasi daripada budaya saham yang begitu menular di kalangan rakyat kita ini dan kalau kita lihat daripada galeri-galeri di Bursa Saham Kuala Lumpur, ramai pegawai dan kakitangan kerajaan yang berada di situ pada waktu bekerja. Adakah kerajaan membuat kajian menyiasat dan menetapkan had-had tertentu bagi memastikan supaya prestasi kerja pegawai-pegawai yang melibatkan diri dengan saham dan sebagainya tidak terjejas.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan saya rasa adalah bergantung kepada Peraturan Am untuk mengawal disiplin pegawai kerajaan, jadi, sesiapa yang melanggar peraturan-peraturan yang terdapat di dalam Perintah Am itu memang akan diambil perhatian terhadapnya dan setakat ini kerajaan tidak menjalankan apakah kajian untuk perkara yang sebegitu spesifik di mana didapati pegawai-pegawai yang hadir semasa bertugas di dalam galeri saham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Tan Kee Kwong.

(Soalan No. 7—Y.B. Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) tidak hadir)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman.

(Soalan No. 8 - Y.B. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran) tidak hadir)

### SMK BARU, BINTULU—TEMPOH PEMBINAAN

**9. Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) memandangkan RM24 juta telah dipohon oleh kementerian dalam RMK7 untuk pembinaan SMK Baru, Bintulu, apakah cadangan tempoh masa untuk pembinaan dan tempoh tamat pembinaan sekolah itu; dan
- (b) jumlah wang sumbangan yang diberi untuk pembinaan SRB Siang Boon, Bintulu dan jumlah wang yang diperuntukkan untuk menggantikan bangunan kayu yang lama di SRB St. Anthony, Bintulu.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah RM24 juta telah diperuntukkan dalam RMK7 untuk membina SMK Bintulu di samping dua buah sekolah lain iaitu SRK Bintulu dan SRK Kidurong yang akan dibina dalam RMK7. Tempoh masa pembinaan ketiga-tiga buah sekolah tersebut dianggarkan 18 bulan dan dijangka siap pada akhir tahun 1997.
- (b) Setakat ini Jabatan Pendidikan Sarawak tidak menerima sebarang permohonan bantuan modal daripada SRB Siong Boon setelah borang permohonan dikeluarkan. Keadaan yang sama juga telah berlaku kepada SRB St. Anthony

Bintulu. Walau bagaimanapun, bantuan modal berjumlah RM14,648.00 telah diluluskan yang bertujuan untuk membeli perabot bagi 6 bilik darjah di SRB St. Anthony, Bintulu.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri mengulangi ketiga-tiga sekolah menengah tadi iaitu SMK Bintulu, SMK Kidurong dan SMK Baru?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah yang terlibat yang ditanya dalam soalan ini ialah:

- (i) SRK Bintulu;
- (ii) SRK Kidurong; dan
- (iii) SMK Kidurong.

Ini yang dimaksudkan di Bintulu itu.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Tidak ada soal jawab dalam perkara ini.

#### **TANAH SAWAH PADI— MENGETAT SYARAT UBAH PENGUNAAN**

**10. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Pokok Sena)** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah pihak kementerian tidak bercadang untuk mengetatkan supaya tanah-tanah sawah padi tidak dapat diubah syarat dengan sewenang-wenangnya demi untuk menjaga negara ini daripada bergantung sepenuhnya kepada pengeluaran padi dari negara-negara luar. Adakah rancangan kerajaan untuk memperluaskan kawasan penanaman padi di negara ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah menetapkan bahawa tanaman padi akan ditumpukan kepada 8 kawasan jelapang padi iaitu:

- (i) MADA;
- (ii) KADA;
- (iii) Kerian, Sungai Manik;
- (iv) Barat Laut, Selangor;
- (v) Besut;
- (vi) Kemasing, Semerak;
- (vii) Seberang Perak;
- (viii) Seberang Perai; dan
- (ix) Balik Pulau.

Dan tanah padi di kawasan-kawasan ini tidak akan ditukar penggunaannya. Memandangkan Kerajaan Pusat tidak mempunyai kuasa atas hal tanah, maka Kerajaan Pusat telah meminta kerjasama kerajaan-kerajaan negeri untuk memastikan tanah-tanah sawah di kawasan jelapang padi tersebut dikekalkan untuk tujuan tanaman padi supaya pengeluaran padi di kawasan-kawasan ini dapat memenuhi sebahagian besar keperluan beras negara.

Kawasan padi di kawasan bukan jelapang padi pula akan dibenarkan digunakan untuk tanaman bernilai tinggi seperti sayur-sayuran dan buah-buahan demi untuk memastikan negara dapat menghasilkan bekalan makanan selain daripada beras yang cukup serta memberi peluang kepada petani meningkatkan pendapatan masing-masing. Ini akan dibuat secara berperingkat-peringkat.

Kerajaan yakin bahawa dengan pengurusan sawah padi yang tersusun dan dengan penubuhan mini estet dan perladangan berkelompok, hasil

pengeluaran dapat dipertingkatkan. Kerajaan berpendapat bahawa dengan pengurusan air yang cekap, penyerataan tanah atau ground levelling, dengan izin, penggunaan benih berhasil tinggi dan peningkatan intensiti penanaman, hasil pengeluaran padi di kawasan jelapang padi akan memenuhi sekurang-kurangnya 65% daripada keperluan beras negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan juga menggalakkan sektor swasta menanam padi secara komersil dan terdapat beberapa syarikat sedang menilai kemungkinan usaha ini.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut, salah satu daripada kawasan jelapang padi ialah kawasan Balik Pulau. Setahu saya mungkin sudah 30 tahun tidak ada padi yang ditanam di kawasan Balik Pulau. Jadi, saya ingin bertanya, adakah kementerian ada rancangan untuk mengembalikan penanaman padi di kawasan Balik Pulau.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap tadi ialah kawasan jelapang padi iaitu yang ke lapan, Seberang Perai, Balik Pulau—namanya. Kalau nama itu tidak suka, saya tarik baliklah. (*Ketawa*)

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Samat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, sama ada, misalnya di kawasan jelapang padi di Kedah banyak kawasan padi yang berhampiran dengan bandar. Jadi, ada juga bendang-bendang padi ini diambil untuk membuat pembangunan. Tidak adakah syarat supaya bila ada kawasan padi itu di 'acquire' untuk membuat pembangunan, mesti diganti dengan kawasan lain supaya kawasan padi sentiasa berada di tahap yang kekal dan di tahap yang sama, misalnya, dia tidak berubah. Kalau ada berapa ribu relung pun, dia banyak itu

juga—kalau ambil mesti tambah tempat lain?. Kalau perlu toreh bukit-bukit yang mana ada untuk tanam padi.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui bahawa apa yang kita sebutkan tadi, kawasan jelapang padi terdapat 8 kawasan yang terbesar, manakala pengambilan balik itu, memang kita telah memohon kepada kerajaan negeri, kalau terpaksa juga diambil balik, maka dipohon supaya ia diganti dengan jelapang-jelapang atau kawasan-kawasan sawah yang baru. Tetapi walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sebenarnya kawasan padi makin bertambah, kerana pertambahan kawasan-kawasan seperti di Sabah, Sarawak dan juga di sebelah pantai timur makin bertambah. Jadi, keseluruhannya, bertambah walaupun pengambilan balik sebahagiannya diambil.

#### TABUNG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA— JUMLAH SUMBANGAN DIKUTIP

**11. Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) bilangan syarikat yang telah berdaftar untuk menyumbang kepada Tabung Pembangunan Sumber Manusia; dan
- (b) Jumlah yang dikutip sejak tabung ini dilancarkan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Semenjak Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 diperkenalkan mulai 1hb Januari, 1993

sehingga 5hb Julai, 1996, sebanyak 5,059 majikan telah berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia di bawah Kementerian Sumber Manusia. Jumlah itu terdiri daripada 4,154 majikan dari sektor perkilangan dan selebihnya sebanyak 905 dari sektor perkhidmatan.

- (b) Bagi tempoh yang sama sejumlah RM282.9 juta levi pembangunan sumber manusia telah dikutip. Daripada jumlah itu, peruntukan kewangan sebanyak RM225.18 juta telah diluluskan untuk majikan melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja yang berjumlah 1,190,342 orang. Dalam pada itu, sejumlah RM2.54 juta telah diluluskan kepada majikan-majikan untuk tujuan membeli peralatan bantuan latihan dan penyediaan kemudahan bilik latihan di premis syarikat masing-masing. Kemudahan ini adalah khusus untuk menggalakkan majikan menjalankan latihan secara dalaman, di samping meningkatkan mutu dan keberkesanan latihan keseluruhannya.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah syarikat yang telah berdaftar dan menyumbang kepada tabung dan tidak memohon menggunakan tabung tersebut untuk program latihan. Apa langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menggalakan mereka menggunakan tabung tersebut?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab akta ini baru sahaja diluluskan, kita masih di peringkat untuk 'educate' syarikat-syarikat itu supaya memberi sumbangan kepada tabung tersebut, bukan lagi sampai ke peringkat kita hendak bersungguh-sungguh untuk mengambil tindakan

undang-undang, sungguhpun ini menang termaktub dalam akta tersebut—kuasanya ada.

Buat masa ini syarikat-syarikat yang telah mendaftar dan tidak menggunakan wang itu sedikit sahaja, tidak banyak, sungguhpun saya tidak ada angka yang tepat. Dan wang yang telah disumbangkan tetapi tidak digunakan maka itu digunakan untuk membawa faedah-faedah yang lain seperti memberi pinjaman faedah rendah kepada syarikat-syarikat lain pula untuk mengadakan sesuatu rancangan latihan.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa syarikat-syarikat yang mencarum wang kepada tabung ini boleh mendapat rebet sama ada dengan melakukan latihan dalaman atau pun menghantar pekerja kepada pusat-pusat latihan yang di luar daripada kawasan. Dengan tertubuhnya Lembaga Akreditasi Negara, adakah kelulusan untuk menerima latihan yang dijalankan sama ada secara dalaman ataupun melalui institut latihan lain, adakah kelulusan untuk syarikat-syarikat mendapat rebet daripada itu tertakluk kepada pengiktirafan yang diberi oleh Lembaga Akreditasi Negara. Maknanya adakah institut latihan yg diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia sebagai memenuhi syarat latihan yang hendaklah mendapat pengiktirafan daripada Lembaga Akreditasi Negara?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Setahu saya, kaitan itu belum diadakan lagi, tetapi buat masa ini pihak Majlis Pembangunan Sumber Manusia telah pun ada berbagai-bagai kriteria untuk meluluskan segala permohonan untuk menggunakan tabung tersebut. Ada kalanya kursus-kursus itu telah ditetapkan silibas dan sebagainya dan kalau syarikat-syarikat memohon untuk kursus-kursus yang telah pun ditetapkan, maka permohonan itu diluluskan secara

automatik. Tetapi pihak Majlis juga akan mempertimbangkan sebarang bentuk kursus-kursus yang lain, yang mana kalau berasas atau pun memberi faedah, maka ianya akan diluluskan juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak.

*(Soalan No. 12 - Y.B. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu) tidak hadir)*

#### PERSENGKETAAN DI SRI LANKA—PERANAN KERAJAAN MALAYSIA

**13. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah kerajaan Malaysia membenarkan mana-mana warganegara yang mempunyai keluarga yang kini terperangkap dalam sengketa antara Tamil Eelam dan Kerajaan Sri Lanka, membawa dan membenarkan mereka mendapat perlindungan sementara di sini dari menghadapi bahaya peperangan.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dr. Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak mempunyai dasar khas untuk membenarkan warganegara-warganegara Malaysia membawa ahli-ahli keluarga mereka yang menghadapi bahaya akibat dari keadaan yang ada di Sri Lanka sekarang untuk mendapatkan perlindungan sementara di Malaysia.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekiranya ada permohonan daripada saudara mara yang terlibat dalam peperangan atau

bimbang mungkin terperangkap dalam peperangan, sekiranya ada permohonan dibuat oleh saudara mara rakyat Malaysia di sana, atau saudara rakyat Sri Lanka di sini, apakah dasar kerajaan Malaysia?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang kita ketahui, tidak ada warganegara Malaysia yang telah mengemukakan permohonan untuk membawa ahli-ahli keluarga mereka yang terperangkap dalam sengketa di Sri Lanka untuk berlindung di negara kita. Walau bagaimanapun, untuk menjawabnya, walaupun soalan itu satu andaian sahaja, tetapi kita ada peraturan-peraturan imigresen yang sekarang dikuatkuasa yang boleh digunakan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang pendirian negara kita ke atas persengketaan yang berlaku di sana dan sama ada Yang Berhormat dari Sungai Siput pernah meminta bahawa kerajaan Malaysia memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa kaum Tamil yang terperangkap dalam persengketaan di sana?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu keluar daripada soalan asal, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Yunof Edward Marinking.

*(Soalan No. 14 - Y.B. Tuan Yunof Edward Marinking tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Jacob Dungau Sagan.

*(Soalan No. 15 - Y.B. Tuan Jacob Dungau Sagan tidak hadir)*

## SUKAN—PENGHAPUSAN BUDAYA RASUAH

**16. Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan bagaimanakah kementeriannya akan berusaha menghapuskan kebudayaan perjudian, rasuah dan corak sukan untuk keuntungan kewangan di antara golongan ahli-ahli sukan Malaysia kebelakangan ini. Apakah program-program motivasi dan latihan kesukanan yang dijalankan oleh kementeriannya untuk menegak semula semangat sukan untuk menghasilkan satu generasi muda yang baru.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Puan Shahrizat binti Abdul Jalil):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini hanya sukan bola sepak sahaja yang dikesan terlibat dengan budaya perjudian dan rasuah. Untuk sukan-sukan yang lain gejala rasuah tidak ketara, kerana sifat-sifat sukan itu sendiri tidak mencenderungkan masyarakat umum untuk melibatkan dalam amalan perjudian. Sebagai langkah untuk menghapuskan budaya rasuah dan perjudian di kalangan atlet-atlet, kementerian telah melaksanakan pelbagai insentif kepada mereka yang berjaya di pertandingan antarabangsa, dan atlet-atlet juga sentiasa diberi kesedaran berhubung dengan rasuah melalui ceramah dan kursus motivasi yang diadakan dari semasa ke semasa.

Dalam usaha untuk menghasilkan satu generasi atlet muda yang baru dengan semangat kesukanan yang positif, kementerian telah dan sedang mengadakan program-program seperti berikut:

- (i) atlet-atlet sukan Komanwel di bawah Program Jaya '98 diwajibkan mengikut latihan bina semangat yang akan diadakan dari semasa ke semasa. Latihan ini adalah bertujuan untuk menyemarakkan semangat nasionalisme dan kesukanan yang positif bagi

memberikan kesedaran kepada mereka akan tanggungjawab kenegaraan di dalam pertandingan sukan;

- (ii) atlet-atlet didedahkan dengan latihan mental dan motivasi dalam kem-kem latihan sukan yang diadakan secara berpusat atau mengikut latihan sukan masing-masing; dan
- (iii) atlet-atlet muda di bawah Program Tunas Cemerlang dan Program Pembangunan Bakat sentiasa mengikut program-program motivasi yang diadakan di kem latihan tahunan peringkat kebangsaan dan di kem latihan tahunan peringkat negeri.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada usaha-usaha yang akan dijalankan oleh pihak kementerian, saya tidak dengar tadi salah satu usaha yang akan dijalankan ialah untuk menjaga kebajikan ahli-ahli sukan ini. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa prestasi ahli sukan ini sentiasa tinggi dengan caranya ialah untuk menjaga kebajikan kepada ahli-ahli sukan itu sendiri, dan kalau boleh keluarga mereka sendiri juga mesti diberi bantuan. Dan juga apakah langkah yang akan diambil untuk memastikan apabila ahli-ahli sukan ini apabila bersara nanti, mereka diberi satu jaminan untuk masa depan mereka?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, yang ditanya ini ialah berkenaan dengan perjudian, kebudayaan perjudian. Bukanlah berkenaan dengan kebaikan, berkenaan dengan kedudukan ahli-ahli sukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman.



*(Soalan No. 17 - Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said.

*(Soalan No. 18 - Y.B. Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lau Ngan Siew.

*(Soalan No. 19 - Y.B. Tuan Lau Ngan Siew tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita boleh habiskan soalan-soalan pada hari ini. *(Ketawa)*

**PEKERJA TERLIBAT DENGAN  
KIMIA BERBAHAYA—  
LANGKAH KESELAMATAN**

**20. Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan pengguna bahan kimia yang patut diambil oleh para majikan terhadap pekerja-pekerja supaya pekerja-pekerja tidak terjejas dengan bahan kimia yang berbahaya.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan untuk memastikan setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya. Kenyataan yang diumumkan tetapi jelas ini adalah salah satu daripada peruntukan yang terkandung di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, termasuk ketetapan bahawa majikan telah diwajibkan mengadakan polisi keselamatan dan kesihatan yang menggariskan dasar syarikat terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjanya.

Akta tersebut juga menetapkan bahawa majikan dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi syarikat yang mempunyai 40 orang pekerja atau lebih. Di samping mematuhi peruntukan umum Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 yang disebutkan tadi, langkah-langkah keselamatan khusus yang perlu diambil oleh pihak majikan berhubung dengan penggunaan bahan-bahan kimia bagi memastikan keselamatan dan kesihatan para pekerja tidak terjejas, termasuklah:

- (i) mengadakan prosedur dan peraturan tertentu bagi penerimaan, penyimpanan, pemungahan, penggunaan, pengendalian dan pembuangan bahan kimia yang berbahaya yang terdapat di tempat kerja;
- (ii) melabelkan setiap bekas berisi bahan kimia dengan maklumat yang mencukupi supaya para pekerja tahu akan kandungan, bahaya dan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mencegah pendedahan atau mengurangkan risiko serta meletakkan tanda-tanda keselamatan di tempat-tempat yang berisiko tinggi;
- (iii) mengadakan penyeliaan dan latihan terhadap para pekerja yang perlu mengendalikan bahan kimia, termasuk mengadakan program pengawasan kesihatan bagi memastikan kesihatan para pekerja tidak terjejas akibat daripada penggunaan bahan kimia;
- (iv) membekalkan para pekerja yang perlu mengendalikan bahan kimia dengan peranti-peranti perlindungan diri yang sesuai, di samping mengadakan perkakas-perkakas kecemasan di tempat-tempat yang sesuai dan menyenggarakannya dengan baik supaya boleh berfungsi pada bila-bila masa;

- (v) mengumpulkan kertas maklumat bahan atau, dengan izin, 'material safety data sheet' bagi setiap bahan kimia yang terdapat di tempat kerja dan menyebarkan maklumat ini kepada para pekerja yang terlibat; dan
- (vi) menjalankan penilaian risiko yang berterusan ke atas para pekerja yang terdedah kepada bahan kimia dan mengambil langkah-langkah kawalan yang paling berkesan menangani sebarang risiko yang dikenal pasti.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada arahan yang telah dikeluarkan oleh kementerian, adakah ketetapan dibuat, dan adakah pihak majikan yang memberikan keutamaan ataupun arahan supaya kakitangan yang terlibat dengan kerja-kerja yang sedemikian diinsurankan secara individu ataupun berkelompok, dan adakah kemudahan-kemudahan pemeriksaan kesihatan secara berjadual ditentukan oleh majikan-majikan. Sekiranya ada, adakah di kalangan majikan-majikan yang engkar dengan arahan ini bagi tempoh setahun atau dua tahun yang lalu?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, memang Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, kita ada pejabat di merata-rata, dan kita memang menjalankan pemeriksaan sepanjang masa, bukan sahaja berjadual, tetapi juga yang mengejut. Bukan sahaja itu, tetapi pihak kementerian lebih menumpukan perhatian kepada soal-soal pencegahan, 'preventive'. Dengan itu, kita memang mengadakan seminar dan kursus sepanjang masa kepada industri-industri yang merbahaya supaya perkara yang seperti itu tidak akan diadakan. Untuk itu, kita telah pun menubuhkan satu Institusi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk mengadakan kursus sepanjang masa.

Setakat ini alhamdulillah, didapati bahawa pihak majikan-majikan kita mula sedar tentang peripentingnya keselamatan dan kesihatan pekerja mereka.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa adakah kilang-kilang yang mengusahakan bahan-bahan kimia diwajibkan untuk mewujudkan klinik rawatan kecemasan pekerja?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jawab tadi, memang kita tak perlu klinik, tetapi memang dikehendaki untuk mereka mengadakan langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah-masalah kecemasan. Tak semestinya klinik, tetapi perubatan atau langkah-langkah lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hoo Seong Chang.

*(Soalan No. 21 - Y.B. Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Tan Yee Kew.

*(Soalan No. 22 - Y.B. Dr. Tan Yee Kew (Klang) tidak hadir)*

#### PUSAT PEMULIHAN PENGIKUT AL-ARQAM—MASALAH

**23. Datuk Abu Seman Yusop (Alor Gajah)** minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak Pusat Islam menerima tawaran Ketua Polis Negara untuk menjadikan kem-kem Polis Hutan di beberapa tempat di negara ini sebagai Pusat Pemulihan Aqidah para pemimpin Al-Arqam yang ditahan di bawah ISA baru-baru ini. Jika tidak, di manakah tempat bekas anggota Al-Arqam dan juga

ajaran sesat yang lain dipulihkan dan sejauhmanakah mereka ini dapat dipulihkan akidahnya.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah):** Tuan Yang di-Pertua, Pusat Islam sentiasa bekerjasama dengan semua agensi kerajaan yang lain khususnya pihak polis dalam memulihkan bekas pengikut Arqam dan pengikut ajaran sesat yang lain. Bentuk kerjasama adalah dalam pelbagai bidang sama ada dari segi penentuan kaedah, penyediaan tenaga, tempat dan sebagainya. Setakat ini Pusat Islam tidak mempunyai masalah untuk mendapatkan tempat yang sesuai bagi program pemulihan ini sama ada di kem-kem polis hutan, pusat latihan biro tatanegara dan lain-lain tempat.

Proses pemulihan ke atas bekas pengikut Arqam dan ajaran sesat lain berjalan dengan baik. Jabatan Agama Islam negeri-negeri juga melaksanakan tugas ini secara bersepadu dengan agensi-agensi lain terutama Jabatan Polis DiRaja Malaysia.

#### KONGSI GELAP DI SEKOLAH— KES YANG DILAPORKAN

**24. Tuan Ho Cheong Sing (Ipoh Barat)** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa pengaruh "kongsi gelap" dalam sekolah-sekolah semakin teruk pada masa kini. Jika ya, nyatakan:

- (a) berapakah kes-kes yang dilaporkan kepada pihak berkuasa; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menyelesaikan masalah sosial ini dan bagaimana.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada;

(a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengikut maklumat yang ada pada tahun 1995 terdapat seramai 123 orang pelajar yang didapati terlibat dengan kegiatan kongsi gelap. Walau bagaimanapun kegiatan kongsi gelap yang terdapat di sekolah-sekolah adalah terkawal;

(b) dalam usaha menangani masalah ini Kementerian Pendidikan telah dan akan meneruskan rancangan-rancangan seperti berikut:

- i. Program pembimbingan rakan sebaya.
- ii. Bekerjasama dengan pihak polis seperti mengadakan projek sekolah sebagai anak angkat dan kempen atau ceramah kesedaran;
- iii. Mengenakan tindakan tegas terhadap pelajar yang terlibat dengan salah laku seperti kongsi gelap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Parit Sulong.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah sosial di sekolah-sekolah ini ada terdapat sekolah-sekolah yang cuba melindungi masalah-masalah disiplin murid dan juga masalah penagihan dadah umpamanya daripada diketahui oleh pihak umum. Ini kerana pengetua-pengetua sekolah di takut rekod sekolah itu akan tercemar sekiranya perkara yang benar ini diketahui oleh umum. Jadi adakah pihak kementerian mendapat gambaran yang jelas mengenai 'indiscipline action' ataupun perkara-perkara melanggar disiplin termasuk kongsi gelap, penagihan dadah dan lain-lain, mendapat gambaran sebenarnya dari pihak sekolah ataupun mendapat dari fakta-fakta yang sekunder atau 'secondary factors'?, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada

setakat ini kedapatan sebarang usaha untuk melindungi apa juga kesalahan-kesalahan yang berlaku di sekolah-sekolah dan jawatankuasa disiplin dan guru-guru kaunselor yang ada di setiap sekolah itu biasanya melaporkan apa juga kejadian pada pihak kementerian dan jawatankuasa PIBG, jawatankuasa muafakat, yang ada ditubuhkan di sekolah-sekolah pun memberi setiap kerjasama sekiranya berlaku sebarang kejadian dan selain dari itu memang kita ada saluran-saluran lain untuk meneliti perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7, 8, 12, 14, 15, 17, 18, 19, 21, 22 dan 25 hingga 84 dijilid dalam buku berasingan)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Melaka, ada apa-apa?

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, point of Order No 9.

**Tuan Yang di-Pertua:** Atas apa?

**Tuan Lim Guan Eng:** Peraturan Mesyuarat No. 9

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat kerana saya telah perhatikan sejak Mesyuarat Parlimen bermula kita tidak dapat *Hansard* seperti biasa yang kita dapat selepas hari kemudian dan saya difahamkan ini adalah kerana ketidakcukupan kakitangan untuk membuat kerja-kerja yang penting seperti ini dan saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh memastikan perkara ini boleh dibetulkan kerana ini adalah sangat penting

kita tidak boleh rujuk kepada apa yang kita telah bahaskan pada hari sebelum itu. Dan sungguhpun hari ini hari Isnin kita ada dua hari rehat tapi *Hansard* masih belum dikeluarkan. Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh mengambil perhatian dan mengambil tindakan dalam perkara ini, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya akan ambil perhatian. Dukacita sedikit ya kerana kekurangan pekerja-pekerja kita di bahagian reporter dan bahagian pengeluaran *Hansard*. Kita telah berusaha hendak menambahkan pegawai-pegawai kita tetapi sampai sekarang ini kita belum mendapat tambahan-tambahan pekerja-pekerja. Ada juga di antara pekerja-pekerja kita yang telahpun bertukar ke tempat lain tetapi tidak ada penggantinya. Tapi bagaimanapun saya akan cuba supaya dapat pekerja-pekerja yang secukupnya untuk menguruskan kerja-kerja di Parlimen ini dan haraplah pihak kerajaan memberi perhatian besar kerana kerja-kerja di Parlimen ini adalah sangat mustahak kepada negara kita. *(Tepuk)*

**Yang di-Pertua:** Ya sila Setiausaha.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA GETAH MALAYSIA (PERBADANAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

10.30 pagi

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Siti Zainab binti Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk memansuhkan Akta Kumpulan Wang Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia 1958, Akta Institut Penyelidikan

Getah Malaysia 1966, Akta Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia 1972, Akta Pengawalan Perkapalan dan Pembungkusan Getah 1949 dan Akta Pendaftaran Eksport Getah 1966 untuk membubarkan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia, Institut Penyelidikan Getah Malaysia dan Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah Malaysia untuk menubuhkan Lembaga Getah Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan untuk membuat peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan industri getah Malaysia, dibaca kali kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Siti Zainab binti Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Getah Malaysia atau LGM adalah perlu untuk memenuhi kehendak semasa dan masa depan industri getah negara. Buat masa kebelakangan ini, ekonomi negara telah melalui perubahan struktur yang melibatkan juga sektor getah. Negara telah dan sedang berubah dari ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi yang berasaskan pembuatan dan perkhidmatan. Dalam pada itu struktur getah sendiri turut berubah di mana aktiviti hiran sudah meningkat dan mengatasi aktiviti hulan dari segi sumbangan nilai eksport negara. Sebaliknya agensi-agensi getah tidak berubah selaras dengan perkembangan ekonomi semasa. Industri getah akan diberi pengertian yang lebih luas dan bersepatu atau intergrated. Ini merangkumi segala aktiviti seperti pengeluaran, pemerosesan, pembuatan, penggunaan kayu hiviyar, eksplotasi keunggulan RND dan kepakaran dalam bidang getah serta aktiviti persisiran pantai atau off shore dan sebagainya.

Oleh itu adalah perlu agensi-agensi getah di bawah Kementerian Perusahaan

Utama yang ada sekarang disusun semua di bawah satu badan baru LGM dengan pegubalan undang-undang baru supaya industri getah pada keseluruhannya dapat berkembang dengan sokongan yang lebih teratur dan jitu.

Undang-undang ini akan menubuhkan Lembaga Getah Malaysia, (LGM) memansuhkan lima akta dan membubarkan tiga agensi getah. Walau bagaimanapun, beberapa peruntukan di dalam kelima-lima akta yang dimansuhkan itu yang masih diperlukan dan relevan untuk tujuan menggalakkan pembangunan getah keseluruhannya diubahsuai dan dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang LGM atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya di mana berkenaan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, rang undang-undang ini dan penubuhan LGM memerlukan satu lagi akta iaitu Akta Pasaran Getah Malaysia (Perbadanan) 1962 disemak 1989 dipinda untuk diselaraskan dan dibaca bersama-sama dengan Akta LGM. Rang undang-undang pindaan itu akan saya kemukakan kelak. Penubuhan LGM akan menghapuskan pertindihan tugas yang sedang dijalankan oleh ketiga-tiga agensi yang sedia ada.

Melalui LGM, beberapa pembaharuan pentadbiran industri getah akan dibuat termasuk mengurangkan kawal seliaan, bilangan dan jenis lesen dan sebagainya. Usaha ke arah meningkatkan daya saing industri getah akan terus dipergiatkan lagi menerusi pengawalan kualiti dan piawaian keluarannya.

Tuan Yang di-Pertua, LGM perlu mempunyai peranan dan fungsi yang tertentu untuk menentukan pembangunan industri getah yang berterusan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan industri getah, LGM adalah diberi peranan meningkatkan daya

pengeluaran dan kecukupan industri getah keseluruhannya. Ini melibatkan sektor dari hulu kepada hiliran hinggalah perkhidmatan pemasaran.

Di antara fungsi penting LGM adalah untuk melaksanakan polisi-polisi dan program-program pembangunan bagi menentukan viability industri getah. LGM akan juga melaksanakan penyelidikan pengeluaran, pemakaian dan penggunaan getah. Pemasaran antarabangsa juga akan diberi tumpuan di samping mengawal selia pasaran getah tempatan. Untuk membolehkan LGM memainkan peranan dan menjalankan fungsinya dengan sempurna, kuasa-kuasa tertentu diperuntukkan kepadanya. Salah satu kuasa penting yang diperuntukkan akan membolehkan LGM menjalan dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti berkaitan penyelidikan dan kemajuan keluaran, pemakaian, penggunaan dan pemasaran getah dan produk getah dan perkhidmatannya serta pengawalseliaan industri getah. Selaras dengan itu juga, kuasa-kuasa sampingan lain diperuntukkan supaya perjalanan-perjalanan LGM menjadi lebih licin.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan LGM ini juga akan dapat mengurangkan perbelanjaan mengurus pada keseluruhannya dan mengurangkan peruntukan kewangan dari kerajaan. Bersesuaian dengan perkembangan ekonomi semasa, LGM akan menuju ke arah pembiayaan sendiri melalui kepelbagaian punca pendapatan. Buat masa ini, ketiga-tiga agensi getah yang sedia ada iaitu Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB), Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) dan Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia (MRELB) mempunyai pelbagai punca kewangan bagi pembiayaan tahunannya.

Punca utama pendapatan bagi MRRDB dan RRIM adalah menerusi ses

penyelidikan yang dikenakan ke atas getah keluaran negara yang dieksport dan peruntukan belanjawan tahunan pembangunan dan mengurus dari kerajaan serta pendapatan dari pengeluaran getah oleh stesyen penyelidikan dan perkhidmatan. Peruntukan belanjawan mengurus dari kerajaan diberi secara tokok tambah atau top-up, dengan izin. Bagi MRELB, punca kewangannya ialah dari pendapatan dan sijil eksport getah. Di masa hadapan, LGM akan meluaskan punca pendapatannya melalui pelbagai projek yang akan mendatangkan hasil menuju ke arah pembiayaan sendiri atau self-financing, dengan izin. Pada masa yang sama, segala usaha diteruskan supaya kutipan ses dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Dengan yang demikian, jumlah bantuan pembiayaan dari kerajaan akan menurun dari tahun ke setahun.

Tuan Yang di-Pertua, LGM akan memberi tumpuan penyelidikan dan pembangunan yang lebih fokus. Sokongan R&D yang dinamis dalam bentuk penemuan dan inovasi teknologi, bimbingan dan khidmat nasihat adalah perlu bagi menjamin daya saingan industri getah Malaysia. Sumber R&D yang ada perlu diperuntukkan mengikut keutamaan tertentu merangkumi aktiviti hulu dan hiliran industri getah termasuk juga kegiatan sampingannya.

Bagi sektor hulu, keutamaan akan diberi bagi menangani masalah kekurangan tenaga buruh, mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan produktiviti. Usaha juga akan turut ditumpukan ke arah meningkatkan sumbangan keluaran bukan getah seperti kayu hevea dan bio-teknologi.

Di sektor hiliran pula, keutamaan akan diberi bagi memenuhi bahan-bahan baru serta penggunaan baru getah dalam industri pembuatan. Aktiviti R&D bagi pengeluaran barangan berteknologi tinggi akan dipergiatkan. Pengkomersilan

penemuan-penemuan baru bagi pihak industri akan digalakkan melalui pendekatan baru seperti contract research, syndicated research serta promosi gigih terhadap penemuan-penemuan penyelidikan. Dalam pada itu, R&D ke arah memelihara alam sekitar akan diteruskan. Di samping itu, LGM akan terus memberi khidmat sokongan dalam soal penilaian keluaran industri getah bagi menjamin mutu dan piawaiannya terjamin. Salah satu kunci bagi mencapai produktiviti dan kecekapan di sektor pengeluaran terutamanya pekebun kecil ialah pemindahan teknologi. Buat masa ini, teknologi yang ditemui oleh badan penyelidikan (RRIM) disampaikan kepada pekebun kecil melalui agensi-agensi pelaksana seperti pihak penguasa kemajuan pekebun kecil perusahaan getah (RISDA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA). Kajian menunjukkan tahap terima pakai teknologi baru oleh kumpulan sasaran adalah rendah. Teknologi yang ditemui akan disampaikan kepada pekebun dengan lebih berkesan supaya dapat diterima pakai secara sempurna. Pemindahan teknologi yang akan datang akan memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti, mengurangkan masa muda, immaturity period, dengan izin, mengatasi kekurangan buruh serta mempertingkatkan kualiti pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, LGM akan menentukan pemasaran getah menjadi lebih dinamik selaras dengan objektif LGM yang lebih menumpu kepada penggalakan perkembangan industri getah yang kukuh dan berdaya saing tinggi. Dasar pemasaran dan perkhidmatan getah telah diperluas dengan menggabungkan pelbagai aktiviti pengeluaran dan pemasaran di peringkat hulu dan juga hiliran. Selain dari mengekalkan strategi utama pemasaran getah yang memberi penekanan kepada soal dengan izin,

competitive edge, melalui peningkatan usaha-usaha pengeluaran dan pemasaran getah yang berkualiti tinggi, satu dasar pengeluaran dan pemasaran getah yang bersepadu akan dilaksanakan. Kawalseliaan dan pengawasan akan dikurangkan, dengan izin, deregulate, selaras dengan dasar pembangunan industri getah yang menumpukan kepada penggalakan dan pemberian khidmat sokongan yang boleh menyumbang ke arah pertumbuhannya yang lebih pesat. Kebanyakan bentuk pengawasan dan kawalan serta perlindungan akan dikurangkan. Sungguhpun demikian, perniagaan dan pemasaran getah masih perlu diawasi untuk memastikan mutu getah negara kekal di tahap yang tinggi.

Untuk tujuan ini, industri getah akan terus dikawal selia tetapi di tahap yang minimum untuk mewujudkan satu pasaran getah yang terbuka, kukuh dan berdaya saing tinggi. Selaras dengan dasar ini juga, beberapa peruntukan penguatkuasaan seperti yang berkaitan kuasa pegawai untuk menahan dan menangkap tanpa waran dan kuasa untuk menahan, menggeledah dan merampas kenderaan-kenderaan yang membawa getah akan dimansuhkan. Beberapa bentuk kawalan terutama garis-garis panduan ke atas pengeluaran, pemerosesan dan pemasaran getah yang membendung dan membebankan akan dilonggarkan.

Tuan Yang di-Pertua, berikut saya ingin kemukakan ciri-ciri penting Rang Undang-undang Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996. Rang undang-undang ini terbahagi kepada sembilan bahagian dan mengandungi 75 fasal.

Bahagian I—Bahagian ini mengandungi tajuk ringkas peruntukan yang membenarkan Menteriewartakan tarikh kuasa serta tafsiran istilah-istilah penting yang digunakan.

Bahagian II—Bahagian ini memperuntukkan penubuhan LGM sebagai

satu perbadanan, objektif, fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya, keanggotaan lembaga, kuasa menteri memberi arahan, mengemukakan penyata akaun dan maklumat, perwakilan kuasa oleh lembaga dan kuasa menubuh jawatankuasa.

Bahagian III - Bahagian ini menyediakan peruntukan berhubung dengan perlantikan Ketua Pengarah; Timbalan Ketua Pengarah; pegawai-pegawai dan pekhidmat serta syarat-syarat perkhidmatan mereka; kuasa memberi pinjaman dan pendahuluan kepada kakitangan; perwakilan kuasa oleh Ketua Pengarah; penubuhan Jawatankuasa Tatatertib dan rayuan terhadap keputusannya, membuat peraturan tatatertib; mengenakan surcaj serta yang berkaitan dengannya.

Bahagian IV - Bahagian ini mengandungi peruntukan berhubung dengan penyelidikan dan kemajuan. Ia memperuntukkan penubuhan pusat-pusat penyelidikan; penubuhan semula Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) selepas pembubarannya bagi membolehkan nama baiknya terus dinikmati. Pusat-pusat penyelidikan mempunyai fungsi-fungsi tertentu, ia diperkatakan juga eksekutif kepada pusat-pusat serta larangan penerbitan.

Bahagian V - Bahagian ini mengandungi peruntukan kewangan. Ia memperuntukkan penubuhan kumpulan wang serta perbelanjaan yang boleh ditanggungkan. Kuasa mengenakan ses, memungut fee dan caj; penyediaan anggaran dan perbelanjaan dan pemakaian akta badan berkanun; akaun dan laporan tahunan 1980.

Bahagian VI - Bahagian ini memperuntukkan kuasa meminjam, melabur, mengambil agen dan penasihat teknikal; memberi pinjaman dan penubuhan perbadanan.

Bahagian VII - Bahagian ini mengandungi peruntukan yang berhubung dengan penguatkuasaan; pemberian kuasa kepada pegawai penyiasatan; penggelidahan dengan waran; perlucuthakkan dan halangan pegawai diberi kuasa.

Bahagian VIII - Bahagian ini memperkatakan perkara am seperti pengawalseliaan industri getah; penalti am; pengkompaunan kesalahan permulaan dan perjalanan pendakwaan; bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan; perlindungan pegawai; kuasa untuk mengecualikan; kuasa membuat peraturan-peraturan dan pengesahan perbuatan yang dibuat menjangkakan akta.

Bahagian IX - Bahagian ini mengandungi peruntukan pemansuhan, kecualian, peralihan, penerusan dan pencegahan anomali.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penubuhan LGM beberapa faedah dan kebaikan boleh diperolehi. Rang undang-undang ini akan menghapuskan tiga agensi dan tiga lembaga pengarah. Ini membolehkan industri getah diuruskan tanpa pertindihan pentadbiran dan dengan lebih bersepadu merangkumi aktiviti seperti pengeluaran getah, pengeluaran barang getah, pasaran serta pemasaran getah dan perkhidmatan kepakaran getah.

Penubuhan LGM juga dapat mengurangkan keperluan kakitangan serta perbelanjaan tahunan. Dari segi sosio-ekonomi pula penubuhan satu agensi membolehkan orang ramai memperoleh khidmat dengan lebih sempurna kerana ianya diberi oleh satu agensi yang bersepadu. Apa-apa perkhidmatan berkaitan dengan agensi ini akan tersedia di bawah satu bumbung. Dengan penubuhan LGM ini juga masalah kewangan yang sedang dialami oleh agensi-agensi getah sekarang akan dapat dikurangkan.



Akta ini membolehkan kutipan ses yang lebih sempurna dan luas dijalankan menyebabkan pertambahan pendapatan. LGM akan menggalakkan komersilisasi penubuhannya dengan lebih berkesan di samping memberi khidmat rundingan. Pengurusan harta yang lebih berkesan boleh memaksimumkan pendapatannya.

Rang Undang-undang ini akan memastikan bahawa pembangunan industri getah negara dapat berjalan dengan lancar untuk memainkan peranan penting dalam ekonomi negara menjelang abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 sekarang terbuka untuk dibahas. Ya, Rompin.

*10.56 pagi.*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis (Rompin):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan syabas kepada kerajaan dan seterusnya kementerian kerana membentangkan satu rang undang-undang yang dipanggil Lembaga Getah Malaysia yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri seperti yang kita baru dengar.

Saya yakin semua daripada kita yang berada dalam Dewan ini mengucapkan syabas kerana kementerian dan kerajaan menubuhkan satu Lembaga Getah Malaysia bagi menyelaraskan kegiatan

berasaskan industri getah terutama sekali dari bidang penyelidikan dan pembangunan seperti yang dinyatakan tadi, ia akan memberikan satu nafas baru supaya diteruskan usaha baik oleh rubber research ini.

Saya rasa juga dengan wujudnya lembaga berkenaan sudah pasti akan meningkatkan lagi industri getah negara secara lebih bersepadu sepertimana dimansuhkan tiga institut iaitu Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM), Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB) dan Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia (MRELB) termasuk memansuhkan lima akta. Dengan adanya usaha ini harapan kita ialah supaya meneruskan kecemerlangan yang baik era getah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya kembali sedikit dari segi sejarah dalam suasana begini. Membuka kembali kepada lipatan sejarah industri getah negara, memang tidak dapat dinafikan bahawa industri getah telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara. Sejak ianya mula diperkenalkan, kita semua yakin kita belajar dalam sekolah dahulu bahawa getah ini bukannya datang dari negara kita.

Getah ini diperkenalkan secara komersil di negara ini daripada Amerika Selatan oleh Mr. H.R. Ridley. Di peringkat awal pengenalan tanaman tersebut memang terdapat banyak masalah dan cabaran, mungkin ini membuahkan fikiran menyebabkan negara pada ketika itu, walaupun di bawah penjajah lagi menubuhkan badan penyelidikan ini.

Penubuhan industri dan ekonomi negara pada peringkat awal sebelum merdeka dan selepas merdeka berasaskan getah. Pada ketika itu tanaman ini banyak dibuat secara ladang besar seperti Sime-Darby,

Guthrie dan kita juga lihat industri getah ini membawa sejarah atau membuka kaedah yang baru di Tanah Melayu. Pada ketika itu ramai pekerja (buruh) dibawa masuk dari India dan negeri China. Mungkin kalau kita lihat dari segi getahnya, Tuan Yang di-Pertua, ia membuka lambaran kepada pembangunan ekonomi negara, tetapi secara sejarahnya juga ia membuka satu keadaan baru kepada sejarah negara kita termasuk politik juga, tetapi tidak sesuaiilah saya menghujah secara lanjut dari segi politik. Namun demikian, kita tahu bahawa di segi ekonominya selepas merdeka kalau tidak ada getah tidak mungkin kita akan mencorak dan mendapat satu tapak yang kukuh daripada pembangunan ekonomi negara.

Selepas merdeka, usaha yang telah dibuat dengan baik oleh penjajah, yang kita boleh akur sebagai baik, yang buruk itu tetap kita katakan buruk, diteruskan dengan penubuhan agensi-agensi seperti RISDA, Felda bagi menguruskan dan mengukuhkan asas pembangunan ekonomi negara itu. Ladang-ladang getah baru telah dibuka melalui skim pembangunan tanah yang diperkenalkan oleh agensi yang saya sebutkan tadi. Getah-getah bukan lagi tanaman sampingan orang-orang kampung sahaja malah menjadi satu usaha utama sebagai penggerak ekonomi negara. Usaha kerajaan inilah yang meletakkan Semenanjung Tanah Melayu pada ketika itu dan seterusnya Malaysia sebagai asas kekuatan ekonomi juga menjadi asas bagi Malaysia sebagai pengeluar getah utama di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, di antara faktor utama yang meletakkan kita sebagai 'world leader', dengan izin, di dalam pengeluaran getah, selain daripada penanaman secara besar-besaran secara estet ini adalah faktor penyelidikan dan pembangunan.

Sejak dari penubuhan Institut Penyelidikan Getah Malaysia, tarikhnya

pun kita nampak Institut Penyelidikan Getah Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, telah ditubuhkan pada tahun 1925 lagi semenjak getah atau biji getah ini dibawa ke Malaysia.

Mungkin pada ketika itu, dari segi inisiatifnya adalah, dari segi dorongan peladang-peladang besar. Namun demikian, peladang-peladang besar ini semuanya berlabuh ataupun berasas di England, di UK. Namun demikian, dari segi usahanya, sumbangannya, kita tidak dapat hendak menolak.

Tuan Yang di-Pertua, selepas merdeka, telah berlaku satu anjakan paradigma di mana Rubber Research Institute Malaysia (RRIM) ini telah menjadi satu badan sebagai asas penyelidikan dan pembangunan bukan sahaja kepada biologi penanaman atau usaha untuk meningkatkan kualiti penanaman tetapi juga ditingkatkan usaha penyelidikan ini kepada dua aspek lagi iaitu aspek pengeluarannya dan juga aspek penggunaannya ataupun applied technology, dengan izin.

Hingga hari ini, kita lihat Rubber Research Institute Malaysia ini telah memainkan peranannya dengan jayanya dan dikenali di seluruh dunia seperti yang saya katakan tadi sebagai satu institut yang terulung dalam bidangnya. Kita boleh berbangga, we are a world player dalam bidang ini. Dan ini bukan sahaja dari segi penghayatan, pujian kita di negara kita sendiri. Saya telah dimaklumkan perkara ini telah diakui sendiri oleh Badan Penyelidikan Getah Antarabangsa seperti International Rubber Research and Development Board (IRRDB), dengan izin, dan izinkan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada pengurusan dan kakitangan RRIM termasuk ketua pengarah, saya nampak semuanya ada di sebelah kanan di sana, syabas kepada mereka semua, bahawa dengan daya usaha mereka ini

meletakkan negara kita dalam peta dunia. Ini sangat kita bangga dan kita mengucapkan syabas kepada mereka.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, walaupun secara umumnya sektor perindustrian dan pembuatan telah menerima tumpuan selepas, kalau kita lihat 20 tahun yang lalu dalam kita mengorak langkah untuk menjadikan negara kita sebagai negara maju dalam tahun 2020, nampak-nampaknya kita pasang gear baru, kita pergi kepada industri. Senampak-nampaknya kita meninggalkan getah ini sebagai agenda yang kedua. Saranan saya, kita jangan tinggalkan kejayaan ini, the formula of success, kejayaan kita jangan kita tinggalkan. Memang benar, untuk menjadikan negara itu negara maju, Malaysia negara maju, kita perlu melangkah kepada agenda baru, agenda negara-negara perindustrian. Namun, jangan kita lupa pula yang kita telah berjaya ini. Kita berjaya, we are a world leader, we are a world name dalam getah, kita jangan lupa agenda yang kita sudah berjaya itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh tahun lalu daripada RM33 bilion hasil eksport komoditi, tidak termasuk petroleum dan hasil petroleum, eksport getah asli dan barangan berasaskan getah berjumlah RM7.5 bilion berbanding dengan RM6.3 bilion pada tahun 1994 — berbilion juga, masih besar juga.

Oleh kerana itulah, saya nampak bahawa dengan adanya usaha kementerian membentangkan satu usaha baru ini merangkumkan ketiga-tiga akta yang lalu, kita harapkan supaya agenda ini diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada RM7.5 bilion, RM4 bilion ini adalah getah asli - susu sahaja, ini susu getah. Manakala

berasaskan kepada barang-barang atau value added getah RM3.5 bilion dan oleh kerana pasaran getah pun agak baik juga, ada peningkatan saya nampak dari segi pengeluarannya pada tahun 1994 daripada 1.1 juta tan kepada 1.2 juta tan. Dalam perkara ini, saya satu perkara kadang-kadang kita masih lupa, dan kita kadang-kadang lupa ialah bahawa daripada mereka yang menghasilkan ini 84% daripada yang dihasilkan itu ialah daripada industri, daripada pekebun-pekebun kecil. Bermakna dalam penglibatan getah ini, kita jangan lupa ramai lagi masyarakat luar bandar yang masih bergantung kepada getah. Seandainya kita menghadapi pilihan raya, kalaulah harga getah turun, ini di sebelah sana mesti menggunakan isu ini, ini DAP, termasuklah PAS. Dia sekarang mula-mula di Kelantan itu dia hendak buang S.46 pula, dia hendak mengetuai sendiri.

**Seorang Ahli:** *(Menyampuk)*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya? Tak ada masalah. Ini kita bolehlah, kalau berani betul PAS ini, hendak betul-betul katakan 'aku ini juara', di Kelantan, besok dia akan gunakan isu getah ini, dia akan kaitkan getah ini, Tuan Yang di-Pertua. Dia kalau berani mengapa tidak mengadap Sultan buang betul-betul? Ini buang politik ini! PAS pun pandai politik nampaknya! Hai! Siapa pakar rujuk, saya tak tahulah! Mungkin Jelutong pakar rujuknya. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, ini penting, sebab itu saya memberikan sokongan kepada Dato' Timbalan Menteri tadi, bahawa diteruskan usaha yang baik ini dari segi industri getah ini. Sebab ramai lagi masyarakat luar bandar, ramai rakyat Malaysia bergantung kepada industri getah. Seandainya tidak ada kajian, penyelidikan yang dibuat, akan kurangnya penggunaannya maka harga getah akan turun. Itu kita tidak mahu, banyak lagi nyawa yang terlibat alam industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari fakta-fakta dan perkembangan yang saya katakan tadi, industri getah kita telah menunjukkan peningkatan yang baik, peningkatan dari segi jualan, peningkatan dari segi harganya, sudah wajarlah seperti yang kita dengar tadi bahawa diadakan, dibentangkan satu akta baru dinamakan Lembaga Getah Malaysia dipanggil LGM (Perbadanan) bagi tahun 1996. Tadi, kita telah mendengar juga bahawa akan disatukan ketiga-tiga agensi dan akan dimansuhkan kelima-lima akta dan kita mengucapkan syabas.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan beberapa perhatian dan pandangan tentang akta baru yang dibentangkan sebentar tadi. Kita dengar akan dikurangkan pengawalan, dibiarkan kepada industri yang regulatunya, kawal sendiri dan juga kita difahamkan kalau dulu tiga badan mengeluarkan lesen-lesennya sendiri dalam industri yang sama sekarang dengan disatukan sebagai satu badan yang mengeluarkan lesen, ini syabas kita mengucapkan dan juga dengan adanya penyatuan ketiga-tiga agensi ini akan dikecilkan saiz badan-badan yang terlibat supaya dengan adanya pengecilan saiz ini akan kuranglah kerenah birokrasinya, tadi jaminan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, dikurangkan pertindihan fungsinya dari segi agensi-agensi, akan diselaraskan objektif dan tugas atau bidang, ini amat baik sekali.

Kita mengucapkan shabaslah, sebab apa kita faham, bahawa lembaga ini diwujudkan 75 tahun yang dahulu seperti yang saya katakan 1925 diwujudkan, nasib baiklah kita tidak menunggu sehingga 100 tahun, Tuan Yang di-Pertua, kita modenkan pengurusan penyelidikan dan pembangunan di negara kita.

Dan kita mengucapkan syabas juga kerana dimaklumkan tadi, bahawa harapannya ialah bila diwujudkan sebagai satu badan, bahawa dari segi peruntukan

kewangannya dianggap mungkin insya-Allah, tidak lama lagi ada self-financing, dibiayai sendiri melalui dari segi pendapatannya, dari ses penyelidikan dan juga pendapatan daripada sivil eksport getah.

Mungkin saya minta Dato' Timbalan Menteri boleh kita beri target sedikit? Bila masanya bahawa kerajaan tak perlu memberi wang lagi? Kalau inilah yang dapat disebutkan, kalau kita tahu bahawa negara kita tahun 2020 kita maju. Bila misalannya badan ini boleh independent dengan tidak memerlukan lagi sumber pembiayaan daripada kerajaan. Kalau diletakkan ini sebagai satu target sasaran, saya yakin negara amat berterima kasih dan rakyat akan mengucapkan syabas.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan juga, lebih kurang 2,500 orang kakitangan yang terlibat dalam ketiga-tiga agensi ini. Apa harapan saya ialah memang baiklah kita kurangkan saiz, memang baiklah kalau boleh self-financing, kurangkan pertindihan, tetapi nyawa-nyawa yang terlibat itu kita kena jaga juga, staf-staf yang terlibat itu. Kita mesti beri mereka satu terma yang baik bila kita satukan, maknanya yang hendak bersara itu bolehlah kita biarkan bersara tetapi jangan ada paksaan, ambil juga the human value, the human face itu. Penilaian dari segi kemanusiaan itu sila ambil juga supaya mereka ini nanti tidak menjadi satu permasalahan kepada kerajaan dan kementerian. Tidak perlulah saya hendak mengunjurkan secara detail apa perlu dibuat, tetapi mereka yang seramai 2,500 orang ini yang sudah banyak khidmat dan jasa mereka kepada rubber research dan kepada negara dan kepada pembangunan negara dan oleh kerana hendak modenkan dengan menyatukan ketiga-tiga badan itu menjadi satu, kita buat sesuatu tindakan yang boleh merosakkan masa depan mereka dan merosakkan keluarga mereka, generasi yang melibatkan diri dalam usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin bangkitkan ialah juga tentang aspek penyelidikan dan pembangunan. Seperti yang kita sedia maklum, usaha akan datang kita hendak teruskan seperti usaha-usaha yang baik, seperti kajian terhadap pokok getah yang memberikan pulangan yang tinggi atau mewujudkan 'high earl trees'. Saya nampak usaha-usaha ini semasa kecil lagi. Di waktu kecil saya ingat, saya di kampung pernah juga memotong getah. Saya ingat semasa kecil dahulu untuk mendapatkan duit poket, saya pergi kutip sekerap getah. Di bandar dia tidak pakai perkataan 'sekerap'. Saya panggil 'sekerap getah'—getah selepas dipotong, besoknya sebelum di potong, kita pergi ambil di dalam bekasnya dan juga getah di tempat yang kita potong itu. Getah itu pada ketika itu dijual 10 sen satu kati. Saya terlibat juga secara peribadinya dalam industri getah ini.

Oleh kerana itu saya kadang-kadang faham keluhan masyarakat kampung, bila harga getah turun, pokok getah yang makin tua makin kurang susunya. Harapan kita supaya diwujudkan high earl trees ini. Jangan hanya semasa muda sahaja susu banyak, bila tua sedikit susu turun— ini susu getah, ya? Yang Berhormat Shah Alam, bukan lain. Yang Berhormat Shah Alam tersenyum pandang kepada saya—supaya ada high earl trees ini seterusnya dan juga kalau boleh diadakan klon-klon yang baik terus. Memang ada klon-klon yang baik yang kita dengar, tetapi teruskan usaha yang baik ini supaya ia terus lebih tahan kepada ancaman penyakit ataupun, 'resistance to disease', dengan izin.

Begitu juga kalau kita lihat dari segi masalah getah. Ini di kawasan saya di Rompin ada banyak ladang getah— masalah mendapatkan buruh. Mungkin kita memerlukan satu paradigm shift (anjakan paradigma). Kalau this century, dengan izin, lebih kurang sampai kepada tahun 2000, kira-kira 80 tahun negara bergantung dan kejayaan kita pun berasas

daripada getah, kita menggunakan manual tapping, dengan izin, mengapa tidak juga sebagai satu sasaran, the next century, kita tidak potong getah lagi secara manual ini.

Saya teringat satu contoh yang saya lihat di Canada—tidak tahulah sama ada perbandingan ini boleh diguna atau tidak, tetapi di sana satu pokok itu mengeluarkan sirap. Tappingnya tidak manual. Dihubungkan satu pokok kepada pokok yang lain melalui tiub. Jadi, sirap itu mengalir daripada pokok ke pokok dan dikutipkan sekali. Mungkin getah tidak boleh digunakan sebagai modelnya, tetapi sekurang-kurangnya sudah wujud satu pendekatan dan cara untuk memotong getah secara automotik dan bukan menggunakan manual lagi. Ini mungkin menjadikan satu usaha, mungkin tidak dapat satu kejayaan yang dekat, tetapi sekurang-kurangnya menjadi satu perancangan jangka panjang dalam pendidikan untuk memodenkan methodology memotong getah ini. Kalau ini dapat diusahakan, saya nampak bahawa nama cemerlang Rubber Research ini dapat kita banggakan dan terkenal terus di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, kita juga jangan tinggal dari segi research dalam 'applied technology'. Memang bagus kita keluarkan hasil aslinya yang banyak. Namun demikian nanti, adakah juga pokok getah itu hanya susu asli sahaja yang boleh kita gunakan? Kita dengar sekarang untuk membuat perabot amat kurang bekalan kayu, sebab itu bila ada satu usaha baru-baru ini kita dengar untuk menggunakan pokok kayu getah itu bagi membuat berbagai perabot, kita mengucapkan syabas. Apa yang mungkin telah dibuat sekarang ini kita mengucapkan syabas kepada Rubber Research ialah meningkatkan kualiti pokok getah itu sendiri supaya dapat digunakan untuk membuat bahan perabot. Kita mengucapkan syabas dan kalau boleh kita minta ditingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara juga yang saya ingin sentuh iaitu tentang penyelidikan juga. Saya telah difahamkan usaha penyelidikan ini telah dibuat pada tahun 1925—1930, namun saya telah dimaklumkan juga bahawa kita ada satu pusat penyelidikan di England. Sebab itulah kita mungkin dapat mengekalkan nama kita yang amat harum di dunia dari segi usaha kita dalam penyelidikan (research) getah ini. Mungkin salah satu sebabnya kita ada satu research station—pusat research di Brickendonbury, di Hertfordshire—tidak tahulah, sama ada betul atau tidak betul saya sebut, selalu balik kawasan, cakap orang putih pun tidak erti—Brickendonbury di Hertfordshire dan nama pusat research ini ialah Tun Abdul Razak Laboratory dan ditubuhkan pada tahun 1938. Jadi, dengan izin, we have a research centre in Europe, since 1938 dan kita mempunyai satu pusat penyelidikan di England yang ditubuhkan pada tahun 1938.

Ini adalah usaha kita. Sanggup mengadakan satu pusat penyelidikan hinggakan kita sanggup letak di England dan saya difahamkan ada 70 saintis dan penyelidiknyanya adalah orang putih. Maknanya kita gunakan mereka ini untuk membantu kita mendapatkan maklumat, research dan penemuan-penemuan baru supaya kita kekal dan terus berjaya dalam bidang getah. Kita mengucapkan syabas kerana kita ada satu research centre.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, mungkin kejayaan kita pada satu ketika dahulu kita tidak ada pakar-pakar dari rakyat Malaysia, yang ada Ph.D dahulu pun boleh dibilang berapa orangnya. Tetapi sekarang kalau kita lihat di universiti-universiti sudah ramai yang ada Ph.D. Kalau dahulu hendak mencari yang ada Ph.D amat susah, sekarang amat ramai. Saya kira 100-200 orang di satu universiti itu ada.

Tuan Yang di-Pertua, syor saya, mengapa tidak kita adakan satu perancangan. Kalau dahulu ladang getah

itu kita kembalikan ke Malaysia dengan kita mengambil alih syarikat Guthrie, itu kita bawa balik ke negara kita. Syor saya, mengapa tidak juga kementerian memberikan satu target untuk membawa balik research lab kita ini ke Malaysia dan kita ambil pakar-pakar negara. Namun demikian, kita jangan takut pula, bila kita bawa balik, kita tidak ambil pakar-pakar orang putih—jangan. Kita bawa ke mari, kalau kita perlukan kepakaran daripada pakar-pakar profesor yang sedia ada ini, kita bawa duduk di Malaysia. Mungkin mereka lebih sesuai duduk di Malaysia dengan harga rumahnya murah. Kalau dia duduk flat di London, di Malaysia sudah duduk di banglo. Mungkin kita boleh pujuk supaya dia 'retire' di negara kita.

Saya nampak bahawa kesan sampingan kepada research itu dapat dimanfaatkan kepada kita. Sebab itu saya syorkan supaya pusat research Tun Abdul Razak Laboratory ini dibawa ke Malaysia dan kita adakan satu perancangan. Janganlah bawa pula tahun depan. Adakan perancangan, mungkin 3 tahun, mungkin 5 tahun, tetapi ada sasaran. Janganlah kalau kita umumkan hari ini, kita hendak tarik besok, pengasas-pengasas dan pakar-pakar kita itu dia naik panik pula, susah hati dia pula—jangan begitu. Kita buat tindakan yang sebaik wajar supaya hasrat kita hendak pindahkan di sini pun dilaksanakan dengan baik dan kepakaran yang ada di sana pun kita tidak hilang. Kedua-duanya kita kena imbangkan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin sentuh juga bahawa baru-baru ini menteri ada mengesyorkan, dia kata hendak jadikan satu pusat getah. Mungkin sebagai bandingannya, Tuan Yang di-Pertua, kalau di Amerika dia terkenal dengan silicon. Mereka ada Silicon Valley di California. Saya bersetuju, nanti bila ini kita rujuk sebagai 'The Rubber City'.

Kalau Rubber City ada bangunannya pula. Pusat atau rubber centre di Sungai Buloh. Saya mengucapkan syabas, ini amat baik sekali, supaya nanti kawasan kita satu tempat tertentu, seperti Silicon Valley terkenal dengan kajian-kajian, penemuan-penemuan dan penyelidikan mengenai dengan getah.

Perkara satu lagi yang saya sentuh, Tuan Yang di-Pertua, tadi disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya setuju, saya mengucapkan syabas. Selain daripada kita merancang supaya getah itu produktivitinya tinggi, jenisnya boleh berhadapan dengan musuh-musuh getah, namun demikian, perkara yang penting juga industri-industri yang bersangkutan dengan getah. Sebagai bandingannya, sebagai asas kita hendak berbincang, dari segi eksport negara, getah asli menyumbang RM4 bilion. Kita eksport getah asli, RM4 bilion. Hasil daripada getah asli, barang-barang yang dibuat daripada getah, bahan-bahan berasaskan getah ialah RM3.5 bilion. Daripada RM3.5 bilion ini, lebih kurang majoritinya adalah hasil daripada alat-alat industri ataupun produk-produk industri yang dibuat daripada getah.

Pada pandangan saya, kita akan mengorak langkah menjadikan satu negara maju. Kalau dari segi kayu misalnya, Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang sudah mengharamkan eksport bahan mentah kayu. Kita haramkan untuk mengeksport kayu yang tidak diletak 'value added' ataupun kayu papan. Kita mesti eksport barang-barang yang dibuat daripada kayu. Saya nampak bahawa kalau kita boleh mencorak, pada tahun 2020 kita mahu menjadi negara industri, mengapa tidak kita buat satu target juga. Mungkin pada tahun 2010 atau lebih awal lagi bahawa kita tidak benarkan mengeksport getah asli lagi. Mengapa kita tidak ambil satu tekad, kita ambil satu matlamat dari segi masa. Kalau dahulunya bila Perdana Menteri mengumumkan, dia kata mahu

menjadikan negara kita negara maju pada tahun 2020, ada negara yang tertawa, ada yang dalam negara kita pun tak begitu yakin kita boleh jadi negara maju atau negara industri pada tahun 2020. Sekarang kita ada satu kepercayaan dan kebangkitan baru, satu kepercayaan diri bahawa insya-Allah kita boleh menjadi satu negara maju pada tahun 2020.

Sebelum kita menjadi negara maju pada tahun 2020, mungkin menjadi satu matlamat kita juga supaya jangan dieksport lagi getah asli. Kita eksport barang yang dibuat daripada getah asli. Kalau kementerian atau kerajaan boleh merancangkan satu pelan induk supaya industri hendak diberikan galakan seterusnya, insentif apa yang diberi, kita beri. Bantuan apa yang perlu mereka minta, kita beri kepada mereka supaya pada tahun 2010 atau tarikh-tarikh yang tertentu yang difikirkan praktikal oleh kementerian dan agensi yang terlibat, bahawa pada tahun sekian, kita tidak benar lagi eksport getah asli. Kita mesti eksport hanya barang-barang yang dibuat daripada getah asli. Ini syor saya, kalau ini dapat dibuat, seluruh daripada industri getah dapat ditumpukan kepada satu misi, misi yang penting untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucap syabas kepada kementerian supaya dapat mengetengahkan akta ini, seperti yang saya katakan tadi amat penting, isu yang terakhir saya bawa tadi, kita tumpukan kepada 'value added'. Kita tumpukan kepada pembangunan industri menggunakan getah asli kita. Dengan kita adakan badan IKS, satu agensi yang khusus dibentuk oleh MITI untuk pembangunan industri kecil dan sederhana, mengapa tidak juga mereka ini diminta bersama-sama dengan kementerian wujudkan industri kecil dan sederhana juga yang berasaskan getah. Mengapa industri getah ini mesti diwujudkan hanya oleh industri-industri besar sahaja?

Mengapa tidak ada IKS menggunakan getah asli untuk mengeluarkan produk-produk 'made in Malaysia' kita sendiri? Bukan sahaja produk-produk ini yang berasas kepada getah asli, kita buat di Malaysia, tetapi penemuan produk baru itu juga kita buat di Malaysia.

Sebab itulah pentingnya badan ini. Agenda kita pada dekad akan datang mencari bukan penemuan-penemuan getah baru, itu penting juga. Tetapi penemuan-penemuan baru yang menggunakan getah asli ini supaya rakyat Malaysia boleh menggunakan getah asli ini untuk mewujudkan industri baru, produk-produk baru untuk meneruskan, untuk memastikan agenda kita menjadi negara maju pada tahun 2020 ini akan berjaya. Ini penting sekali.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, perbahasan sahabat saya amat menarik. Adakah maksud Yang Berhormat supaya kita buat satu penyelidikan untuk mewujudkan produk dengan nismarket yang berasaskan getah asli?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Benar. Terima kasih Parit Sulong. Dia tahu, saya mungkin hilang idea sedikit. Betul, nismarket yang berasaskan getah, yang belum difikirkan. Sebab itu saya nampak tadi walaupun Rubber Research ini kata hendak 'self financing'. Kalau misalnya Rubber Research, agenda yang kedua dan penemuan-penemuan produk baru, benda-benda baru, saya tak bersetuju dipotongkan peruntukan daripada kerajaan. Kita minta kerajaan terus memberi wang kepada Rubber Research, tetapi ke arah kepada

agenda baru ini. Ses-ses yang dikutip ini untuk memberi dan meneruskan research, penyelidikan kepada agenda dahulu. Tetapi kita mahu agenda yang kedua, yang baru ini, penemuan kepada 'applied' teknologi apa yang boleh kita gunakan produk baru yang kita boleh buat di Malaysia yang menggunakan getah asli sebagai asas. Kalau ini dapat dibuat menghasilkan, saya bersetuju supaya kerajaan terus memberi peruntukan kepada Rubber Research ini.

Tidak wajarlah dipotongkan peruntukannya kerana dia hendak mengorak kepada agenda baru. Mungkin peruntukan untuk research, finding, kerja-kerja research untuk usaha-usaha yang tradisional, mendapatkan benih baru, cara pemotongan begitu mungkin asas peruntukan wangnya daripada ses ataupun eksport lesen. Tetap kepada research baru, untuk mendapat penemuan baru, produk baru, kerajaan patut terus memberi peruntukan kepada mereka. Ini kerana mereka merencanakan pelan induk negara untuk menjadikan negara ini negara industri. Kalau tidak ada researchnya, tidak ada penemuannya, tidak ada produknya, tidak ada finding yang baru, bagaimana kita hendak mewujudkan produk baru dan industri baru seperti nismarket, nisproduk apa yang dikatakan oleh Parit Sulong tadi. Ini adalah penting sekali.

Sebab itu Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun ada andaian kata, okay mungkin hendak self financing, tak payah peruntukan kerajaan, saya tak bersetuju. Hanya saya bersetuju kalau hanya untuk agenda yang biasa, konvensional, iaitu research kepada getah asli. Tetapi research kepada applied teknologi, penemuan-penemuan baru seperti yang dikatakan oleh Parit Sulong, kerajaan wajar meneruskan sumbangan kepada Rubber Research dan kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, itulah yang dapat saya mengambil kesempatan dan



mengesyorkan kepada kementerian, dengan adanya akta ini, harapan kita ialah supaya era kecemerlangan getah ini kekal harum pada nama Malaysia dan ianya hanya dapat kekal seperti yang saya katakan tadi, kita kena juga mengorak satu agenda baru. Kalau dahulu agendanya mendapat satu benih yang baik, mengeluarkan pokok yang tahan lasak, mendapatkan pokok getah yang boleh digunakan untuk bahan-bahan untuk kegunaan lain seperti pembuatan perabot, tetapi saya nampak agenda yang kedua yang amat penting sekali dalam kita mengorak jendela dekad yang akan datang untuk kita mencapai tahun 2020 sebagai negara industri yang maju, kita amat perlu agenda yang kedua ini bahawa getah ini dijadikan juga satu bahan berunsur penting untuk membangunkan industri di negara kita.

Sekian, saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Seremban.

*11.31 pagi.*

**Tuan Hon Choon Kim (Seremban):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya mengambil bahagian untuk membahas satu rang undang-undang yang dibentangkan tadi oleh Timbalan Menteri mengenai Lembaga Getah Malaysia (LGM) ini.

Sebagai seorang bekas penoreh getah saya juga mempunyai sentimen yang kuat terhadap industri getah dan saya rasa bangga dan ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah bercadang untuk membentangkan satu rang undang-undang supaya melalui satu integrated approach, dengan izin, untuk terus membangunkan sektor getah dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, getah memang telah memainkan peranan yang agak

penting dalam ekonomi kita tetapi sejak beberapa tahun yang sudah, kepentingan getah telah menurun dari segi sumbangan kepada ekonomi negara kita ini. Kawasan tanaman getah telah menurun dari 1.84 juta hektar pada tahun 1990 kepada 1.7 juta hektar pada tahun 1995. Ini kerana banyak kawasan tanaman getah seperti estet dan kebun kecil pun telah ditukar untuk tujuan dijadikan sebagai taman perumahan dan juga untuk perindustrian. Oleh kerana itu, keluasan tanaman getah telah dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengeluaran getah juga kita dapati bahawa pengeluaran getah asli juga turun dari 1.29 juta tan metrik pada tahun 1990 kepada 1.1 juta tan metrik pada tahun 1995, walaupun harga getah meningkat dengan ketaranya sejak beberapa tahun yang sudah.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia masih mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar getah asli ketiga terbesar iaitu sebanyak 19.1% daripada jumlah pengeluaran dunia. Pertama sekali ialah negeri Thai iaitu 32% dan kedua ialah Indonesia sebanyak 24%. Kerajaan pada pandangan saya mesti memberi perhatian yang serius untuk memastikan sektor ini akan terus berkembang supaya ia tidak akan menurun lagi dari segi pengeluaran dan sumbangan kepada ekonomi negara pada masa yang akan datang.

Dalam hal ini, saya ingin sentuh beberapa perkara untuk perhatian Yang Berhormat. Pertama ialah mengenai produktiviti atau daya pengeluaran. Pada pendapat saya produktiviti sektor ini perlu dipertingkatkan lagi terutama pekebun-pekebun kecil. Saya difahamkan hasil pengeluaran untuk estet adalah 1,064 kilogram satu hektar matang. Manakala kebun kecil hanya 817 kilogram satu hektar matang pokok getah. Ini bermakna bahawa pekebun kecil adalah hanya 30% hingga 40% kurang daripada estet kalau

kita bandingkan kedua-dua sektor ini. Ini merupakan satu perkara yang sangat serius dan kementerian perlu memberi perhatian bagaimana caranya untuk meningkatkan produktiviti dari sektor pekebun kecil. Ini memang mempunyai banyak masalah berhubung dengan pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pekebun kecil mempunyai peranan yang penting. Di negara kita ini 85% tanaman getah adalah terdiri daripada pekebun kecil. Akan tetapi keluasan tanaman seorang pekebun kecil pada puratanya hanya 3 hektar sahaja. Didapati juga 30% kebun kecil tidak diusahakan oleh kerana beberapa sebab. Pendapatan mereka adalah juga kurang stabil dan boleh dikatakan 12% pekebun kecil adalah merupakan golongan yang termiskin dengan pendapatan terendah iaitu kurang daripada RM200 sahaja. Manakala 23% pekebun kecil ialah orang yang miskin. Oleh kerana itu, kerajaan harus memberi perhatian untuk membantu supaya masalah-masalah yang saya sebut tadi dapat diatasi dari segi untuk membantu pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, RISDA pada tahun 1995 telah memperuntukkan sejumlah RM178 juta untuk membiayai projek tanam semula. Bantuan ini adalah sangat diperlukan untuk membantu pekebun kecil apabila kebun mereka ditanam semula. Malangnya sejak beberapa tahun yang sudah, pekebun kecil mengalami kesulitan untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada RISDA untuk tanam semula dan malangnya akhir-akhir ini kita juga dengar, bahawa kerajaan akan menghapuskan bantuan ini sama sekali. Saya berharap kerajaan akan mengkaji perkara ini dengan teliti. Kalau ini dilakukan, sektor getah ini khususnya pihak pekebun kecil akan menghadapi lebih banyak masalah dan pengeluaran getah akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan produktiviti pekebun kecil adalah rendah

iaitu lebih kurang 30% atau 40% rendah daripada estet, maka kerajaan perlu mengambil langkah untuk meningkatkan produktiviti. Beberapa faktor menyebabkan kekurangan pengeluaran kebun kecil. Kerajaan mesti memastikan klon yang dibekalkan adalah jenis yang baik. Saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Rompin bahawa kerajaan mesti meningkatkan penyelidikan supaya mengenal pasti satu klon yang lebih produktif supaya hasil daripadanya akan bertambah. Kerana kekurangan kewangan, pekebun kecil juga tidak menjaga kebun mereka dengan sempurna. Oleh sebab itu, hasil mereka adalah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah lagi yang dihadapi oleh industri getah ialah kekurangan tenaga buruh. Pada masa sekarang seperti yang saya sebutkan, sebanyak 30% kebun kecil tidak diusahakan kerana tidak cukup tenaga buruh dan generasi muda juga tidak berminat untuk bekerja di estet atau menjadi seorang pekebun kecil. Kerajaan membuat penyelidikan untuk memperkenalkan satu cara baru menoreh getah supaya tidak perlu banyak tenaga buruh dan penoreh boleh membuat kerja sampingan untuk menambah pendapatannya. Saya telah dengar beberapa lama bahawa satu cara baru untuk menoreh getah akan diperkenalkan. Tetapi nampaknya masih belum ada satu cara yang telah diperkenalkan dengan berjayanya dan dapat membuktikan cara atau method untuk menoreh getah baru itu dapat diperkenalkan dan dapat dijalankan dengan berkesan. Jadi, inilah perlu kita mengatasi supaya ia akan membantu mengatasi kekurangan tenaga buruh dalam sektor getah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mempertingkatkan produktiviti dan menambahkan pengeluarannya, kerajaan juga mengambil langkah untuk membangunkan sektor hiliran berasaskan kepada getah.

Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa membentangkan rang undang-undang ini yang telah pun menyebutkan bahawa kerajaan akan memberi perhatian atau melaksanakan usaha-usaha supaya dapat membangunkan sektor hiliran. Saya rasa ini amat berpatutan dan memang sesuai untuk kita lakukan.

Buat masa sekarang pembuatan berasaskan kepada getah hanya untuk membuat sarung tangan getah dan tayar sahaja. Saya berpendapat satu strategi yang baru, yang perlu kita timbangkan ialah meneroka pasaran baru serta membangunkan sektor hiliran berasaskan kepada getah. Oleh kerana itu, penyelidikan dan kegunaan getah perlu diperluaskan. Dalam hal ini saya bercadang untuk mewujudkan SMI (Small Manufacturing Industry) bagi pembuatan barangan berasaskan kepada getah kering, dry rubber products, dengan izin. Jika perlu insentif cukai atau lain-lain cara boleh dipertimbangkan untuk menggalakkan SMI dalam bidang ini.

Buat masa sekarang ini, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Rompin kegunaan getah ini masih terhad dalam beberapa produk sahaja. Kalau kita boleh buat penyelidikan (research) supaya kita boleh menerokai pasaran baru atau cara untuk menggunakan getah untuk membuat sesuatu produk, saya rasa ini perlu kita jalan dan dapat menggalakkan khususnya untuk mewujudkan satu SMI khususnya untuk memberi tumpuan kepada industri yang berasaskan kepada getah.

Tuan Yang di-Pertua, SMI tempatan harus digalakkan untuk berusaha sama dengan syarikat dari Jepun dan Taiwan yang mempunyai teknologi dalam bidang ini. Satu masalah yang dihadapi oleh SMI tempatan mungkin kekurangan teknologi baru, teknologi dalam pembuatannya untuk menggunakan getah. Kalau kita dapat menjalankan secara usaha

sama dan menggunakan teknologi-teknologi yang berasal dari Taiwan dan juga Jepun, maka sektor SMI berasaskan kepada getah ini mungkin akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah Lembaga Getah Malaysia yang harus memberi perhatian terhadap kayu getah atau kayu 'heavier'. Pada masa sekarang sebanyak 80% perabot yang diekspor adalah diperbuat dari kayu getah. Permintaan kayu getah kian bertambah, oleh kerana itu kerajaan perlu menjalankan penyelidikan supaya satu jenis latex timber clone baru yang boleh menghasilkan bukan sahaja latex yang banyak, tetapi di samping itu menghasilkan satu jenis kayu yang bermutu tinggi dan boleh dipakai untuk pembuatan perabot bagi diekspor.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang kita harus beri perhatian ialah sama ada boleh kita wujudkan satu rubber forest, dengan izin. Ini kerana seperti yang saya sebutkan tadi ada 30% kebun kecil tidak diusahakan. Kalau kita boleh menasihatkan kepada pekebun-pekebun ini supaya ditanam semula dengan satu klon berasaskan kepada kayu dan sebagainya, maka ia akan mendatangkan hasil untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, inilah beberapa perkara yang saya dapat sentuh untuk memberi pandangan tentang LGM. Saya yakin dan percaya dengan adanya satu rang undang-undang yang akan diluluskan nanti, maka industri getah akan dibangunkan dengan cara yang lebih teratur dan lebih tersusun. Saya percaya sektor ini akan terus membantu ekonomi untuk negara kita. Dengan kata-kata ini, saya sekali mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Santubong.**

11.45 pagi.

**Puan Rohani binti Abd. Karim (Santubong):** Tuan Yang di-Pertua, tahniah dan syabas kepada kerajaan khususnya Kementerian Perusahaan Utama atas usaha untuk mempertingkatkan lagi potensi industri getah di negara kita iaitu melalui penubuhan Lembaga Getah Malaysia.

Saya telah membuat beberapa penelitian mengenai rang undang-undang ini dan ingin memetik beberapa bahagian dan fasal seperti berikut:

Bahagian II iaitu mengenai penubuhan Lembaga. Di bawah Fasal 3, Lembaga dan objektifnya menyatakan bahawa:

- “3(2)(a) untuk memajukan dan membangunkan industri getah Malaysia; dan
- (b) untuk memajukan objektif, dasar dan keutamaan negara bagi pembangunan dan pentadbiran industri getah Malaysia yang teratur.”

Manakala di bawah Fasal 4 iaitu fungsi dan kuasa Lembaga di mana di antaranya adalah:

- “(a) untuk melaksanakan dasar dan program pembangunan untuk memastikan pembangunan industri getah Malaysia;
- (b) untuk memajukan dan melaksanakan aktiviti penyelidikan dan kemajuan dalam pengeluaran, pemakaian dan penggunaan getah;
- (c) untuk merancang, menyelaras dan mengawasi segala aktiviti penyelidikan dan kemajuan getah;
- (e) untuk mengawal dan mengawasi kualiti getah, bahan penanaman getah dan keluaran getah;
- (g) untuk mengadakan perkhidmatan teknikal, penasihat dan perunding bagi industri getah;

(k) untuk berhubung dan berkerjasama dengan agensi getah di dalam atau di luar Malaysia untuk selanjutnya memperkukuhkan industri getah Malaysia; dan

(l) untuk merancang dan melaksanakan latihan sumber manusia selaras dengan keperluan industri getah.”

Dalam Fasal 5 pula keanggotaan lembaga iaitu telah diambil kira:

- “(c) seorang wakil Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA); dan
- (e) seorang wakil sektor pekebun kecil industri getah;”

Tetapi kenyataan yang saya petik khas daripada fasal-fasal yang berkenaan sebenarnya saya memohon pihak kementerian untuk meyakinkan kita tentang masalah penguatkuasaan kelak dari pihak lembaga yang letaknya di bawah bidang kuasa Kementerian Perusahaan Utama. Kepada satu kumpulan sasaran yang spesifik yang telah banyak disentuh oleh kawan-kawan saya seperti Yang Berhormat dari Rompin dan Yang Berhormat dari Seremban. Di peringkat akar umbi iaitu pekebun kecil yang letaknya pula di Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Bagaimanakah kesannya nanti apa-apa arahan daripada lembaga atau segala penemuan-penemuan baru daripada Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) sampai ke peringkat akar umbi ini?

Saya juga ingin hendak tahu bagaimana dengan izin, arrangement sekarang ini di antara Kementerian Perusahaan Utama dan RISDA di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kita memang akui dan ketahui bahawa kedua-dua kementerian ini mempunyai program dan keutamaan masing-masing dan mereka

tidak akan menjalankan sesuatu program atau aktiviti yang membebaskan peruntukan yang telah diluluskan di kementerian masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Bahagian IV iaitu penyelidikan dan kemajuan dengan jelas dicatatkan fungsi ini melalui Fasal 31, iaitu fungsi dan kuasa pusat penyelidikan iaitu:

- “(a) untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan kemajuan getah; dan
- (b) untuk mengadakan dan menjalankan latihan selaras dengan keperluan industri getah.”

Tuan Yang di-Pertua, jelas daripada rang undang-undang ini bahawa segala aktiviti penyelidikan dan pembangunan, menyemak semula harga getah, sistem penorehan yang lebih canggih menggunakan teknologi tinggi supaya dapat meningkatkan pengeluaran getah dari segi mutu dan volume susu getah.

Saya kaitkan semula khasnya kepada kedudukan RISDA. Tidakkah ini akan menyulitkan menyebarkan maklumat atas penggunaan cara-cara baru, pengagihan biji benih yang bermutu tinggi kepada pekebun kecil? Persoalan adalah lebih daripada sistem pelaksanaan antara Lembaga Getah Malaysia nanti dan agensi-agensi lain yang berkenaan dengan getah tapi tidak di bawah kementerian yang sama. Ini tidak ada diperturunkan di dalam undang-undang mungkin ini di dalam internal arrangement or administrative arrangement, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, oleh demikian, saya ingin mendapat penjelasan dari kementerian khasnya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama atas beberapa perkara ataupun persoalan berikut:

- (i) Apakah faedah atau munafaat yang boleh dibawa oleh penubuhan Lembaga Getah Malaysia kepada pekebun kecil?
- (ii) Bagaimanakah cara-cara kita membatu pekebun-pekebun kecil mendapatkan harga getah yang berpatutan?
- (iii) Apakah usaha-usaha ke arah kestabilan harga getah asli sekarang ini dan dimasa akan datang?
- (iv) Adakah kementerian atau kerajaan akan berusaha mengatasi tanah getah terbiar dan bagaimana pula dengan program tanam semula?
- (v) Bolehkan kementerian memberi pandangan terhadap masalah mengenai penyebaran maklumat dan latihan hasil penyelidikan dan pembangunan getah sampai dan seterusnya diguna oleh pekebun-pekebun kecil di negara kita?

Dengan kata-kata demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tambun.

*11.52 pagi.*

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah (Tambun):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Lembaga Getah Malaysia Perbadanan Tahun 1996. Di antara objektifnya ialah untuk memaju dan membangunkan industri getah serta pembangunan dan pentadbiran industri getah yang teratur.

Saya ingin menyentuh Fasal 4 mengenai fungsi Lembaga iaitu mengenai melaksanakan dasar dan program pembangunan industri getah Malaysia serta melaksanakan aktiviti penyelidikan dan kemajuan untuk meningkatkan

pengeluaran serta mempelbagaikan pemakaian dan penggunaan getah.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Seremban bahawa keluasan tanaman getah telah berkurangan akibat daripada 2 faktor utama. Pertama, kawasan tanaman getah telah ditukar menjadi kawasan industri harta tanah dan perkilangan; dan kedua, kawasan getah ditanam semula dengan tanaman kelapa sawit.

Saya ingin menyentuh tentang soal penanaman semula kawasan getah pada tanaman kelapa sawit. Ini merupakan satu masalah yang besar, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita sedia maklum bahawa ladang getah tidak memberi pulangan yang besar, berbanding dengan ladang kelapa sawit. Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, pendapatan daripada ladang getah hanya merupakan 60% daripada pendapatan daripada ladang kelapa sawit. Dengan sebab itu, kita dapat melihat bahawa banyak syarikat besar dalam bidang perladangan mengubah daripada tanaman getah kepada kelapa sawit, atas dasar untuk mendapat keuntungan yang lebih.

Seperti mana kita sedia maklum, bahawa di dalam bidang perniagaan, pendapatan merupakan faktor utama dalam penentuan dalam bidang manakah yang akan dimasuki. Jadi, soalan saya kepada kementerian, sejauh mana kita dapat mempertahankan industri getah yang kurang viable ini? Saya lihat dari segi industri aktiviti ataupun industri hiliran, end-productnya bukan getah, tetapi ia adalah product celupan ataupun ia dicampur dengan product lain untuk mengeluarkan tayar, sarung tangan dan masa masalah aids ini, kondom.

Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap tentang soal research untuk mendapatkan product-product baru. Tapi, sejauh manakah sebenarnya product baru boleh dikeluarkan, menerima hakikat bahawa

penggunaan getah semakin kecil? Di samping itu, pula kuasa pasaran bagi pengeluaran getah di Malaysia bukan di tangan kita. Harga ditentukan oleh pengguna sendiri. Ia tidak ditentukan oleh Kuala Lumpur Commodity Exchange (KLCE), tetapi oleh pasaran niaga depan getah asli di Singapura iaitu (SIAMEX).

Tuan Yang di-Pertua, menerima hakikat ini, saya berpendapat bahawa seperti mana saya bersetuju dengan rakan saya dari Rompin dan Seremban bahawa kekuatan kita dalam industri getah boleh kita pertahankan melalui kekuatan kita dalam bidang R&D seperti mana yang telah dijalankan oleh SIRIM, yang mana SIRIM merupakan dalam dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "the leading rubber research institute in the world". Di mana kita sedia maklum bahawa SIRIM mengeluarkan journal dan journal ini adalah journal yang diakui oleh saintis di seluruh dunia sebagai journal teknologi getah yang terbaik di dunia.

Jadi, saya dapati bahawa dalam industri getah yang boleh kita pertahankan ataupun yang kita boleh laksanakan pada masa akan datang kita mengeksport teknologi getah dan kepakaran getah yang ada pada negara kita. Umpamanya dari segi pengeluaran dan hasil dari research kita, boleh eksport kepada negara-negara lain dalam pembangunan product-product industri.

Perkara yang kedua, yang saya ingin sentuh mengenai beberapa isu di dalam industri getah ini sendiri. Pertama, tentang soal pengeluaran hasil getah, saya difahamkan bahawa pihak kerajaan telah memperkenalkan sistem torehan frekuensi rendah (TFR) di mana bahawa ladang tidak lagi memerlukan torehan tiap hari. Pihak ladang boleh buat torehan antara 3 atau 5 hari sekali dan ini dapat mengurangkan bilangan buruh untuk kerja-kerja torehan. Untuk meningkatkan atau

mempertahankan hasil telah diperkenalkan alat penggalak susu iaitu "etheral". Saya difahamkan bahawa sistem ini pada masa ini tidak banyak digunakan, hanya digunakan oleh beberapa ladang saja. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, apakah masalah sistem ini untuk dilaksanakan secara menyeluruh? Adakah pihak kerajaan sendiri telah tidak berjaya memperkenalkan sistem ini secara yang efektif kepada ladang-ladang ataupun ladang sendiri merasakan sistem ini tidak sesuai untuk digunakan? Tetapi dalam penyelidikan saya, ladang yang menggunakan sistem ini telah mendapat hasil yang lebih tinggi dari segi penjimatan kos buruh.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, yang saya ingin sentuh mengenai dengan beberapa isu di dalam industri getah ini sendiri. Pertama, tentang soal pengeluaran hasil getah. Saya difahamkan bahawa pihak kerajaan telah memperkenalkan sistem 'Torehan Frekuensi Rendah' atau TFR di mana bahawa ladang tidak lagi memerlukan torehan setiap hari, pihak ladang boleh membuat torehan antara tiga atau lima hari sekali dan ini dapat mengurangkan bilangan buruh untuk kerja-kerja torehan. Dan untuk meningkatkan atau mempertahankan hasil, telah diperkenalkan alat penggalak susu iaitu ethereal.

Saya difahamkan bahawa sistem ini pada masa ini tidak banyak digunakan, hanya digunakan, oleh beberapa ladang sahaja. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, apakah masalah sistem ini untuk dilaksanakan secara menyeluruh, adakah pihak kerajaan sendiri telah tidak berjaya untuk memperkenalkan sistem ini secara yang efektif kepada ladang-ladang ataupun ladang sendiri merasakan bahawa sistem ini tidak sesuai untuk digunakan. Tetapi dalam penyelidikan saya, ladang yang menggunakan sistem ini telah mendapat hasil yang lebih tinggi dari segi penjimatan kos buruh.

Perkara yang kedua, yang saya ingin sentuh adalah tentang industri kayu getah. Sepertimana yang kita sedia maklum bahawa industri perabot negara kita telah meningkat dengan begitu pesat. Nilai eksport industri perabot pada tahun 1991 sebanyak RM478 juta telah meningkat

Saya difahamkan bahawa sekarang terdapat klon yang dipanggil sebagai 'timber latex clone' untuk industri kayu getah. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, sejauh mana klon ini digunakan? Saya difahamkan bahawa klon ini dapat menghasilkan pengeluaran dalam tempoh lima tahun. Ini bermakna bahawa pada tahun yang keenam, pihak ladang sudah boleh membuat torehan. Pengeluaran getah boleh dilakukan antara lima hingga sepuluh tahun dan selepas itu pokok getah boleh dipotong dan kayunya digunakan untuk industri perabot. Sekiranya klon ini baik, mengapa tidak klon ini dijadikan sebagai salah satu yang harus diperluaskan penggunaannya di negara kita.

Saya juga ingin menyentuh tentang soal viability ladang getah. Sepertimana yang saya nyatakan tadi bahawa margin daripada industri getah ini lebih rendah daripada sektor-sektor lain. Penanaman getah sepertimana yang saya katakan tadi menghasilkan 60% sahaja pendapatan daripada sektor ladang kelapa sawit.

Di dalam usaha untuk meningkatkan penanaman getah, ada penemuan mengenai dengan cara penanaman menggunakan sistem 'page planting' iaitu sistem tanaman getah secara tiga baris, lepas itu satu baris dusun dan tiga baris getah dan satu baris dusun.

Saya ingin mendapat makluman sejauh mana sistem ini telah digunakan dan adakah ia sesuai digunakan dan adakah sistem ini akan digunakan pada masa akan datang untuk meningkatkan hasil daripada industri getah ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan soal masalah buruh, selain daripada apa yang saya nyatakan tadi, sistem torehan frekuensi rendah, saya berpendapat bahawa masalah gaji penoreh ini berkaitan dengan pendapatan yang tidak menarik yang diberi daripada sektor perladangan getah ini. Saya berpendapat bahawa sistem bayaran upah dan gaji harus dikaji semula dan ia seharusnya berdasarkan insentif berkaitan dengan produktiviti penoreh. Ini akan menjadikan pendapatan serta upah dalam industri getah lebih kompetitif lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pekebun kecil, masalah ini merupakan masalah yang telah lama kita hadapi dan kita lalui. Saya berpendapat bahawa ladang-ladang pekebun kecil ini seharusnya diurus secara yang lebih berkesan serta lebih komersil. Dalam erti kata yang lain, tidakkah boleh pihak kerajaan membuat di mana ladang-ladang kecil ini dicantumkan sekali dan diurus secara pengurusan sebuah ladang besar secara komersil. Saya percaya dengan cara itu pendapatan daripada sektor pekebun kecil akan mendapat hasil yang lebih tinggi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sipitang. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

*12.05 tgh.*

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob (Sipitang):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian atas rang undang-undang yang baru ini yang sekaligus menggantikan rang undang-undang yang lama yang saya rasa rang undang-undang

ini boleh memantapkan lagi serta memajukan industri getah asli di negara kita, walaupun keadaan masa kini getah asli telah pun kurang dari segi kepentingannya kerana telah pun dipelopori oleh industri kelapa sawit dan juga koko.

Walaupun demikian, getah asli ataupun industri getah tidak dapat dinafikan kepentingannya kerana ia merupakan industri kecil-kecilan yang tertua di negara kita yang mana masa inipun masih menyara dan juga membela nasib penduduk kampung yang tidak boleh mengubah cara hidup mereka yang cuma bergantung kepada menoreh getah.

Penorehan getah ini telah membantu beribu-ribu keluarga khususnya mereka yang berpendapatan rendah ataupun miskin di luar-luar bandar. Walaupun di Malaysia yang saya katakan tadi kurang kepentingannya oleh kerana kita menghala ke negara industri, tetapi negara-negara Asean yang lain masih mengamalkan industri ini seperti di Asean dan juga di seluruh dunia kerana keperluan getah asli tidak dapat dinafikan masih mendapat tempat di dunia sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara telah disentuh oleh rakan-rakan tadi, saya cuma ingin menyentuh beberapa aspek terutama sekali hubungkait Lembaga Getah Malaysia ataupun rang undang-undang ini kaitan dengan negeri-negeri terutama sekali negeri-negeri di Semenanjung dan juga negeri Sabah dan Sarawak. Di Sabah walaupun kepentingan getah ini agak rendah, ia cuma meliputi lebih kurang 3% daripada hasil keseluruhan getah negara yang menyumbang lebih kurang RM80 juta eksport setiap tahun berbanding dengan RM2.8 bilion pada tahun 1994, tetapi industri getah di Sabah juga begitu penting seperti yang saya katakan tadi, masih banyak dilaksanakan oleh penduduk-penduduk luar bandar.



Saya ingin minta penjelasan daripada kementerian, apakah hubungkait rang undang-undang ini dengan yang di negeri Sabah sekarang ini di bawah Lembaga Tabung Getah Negeri Sabah, bagaimanakah penyaluran informasi khususnya hasil-hasil penyelidikan, klon-klon getah yang baru dapat diterapkan ataupun dilaksanakan sampai kepada pekebun-pekebun kecil di negeri Sabah dan Sarawak. Berhubung dengan wakil ahli lembaga pengarah ataupun struktur lembaga pengarah, apakah juga dimasukkan mereka daripada negeri Sabah dan Sarawak dalam ahli lembaga pengarah kerana dalam Bahagian II, Fasal 5(1)(j) iaitu 'dua orang wakil mana-mana negeri', apakah ini ditentukan mengikut negeri-negeri Semenanjung sahaja ataupun termasuk Sabah dan Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan kedudukan getah sekarang ini, apakah kerajaan ada bercadang untuk mengawal supaya harga getah ini lebih stabil dan diselaraskan di seluruh negara. Pada masa ini saya difahamkan kita tidak ada stockpile ataupun simpanan getah untuk mengimbang turun naik harga getah yang begitu cepat. Kita cuma ada, dengan izin, National Rubber Organisation yang menentukan turun naik harga getah.

Jadi, kalau boleh untuk menyara atau membela nasib penduduk-penduduk luar bandar ini supaya tidak begitu terpengaruh ataupun supaya pendapatan mereka tidak cepat terpengaruh ataupun pendapatan mereka berkurangan ataupun menurun secara mendadak oleh kerana menurunnya harga getah, apakah kerajaan tidak bercadang supaya kita mengimbangi, supaya harga getah ini lebih stabil. Walaupun ada penurunan di peringkat antarabangsa tetapi di peringkat negeri ataupun di peringkat daerah supaya ia lebih stabil dan pendapatan mereka ini lebih terjamin di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin minta penjelasan daripada kementerian mengenai dengan industri yang dikatakan oleh kawan-kawan tadi iaitu industri memproses getah. Oleh kerana di Malaysia ini terdapat ladang-ladang getah yang begitu luas di sesuatu negeri dan selalunya cara kehidupan pekebun-pekebun ataupun penoreh-penoreh getah ini begitu ketinggalan khususnya yang ramai sekarang ini ialah suku kaum India, apakah kerajaan tidak bercadang supaya tempat-tempat di mana kawasan-kawasan getah yang luas ini kita tubuhkan ataupun ditubuhkan kilang-kilang memproses getah secara mentah, lepas itu ditubuh industri hiliran ataupun memproses getah yang dijadikan bahan komersil ataupun boleh diguna seperti kilang-kilang memproses tayar, kondom, sarung tangan dan sebagainya, dibuat di pusat-pusat kampung di mana ladang getah itu ditempatkan, bukannya di Petaling Jaya ataupun di Shah Alam iaitu di kawasan bandar.

Tujuannya adalah supaya yang pertama, dengan cara ini, kita dapat membangun kawasan-kawasan ladang ini sekaligus memperbaiki sumber ekonomi mereka dan juga membuat bandar-bandar baru di ladang-ladang. Itu yang pertama.

Kedua, untuk mengurangkan kos pengangkutan bahan-bahan mentah getah ini terus ke kilang memproses di tempat itu. Ini boleh dikurangkan kalau kilang itu ditubuhkan di kawasan itu.

Ketiga, seperti yang ada sekarang ini, untuk mengurangkan penghijrahan orang-orang kampung ataupun pekerja-pekerja ladang ini daripada duduk di kawasan itu ke pusat-pusat bandar ataupun ke pusat-pusat perkilangan yang mana sekarang ini telah sesak dan menyusahkan. Jadi, saya rasa dengan sendirinya akan mewujudkan kilang ataupun industri memproses getah secara terus di kawasan-kawasan perladangan yang begitu luas. Ini sekali gus dapat menubuhkan bandar-

bandar baru seperti yang saya katakan tadi dan sebagai penggerak dan pengembang ekonomi di kawasan luar bandar yang mana sekarang ini kerajaan pun agak dalam kesukaran untuk memberi infrastruktur seperti sekolah, klinik, jalan raya dan sebagainya.

Jadi, dengan adanya penubuhan kilang di luar bandar ini, sekaligus semua struktur sosio-ekonomi dan infrastruktur dapat dibuat di kawasan luar bandar. Perkara ini boleh dikenal pasti kerana saya pasti banyak kawasan luar bandar yang sebegini, yang ada kemudahan-kemudahan asas seperti berdekatan dengan pelabuhan-pelabuhan, berdekatan dengan lapangan-lapangan terbang yang boleh mengangkut hasil-hasil atau bahan daripada proses getah ini.

Saya mengambil contoh, di kawasan Parlimen saya, terdapat 10,000 hektar ladang getah di Parlimen Sipitang yang mana pada dahulu ada ura-ura untuk ditubuhkan kilang memproses tayar iaitu Yokohama daripada Jepun. Tetapi akhirnya cerita itu lenyap begitu sahaja. Walaupun begitu, kawasan ini memang begitu berpotensi. Ia dekat dengan pelabuhan, dekat dengan laut dan mempunyai sumber getah yang begitu luas yang mana sekarang ini getah-getah ini diangkut ke Kota Kinabalu yang jauhnya lebih kurang 150 kilometer. Ianya sudah tentu meningkatkan kos dan ini juga menyusahkan dan sekaligus kawasan ini tidak akan didatangi orang kecuali mereka yang menoreh getah yang kebanyakannya adalah pendatang-pendatang, mungkin yang sah ataupun yang tidak sah daripada negara jiran kita.

Jadi, inilah tujuan saya supaya perkara ini dilihat dari sudut itu dan saya mohon mendapat kerjasama dari Kementerian Perindustrian agar ini diambil kira untuk diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat rang undang-undang ini adalah satu

perubahan yang baik dan kita berharap ia akan dapat memantapkan lagi proses mempermodenkan perusahaan getah asli di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri di minta menjawab.

*12.15 tgh.*

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Siti Zainab binti Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Rompin, Seremban, Santubong, Tambun dan Sipitang yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Rompin, Kementerian Perusahaan Utama melalui Akta Lembaga Getah Malaysia ini memang mengutamakan kepentingan R&D untuk memajukan industri getah. Sepertimana yang dilihat di dalam Akta Lembaga Getah Malaysia peruntukan di bawah Seksyen 31 dan 32 ialah peruntukan penubuhan pusat penyelidikan dan juga di bawah Seksyen 32, Institut Penyelidikan Getah Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966 akan ditubuh semula, dikawal dan diuruskan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga mengakui bahawa masyarakat luar bandar yang merupakan 84% pekebun kecil, kementerian perlu menjaga kepentingan mereka. Pada umumnya, iaitu dengan penubuhan LGM kelak, pekebun-pekebun kecil akan mendapat faedah langsung apabila LGM memberi tumpuan

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan pemindahan teknologi atau transfer of technology yang lebih fokus lagi. Di samping itu, mereka akan dapat berinteraksi dengan satu agensi sahaja berbanding dengan 3 agensi di masa dahulu.

Buat masa ini memang diakui bahawa terima pakai teknologi baru adalah kurang berkesan. Dengan penubuhan LGM sistem dan tatacara pemindahan teknologi akan diubahsuai di mana pekebun kecil dapat menikmati dengan lebih segera dan berkesan. Kalau dahulu sesuatu penemuan R&D itu mengambil masa yang agak lama untuk sampai kepada pekebun-pekebun kecil, di masa hadapan, melalui rancangan pembangunan tersedia, ia boleh disampaikan dengan lebih cepat. Penyampaian klon-klon baru dan sistem torehan baru kepada pekebun kecil akan diutamakan. Sambil itu apabila sumbangan daripada sektor hiliran juga didapati untuk membiayai aktiviti R&D, tanggungjawab berkenaan tidak lagi ditanggung oleh sektor pengeluaran semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga mengambil perhatian yang berat untuk membantu pekebun-pekebun kecil mendapat harga getah yang lebih berpatutan. Kami sentiasa mengawasi dan mengikuti pergerakan harga getah asli dan merancang serta melaksanakan langkah-langkah untuk menstabilkan harga-harga tersebut. Untuk memastikan pekebun-pekebun kecil mendapat manfaat harga pasaran yang tinggi kementerian saya sedang dan dalam proses melaksanakan usaha-usaha untuk menggalakkan daya saing yang tinggi dan perniagaan dan perdagangan getah yang lebih liberal.

Saya ingin menekankan bahawa kita tidak bertujuan untuk mengawal atau mempengaruhi pasaran, tetapi mewujudkan satu keadaan pasaran di mana harga ditentukan oleh kuasa-kuasa pasaran

seperti permintaan dan penawaran. Di samping itu, pekebun kecil digalakkan menanam getah yang berkualiti, bukan sahaja dari segi susu yang dihasilkan, tetapi juga dari segi kayu fibialnya.

Selain dari itu, usaha juga diambil oleh LPPGM untuk menjadikan maklumat mengenai harga getah asli lebih jelas, transparence, dengan izin, kepada pekebun-pekebun kecil dengan menyiarkannya di akhbar-akhbar tempatan. Di samping itu, peniaga-peniaga juga dikehendaki mempamerkan harga yang ditawarkan kepada pekebun-pekebun di tempat-tempat perniagaan mereka. Dengan cara ini pekebun akan dapat membandingkan harga yang ditawarkan oleh peniaga-peniaga dan memilih untuk menjual kepada peniaga yang menawarkan harga yang paling menarik.

Satu lagi persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Rompin ialah bilakah LGM ini boleh menjadi independen? Memang LGM akan berusaha ke arah untuk self-financing. Oleh itu, kami telah memperuntukkan di bawah akta ini supaya di bawah seksyen 37 bahawa ses boleh dikenakan ke atas semua pengeluaran getah dan produk getah dan juga dibawah LGM. LGM akan berusaha untuk mendapatkan hasil dari pengurusan dan memanfaatkan harta yang sedia ada, termasuk hartanah.

Buat masa ini hartanah yang ada tidak dimanfaatkan untuk membawa pendapat yang maksimum. Perkara ini akan dibetulkan di bawah LGM nanti. Begitu juga hanya dengan harta intelek dalam bentuk penemuan dan pendapatan dari penyelidikan. Ini akan dimanfaatkan melalui penggalakan pengkomersilannya yang boleh membawa bayaran royalti kepada LGM. Di samping itu, khidmat teknikal dan perundingan yang diberi kepada yang berminat akan juga membawa pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penubuhan LGM dan pemansuhan tiga agensi, memang akan berlaku kekurangan atau mengecilkan saiz kakitangan yang diperlukan untuk mengendalikan Lembaga Getah Malaysia yang akan datang. Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa kami akan sentiasa mengambil berat tentang kebajikan semua yang terlibat akan dijaga, dan kedudukan mereka akan diuruskan sewajarnya. Sepertimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, antara sebab penubuhan LGM dan pengecilan organisasi ini ialah untuk mengurangkan pertindihan fungsi dan untuk memperkemarkan kelicinan pentadbiran melalui kawalan dan penyelarasan yang berkualiti supaya dapat memberi kebaikan penuh kepada pelanggan yang mempunyai ekspektasi yang lebih tinggi sekarang. Selaras dengan dasar kerajaan untuk meningkatkan produktiviti dan memastikan sebagai program dan aktiviti dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan, ketiga-tiga agensi getah telah pun berusaha menyusun semula struktur organisasi dan fungsinya.

Oleh itu, pembubaran ketiga-tiga agensi asal serta penubuhan agensi baru, iaitu LGM akan mengakibatkan kakitangan dari 2,609 kepada 1,465, iaitu sebanyak 1,144 bersamaan dengan 43.8%. Ini boleh membawa penjimatan sebanyak lebih kurang RM16 juta setahun. Ekoran dari itu, sebilangan kakitangan jumlahnya masih belum ditentukan lagi akan kehilangan perjawatan. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan di sini sepertimana yang saya katakan tadi bahawa kebajikan semua yang terlibat akan sentiasa dijaga dan kedudukan mereka akan kami uruskan sewajarnya.

Selaras dengan prinsip masyarakat penyayang, pihak pengurusan ketiga-tiga agensi berkenaan dengan kementerian sedang mengkaji beberapa option untuk menguruskan perkara ini. Perbincangan untuk menyelesaikan perkara ini sedang

dijalankan dengan agensi-agensi pusat. Satu perjumpaan dengan Persatuan Pegawai-pegawai Kanan dan juga dengan kesatuan pekerja-pekerja agensi-agensi getah yang terlibat akan diadakan dalam sedikit masa lagi. Kajian teliti sedang dijalankan supaya langkah-langkah yang diambil tidak akan menyusahkan mana-mana pihak, malah akan membantu semua yang terlibat dalam menerima manfaat sebaik mungkin. Sebagai penaja masyarakat penyayang, kerajaan akan memastikan bahawa urusan pengecilan organisasi ini akan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang banyak dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi ialah berkenaan dengan R&D di dalam sektor hulu dan hiliran. Jadi, saya ingin menjawabnya sekali.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada bercakap tentang implikasi bila Rubber Research ini dibubar. Kita mengucapkan syabas kepada jaminan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pekerja-pekerja ini akan dijaga, dan kita tidak akan lupa dari segi kebajikan mereka. Satu perkara yang saya hendak bertanya tentang pembubaran ini. Bagaimanakah harta-harta di bawah Rubber Research ini, sama ada kementerian akan menghadapi masalah dari segi penukaran harta-harta ini, selain Rubber Research yang saya difahamkan di Sungai Buloh itu adalah didaftarkan di bawah nama Rubber Research Institute Malaysia. Tetapi bila ini dibubarkan dan ditubuh yang baru, adakah kementerian akan menghadapi masalah untuk menukarkan hak tanah ini

kepada badan yang baru ditubuhkan di bawah akta ini?

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:**

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pemindahan aset-aset, harta-harta ini telah diperuntukkan di bawah Akta Lembaga Getah Malaysia di bawah Bahagian IX. Jadi, ini semua, saya tak tahulah kalau saya perlu baca, tetapi semua harta-harta sudah diperuntukkan di dalam akta ini, mungkin Yang Berhormat boleh meneliti kalau ada apa-apa yang perlu penjelasan lebih lanjut.

Berkenaan dengan R&D tadi, kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan tentang R&D yang dijalankan oleh RRIM khususnya. Jadi, ingin saya memaklumkan dari sektor huluan dan sektor hiliran memang telah banyak penemuan-penemuan baru. Bagi sektor huluan, penemuan baru ialah dua penemuan yang penting yang kami anggap akan membantu, terutama pekebun-pekebun kecil ialah penemuan klon RRIM siri 2000. Ini merupakan bahan tanaman bermutu tinggi dan ditakrifkan sebagai klon latex balak atau latex timber clone. Ia dihasilkan melalui proses pendebungaan baka-baka klon yang hasil tinggi pengeluarannya. Beberapa klon dalam siri ini didapati mempunyai ciri-ciri yang dianggap 'superior' dan unggul. Klon siri 2000 mempunyai kelebihan kerana di samping mempunyai ciri pengeluaran latex yang baik, ia juga mempunyai kadar pengeluaran kayu yang lebih tinggi dari klon-klon lain.

Antara klon-klon yang dikenal pasti berpotensi ialah klon RRIM 2001, 2002, 2008, 2009, 2014, 2015, 2016 dan 2020. Klon-klon ini cepat membesar mempunyai lilitan batang yang lebih besar, batang balak yang panjang dan boleh mengeluarkan balak sebanyak hampir sekali ganda berbanding dengan klon-klon lain. Keistimewaan-keistimewaan klon-klon ini satu hari nanti sudah tentu

membawa kepada perubahan paradigma dan meletakkan industri getah di tahap yang berbeza sejajar dengan visi 2020.

Dari sudut pengeluaran latex pula, hasil purata sehektar setahun adalah tinggi dan berbeza dari klon ke klon. Dari hasil 5 tahun penorehan yang dibuat di plot-plot ujian, purata keluaran setahun ialah paling rendah sebanyak 213 kilo sehektar setahun bagi klon RRIM 2014 sehingga paling tinggi 2,857 kilo sehektar setahun bagi klon RRIM 2000. Yang menjadi keistimewaan bagi klon-klon ini ialah ia telah dapat mengeluarkan hasil yang cukup tinggi pada masa yang begitu awal, iaitu 5 tahun pertama, berbanding dengan klon-klon lain yang hanya mengeluarkan hasil yang tinggi selepas lebih kurang 8 hingga 12 tahun penorehan. Sambil itu, klon-klon ini juga mempunyai masa muda atau 'immaturity period' yang pendek, iaitu lebih kurang 4 1/2 tahun sahaja.

Harus diingat juga hasil yang dikeluarkan itu ialah melalui teknik penorehan biasa. Mungkin hasil ini boleh dicapai jika teknik penorehan baru digunakan. Klon-klon ini dapat ditebang untuk kayunya pada umur 15 tahun, iaitu selepas lebih kurang 10 tahun torehan. Dengan penggunaan klon-klon ini secara meluas, saya jangka strategi tanam semula juga perlu diubahsuai untuk membantu pekebun-pekebun kecil untuk meningkatkan produktiviti mereka.

Satu lagi RRIM juga telah menyenaraikan ke dalam senarai klon baru. Buat masa ini, penanaman klon baru ini disyorkan dibuat di bawah Program Pembangunan Terkawal. Program Pembangunan Terkawal adalah satu pendekatan baru dalam pemindahan teknologi kami, di mana RRIM bekerjasama dengan agensi-agensi pelaksana dan pekebun mengawasi prestasi satu-satu pembaharuan yang digunakan dengan lebih meluas. Dengan itu, pengawasan prestasi dibuat dalam keadaan

penggunaan biasa, bukannya di bawah suasana penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi penemuan untuk sektor keperluan seperti juga yang telah disuarakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat ialah tentang sistem 'Reactorrim'.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa sudah suntuk. Yang Berhormat diminta sambung.

Majlis Mesyuarat dtempohkan hingga jam 2.30 petang nanti.

*Dewan dtempohkan pada pukul 12.30 tengah hari.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

*(Tuan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Mesyuarat)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama sila sambung jawapan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Siti Zaharah binti Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, mengenai sektor hulu Yang Berhormat Yang Berhormat telah timbulkan isu masalah kekurangan tenaga buruh di sektor getah. Kekurangan tenaga buruh berlaku di semua sektor bukan sahaja di sektor getah. Bagi mengatasi masalah ini RRIM sedang mempromosi kaedah torehan berfrekuensi rendah atau low intensity tapping system (LITS) kepada industri getah keseluruhannya untuk menangani masalah kekurangan tenaga buruh dan tenaga mahir.

Kaedah LITS menggabungkan penggunaan penggalak serta penorehan yang dibuat sekali dalam masa 2 hingga 4 hari. Ini membolehkan penoreh menoreh kawasan yang lebih besar yang akan

meningkatkan pengeluaran dan pendapatan. Kutipan pula boleh dibuat dalam bentuk cecair setiap hari atau dalam bentuk beku dalam masa 2 minggu sekali. LITS memperkenalkan beberapa sistem iaitu DOL atau 'Dividen Out Labour' Dolcup dan Dolbag, yang kedua RRIM Flow yang ketiga Reactorrim.

Bagi sistem DOL, sistem DOL merupakan LITS yang mula-mula diperkenalkan di sektor estet. Sistem ini membahagikan tugas menoreh kepada penoreh dan tugas mengutip kepada pekerja ladang manakala penggalak disatukan oleh pekerja am ladang. Sistem DOL dibahagikan kepada dolcup kutipan harian menggunakan mangkuk, dolbag kutipan dua minggu sekali menggunakan polybag. Perbandingan purata hasil pendapatan kasar-pendapatan kasar, kos penoreh, mengutip dan faedah sampingan menunjukkan kaedah DOL adalah lebih tinggi dari sistem biasa, margin torehan didapati 18% lebih tinggi, purata pendapatan harian penoreh adalah RM23.40 berbanding dengan RM16.80 di kawasan control manakala purata pendapatan pengutip adalah RM14.70 berbanding RM10.45 yang diperolehi oleh pekerja ladang.

Sistem RRIM Flow Plus-RRIM Flow memperkenalkan torehan secara cucukan. RRIM Flow menggabung penggunaan bahan penggalak dan penggunaan gas. Gas dilepaskan dari applicator yang dilekatkan pada batang pokok ke dalam kulit pokok yang telah disapu dengan penggalak. Dua atau tiga cucukan dibuat pada kulit tersebut yang akan mengeluarkan latex berterusan untuk satu tempoh masa yang panjang sehingga 48 jam. Kutipan boleh dibuat secara harian atau dua minggu sekali. Cucukan hanya perlu dibuat tiap-tiap 2 hingga 4 hari sekali. Data dari beberapa percubaan komersial dengan menggunakan berbagai klon menunjukkan hasil satu torehan menjulat dari 60 kilogram kepada 100

kilogram, manakala hasil sehektar mengatasi 2 ribu kilogram setahun.

Sistem Reactorrim pula, Sistem reactorrim menggabungkan penggunaan bahan penggalak dan penggunaan gas serta torehan secara cucukan. Gas dari reactor dilepaskan secara berterusan ke dalam kulit pokok yang telah disapu dengan penggalak. Seperti Sistem RRIM Flow, reactorrim juga hanya memerlukan cucukan dibuat dalam masa 2 hingga 4 hari sekali dan kutipan latex secara harian cair atau dua minggu sekali. Sistem reactorrim yang diexperimentkan di Jengka 22 telah mencatat kejayaan yang menggalakkan. Pengerluaran latex telah meningkat melebihi 3 ribu kilogram sehektar setahun dan dengan harga getah semasa pada paras sekarang Jengka 22 mampu memperolehi pendapatan sebanyak RM1,500 sehingga RM2,000 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan penemuan bagi sektor-sektor hulu akan dipergiatkan melalui jawatankuasa bersama yang akan ditubuhkan di antara Kementerian Perusahaan Utama dan juga pihak Risda sebagai Agensi pelaksanaan untuk pekebun-pekebun kecil. Perkara-perkara berikut sentiasa kami ambil berat iaitu untuk meningkatkan produktiviti pekebun kecil untuk memberi latihan sentiasa dijalankan melalui pusat latihan getah di Sungai Buluh dan juga berkenaan latihan mengenai torehan frekuensi rendah yang telah saya sebutkan tadi, juga mengenai hedge planting atau tanaman berpagar masih diperingkat percubaan tetapi sudah mula diperkenalkan secara berperingkat.

Berkenaan dengan penggunaan penggalak susu atau stimulant ethereal kebanyakan estet sudah mendapat manfaat dari penggunaan teknologi ini. Usaha sedang dipertingkatkan bersama agensi-agensinya pelaksanaan seperti RISDA, Felcra dan lain-lain untuk

menggalakkan pekebun-pekebun kecil untuk menggunakan ethereal. Memang benar hasil akan dapat di pertingkatkan dengan penggunaan ethereal tetapi pembajaan yang disyorkan perlu dijalankan.

Mengenai cadangan supaya Kementerian mengubah dan melaksanakan plan induk untuk menggalakkan pengeksporan barangan buatan getah sangat dialu-alukan. Walau bagaimanapun kita tidak perlu memberhentikan pengeksporan getah asli sekiranya keadaan pengeluaran dan permintaan getah asli dunia masih membolehkan kita menambahkan pendapatan negara daripada pengeksporan getah asli.

Dalam tempoh dekat yang akan datang pengeluaran getah asli Malaysia dianggarkan akan masih melebihi pengeluaran-pengeluaran barangan getah tempatan dengan itu kita masih mempunyai surplus dengan izin, atau kelebihan untuk diekspor. Di samping itu usaha-usaha untuk meningkatkan value added getah product melalui pemerosesan dan pengeluaran barang getah akan dipesatkan lagi melalui penemuan-penemuan di dalam bidang ini.

Mengenai dengan pusat penyelidikan di United Kingdom yang sekarang dikenali sebagai Tun Abdul Razak Research Centre, dahulu namanya MRRPRA atau TRL, Persatuan Penyelidikan Pengeluaran-pengeluar Getah Malaysia, Makmal Tun Abdul Razak. Makmal ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan penyelidikan yang meliputi keseluruhan teknologi dan sains getah.

Kegiatan utama unit ini ialah penyelidikan saintifik, kemajuan teknik hingga ke peringkat penggunaan, memberi nasihat dan bantuan teknik kepada pengilang barangan getah, menjalankan kajian tekno-ekonomi serta menyebarkan hasil kegiatannya melalui berbagai saluran

komunikasi. Hasil-hasil penyelidikan yang dijalankan amat berharga dan banyak memberi manfaat kepada industri getah. Contohnya ialah pengacuan injeksi tayar-tayar untuk semua musim, kegunaan dalam bidang kejuruteraan getah-getah baru seperti ENI, TPNI serta khidmat ujian dan analisa. Oleh itu, Tun Abdul Razak Research Centre (TARRC) yang berpusat di United Kingdom dan RRIM yang berpusat di Malaysia merupakan dua pusat penyelidikan yang akan dikendalikan oleh LGM akan compliment, dengan izin, antara satu sama lain untuk peningkatan R&D seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan hutan getah, RRIM telah melancarkan pada peringkat kecil-kecilan penanaman hutan getah meliputi kawasan seluas 100 hektar iaitu 20 hektar di Hutan Simpan Bukit Tarik, Selangor; 30 hektar di Hutan Simpan Gemas, Negeri Sembilan; 30 hektar di Hutan Simpan Merchang, Terengganu; dan 20 hektar di Stesen Hutan Niah di Sarawak. Kejayaan di peringkat kecil-kecilan ini mendorong RRIM melancarkan satu projek besar hutan getah meliputi dua kawasan, setiap satu seluas 400 hektar di hutan simpan termasuk Pahang dan di Hutan Simpan Sindora, Johor.

Cadangan Yang Berhormat dari Sipitang tadi supaya diwujudkan di kawasan-kawasan tanah terbiar, kami terima cadangan ini, satu cadangan yang baik untuk dirancangan untuk masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai usaha-usaha ke arah kestabilan harga getah asli, seperti harga-harga komoditi lain, harga getah adalah di luar kawalan kementerian ini kerana getah adalah komoditi yang diniagakan di pasaran bebas dan oleh itu dipengaruhi oleh kuasa pasaran terutamanya permintaan dan penawaran getah dunia. Namun begitu, kementerian sentiasa berusaha untuk menstabilkan

harga getah asli agar berada di tahap yang memuaskan dan seterusnya cuba mempertahankannya daripada mengalami kejatuhan yang mendadak.

Dalam hubungan ini, di antara langkah-langkah yang diambil melalui agensi-agensis yang bertanggungjawab dalam pembangunan industri getah ialah melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan kualiti serta penggunaan dan seterusnya permintaan getah asli negara, mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan daya pengeluaran industri getah negara, menggalakkan pertumbuhan industri pembuatan barangan berasaskan getah di negara kita supaya getah mendapat pasaran yang lebih luas baik di dalam mahupun di luar negara, menggalakkan persaingan yang sihat di dalam perniagaan getah dengan memberi kelonggaran syarat-syarat perlesenan di mana wajar untuk membolehkan pekebun-pekebun kecil terutamanya untuk mendapatkan harga yang lebih menarik, menjadikan maklumat-maklumat mengenai harga getah lebih terbuka dengan menyiarkan di akhbar-akhbar harga benchmark, dengan izin, beberapa gred getah yang mutakhir sebagai panduan dan mengarahkan semua peniaga getah mempamerkan harga jual beli getah harian mereka di tempat-tempat perniagaan mereka untuk membolehkan pekebun-pekebun membuat perbandingan harga sebelum menjual getah mereka, menggalakkan peningkatan permintaan pasaran terhadap getah negara melalui misi galakan penjualan getah di pasaran-pasaran lama dan juga negara-negara baru, bekerjasama dengan negara-negara pengeluar serta pengguna getah melalui pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) dan Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) ke arah mewujudkan keseimbangan yang lebih baik di antara bekalan dan permintaan getah asli dan



seterusnya pencapaian harga getah yang lebih stabil dan menggalakkan kepada negara-negara pengeluar untuk meningkatkan pengeluaran getah. Walaupun begitu, harus dinyatakan juga harga getah asli keseluruhannya...

**Tuan Yunus bin Rahmat:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memohon sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau kita lihat di kampung-kampung di kalangan penoreh-penoreh getah yang kebanyakannya mempunyai 3 ekar keluasan kebun dan ada sesetengahnya kurang daripada itu dan ada yang lebihnya 10 ekar dan sebagainya. Mereka ini pada waktu ini kelihatan lebih suka untuk menoreh getah dan menjual dengan segera. Jadi, cara yang mereka buat ialah membekukan getah tersebut iaitu apa yang kita panggil 'getah bek' dan menjualkannya. Mereka tidak berminat untuk menjualkan getah-getah tersebut dalam bentuk susu getah ataupun getah cair. Jadi, adakah kementerian mengambil satu langkah untuk jangka panjang terutamanya bagi menasihatkan masyarakat pekebun-pekebun kecil ini ataupun pemilik-pemilik tanah persendirian untuk mempertingkatkan lagi hasil jualan mereka dengan cara yang lebih menguntungkan dan sebagainya?

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, kementerian saya dan RISDA ada menubuhkan satu jawatankuasa bekerjasama untuk menentukan bagi menjamin kepentingan-kepentingan pekebun-pekebun kecil dari segi pengeluaran dan pemasaran mereka. Jadi, ini adalah satu langkah supaya untuk menggalakkan cara-cara bagaimana kami akan menentukan cara mana untuk kepentingan mereka di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga berkenaan dengan masalah pekebun-pekebun kecil juga ada kaitan mengenai tanah getah yang terbiar. Jadi, mengenai tanah getah yang terbiar akibat dari perubahan struktur ekonomi telah berlaku pula penghijrahan buruh dari sektor pengeluaran getah kepada sektor lain. Kekurangan buruh menjadi punca utama mengapa banyak kawasan tanaman getah tidak diusahakan. Keluasan sebenar tanaman getah yang tidak diusahakan tidak dapat ditentukan. Namun begitu, dianggarkan bahawa kawasan yang terlibat ialah lebih kurang 300,000 hektar. Walaupun harga getah telah berada pada tahap yang agak baik pada dua tahun yang lepas berbanding dengan sebelumnya, peningkatan pengeluaran dan kawasan yang ditoreh tidak berlaku seperti yang dijangkakan. Di masa hadapan, LGM sepertimana yang saya katakan akan meningkatkan kerjasama dengan RISDA bagi cuba menangani masalah ini.

Salah satu cara ialah dengan mempergiatkan R&D dan pemindahan teknologi berkaitan dengan sistem torehan yang dapat mengurangkan penggunaan tenaga buruh. Pada masa yang sama, saya difahamkan RISDA akan terus menggalakkan pekebun-pekebun kecil dicantumkan untuk diuruskan secara lebih ekonomik melalui sistem tertentu.

Mengenai dengan program tanam semula, perkara-perkara berkaitan dengan program tanam semula tidak terletak di bawah kementerian saya tetapi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa kementerian saya merupakan penjaga dengan izin, custodian, industri getah, saya boleh menyentuh sedikit mengenainya. Di masa hadapan, program tanam semula akan diteruskan. Ini adalah bertujuan meningkatkan mutu pokok getah dengan menggunakan klon yang berprestasi tinggi bagi susu getah dan kayu hevea. Ini membolehkan sektor

pengeluaran getah menjadi lebih bersaing. Walau bagaimanapun, kerajaan telah menilai semula peruntukan geran kepada RISDA bagi program ini. Kementerian saya dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang bekerjasama untuk mengemukakan kepada kerajaan cadangan-cadangan tentang bagaimana program ini akan diteruskan melalui pilihan-pilihan cara-cara pembiayaannya.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, bahawa sektor pengeluaran getah juga sedang menampung sektor-sektor lain seperti pembuatan barangan, pembuatan perabot kayu hevea selain dari sektor pemprosesan dan pemasaran. Pada tahun 1995, nilai eksport getah mentah ialah lebih kurang RM4 bilion, barangan getah lebih kurang RM3.8 bilion dan perabot kayu hevea lebih kurang RM1.4 bilion. Ini menjadikan jumlah kesemuanya melebihi RM9 bilion. Tambahan lagi industri getah ialah satu industri yang dengan izin, engineers, menyebabkan aliran wang keluar terlalu kecil. Dengan keadaan yang sedemikian, industri getah adalah satu industri yang boleh dipertahankan.

Mengenai dengan pelaksanaan kuatkuasa LGM di Sabah dan Sarawak, sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, akta ini mungkin tidak dapat dikuatkuasakan di Sabah dan Sarawak serentak dengan di Semenanjung. Sabah dan Sarawak mempunyai badannya yang tersendiri berkaitan dengan pentadbiran pembangunan getah.

Pada masa yang sama pegawai-pegawai dari agensi-agensinya dari Semenanjung telah pun berada di Sarawak untuk membantu dalam pembangunan getah dan sedang berbincang dengan kerajaan Sabah untuk tujuan yang sama terutamanya dari sudut R&D. Pada masa akan datang kita akan menyelaraskan industri getah di semua wilayah di Malaysia dan akan

membincangkan dengan Sabah dan Sarawak supaya hanya Akta LGM sahaja akan terpakai. Ini akan mengambil masa.

Mengenai perlantikan wakil-wakil dari negeri-negeri untuk menganggotai lembaga pengarah pula, semua negeri akan diperlakukan sama rata tanpa memberi keutamaan kepada mana-mana negeri.

Tuan Yang di-Pertua, LGM mempunyai objektif untuk memaju dan membangunkan industri getah Malaysia. Getah masih merupakan tanaman penting dalam sektor komoditi pertanian Malaysia. Walau bagaimanapun, perubahan struktur ekonomi Malaysia telah menyebabkan menurunnya pengeluaran dari 1.5 juta tan pada tahun 1980-an kepada 1.089 juta tan pada tahun 1995. Ini bukan bermakna bahawa peranan industri getah akan menghilang. Sebaliknya dengan perindustrian getah masih mempunyai kekuatan berbanding dengan beberapa sektor lain dan dijangka akan memainkan peranan yang penting dalam perkembangan ekonomi sektor hiliran. Ini ada kaitannya dengan industrial master plan yang menekankan kepada industri berasaskan sumber.

Di peringkat dunia getah asli diramalkan mempunyai masa depan yang cerah. Pakar ekonomi telah meramalkan bahawa permintaan akan melebihi pengeluaran iaitu 7.49 juta tan berbanding dengan 6.54 juta tan pada tahun 2000 dan 11.68 juta tan berbanding 7.76 juta tan pada tahun 2020.

Permintaan getah juga dijangka akan dipengaruhi secara positif oleh perkembangan ekonomi yang berpindah dari Barat ke ekonomi yang kian muncul di Asia Pasifik, di mana peningkatan pendapatan akan mengakibatkan permintaan yang meningkat bagi kenderaan dan seterusnya getah bagi

industri tayar. Perubahan sektor ekonomi yang tidak dapat dielakkan dari berlaku di Malaysia bermakna bahawa pertumbuhan akan berpunca dari sektor pembuatan dan perkhidmatan. Perubahan juga berlaku di sektor pertanian umumnya dan industri getah asli amnya di mana sumber ekonomi dipindahkan dari penanaman getah kepada pilihan yang lebih menguntungkan seperti kelapa sawit dan juga kepada aktiviti lain dari pertanian.

Penurunan kawasan tanaman pengeluaran dan eksport getah asli telah diiringi oleh perkembangan sektor hiliran dalam bentuk pengeluaran barangan getah. Sektor barangan berasaskan latex telah mengalami pertumbuhan yang amat pesat dan menjadi sektor utama dalam perkembangan industri berasaskan getah dengan menggunakan lebih kurang 60% dari keseluruhan penggunaan getah negara.

Adalah dijangkakan bahawa dengan sumber dan teknologi yang ada, Malaysia akan menjadi pengeksport barangan berasaskan getah yang utama dan menjadi pusat kecemerlangan dalam pembuatan barangan berasaskan getah di masa hadapan. Selaras dengan perubahan sektor ekonomi, industri getah perlu dianggap sebagai satu industri yang bersepadu merangkumi aktiviti yang luas, berangkaian kehilangan dan kebulatan. Industri yang bersepadu ini merangkumi bukan sahaja pengeluaran getah, malah juga pemerosesan penggunaan kayu 'heavier', pembuatan barangan, pemanfaatan R&D serta pelaburan persisiran pantai. Kepelbagaian ini akan menambahkan sumbangan industri getah kepada ekonomi negara.

Melalui pemodenan dan liberalisasi industri getah, penanaman getah akan terus menjadi viable walaupun menempuhi pelbagai cabaran dari luar dan dalam negara. Ini adalah kerana ia telah menjadi pengeluaran bahan mentah yang penting

seperti getah mentah dan kayu kepada sektor pembuatan di samping mempunyai kemampuan untuk menjaga aktiviti ekonomi lain berasaskan getah dan bahan bukan getah dari latex. Tidak dapat dinafikan bahawa perubahan sektor ekonomi negara telah menjejaskan pengeluaran getah. Namun begitu, perubahan itu juga telah mewujudkan peluang yang boleh dimanfaatkan bagi kepentingan industri getah. Melalui pendekatan yang lebih luas dan bersepadu, industri getah masih mempunyai masa depan yang cerah.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan saya buat setakat ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 75* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PASARAN GETAH MALAYSIA  
(PERBADANAN)(PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

2.58 ptg.

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pasaran Getah Malaysia (Perbadanan) 1962 dibaca kali kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:**  
Tuan Yang di-Pertua, Akta Pasaran Getah Malaysia (Perbadanan) 1962, Akta 402 mengandungi peruntukan-peruntukan bagi penubuhan pentadbiran dan pengurusan sebuah pasaran getah yang dinamakan Pasaran Getah Malaysia serta bagi penggalakan dan pengawalseliaan perniagaan dan industri getah di Malaysia.

Akta ini yang sebelum ini dibaca bersama Akta Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia 1972 akan dibaca bersama Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996.

Berikutan penggubalan Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 dan penghapusan Akta Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia 1972 dan selaras dengan dasar kerajaan yang lebih menumpu kepada penggalakan perkembangan industri dan pasaran getah yang bebas serta berdaya saing, Akta Pasaran Getah Malaysia (Perbadanan) 1962, Akta 402 perlu dikaji semula dan dipinda untuk membolehkan pasaran getah Malaysia terus beroperasi sebagai sebuah badan yang menggalak, menyokong dan menyelenggarakan industri getah amnya dan perniagaan getah khususnya di dalam suasana dan kehendak semasa dan masa depan industri getah negara.

Melalui pindaan-pindaan yang dicadangkan ini, Akta Pasaran Getah Malaysia (Perbadanan) 1962 akan diselaraskan dengan Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 untuk membolehkan kedua-dua akta ini dibaca bersama.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah bertujuan untuk:

- (a) membolehkan Lembaga Getah Malaysia (LGM) melaksanakan fungsinya untuk mengawal selia dan menguruskan Pasaran Getah Malaysia (PGM) yang sebelum ini diuruskan oleh Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia (LPPGM);
- (b) mengubahsuai atau menambah peruntukan-peruntukan tertentu bagi membolehkan akta ini dibaca bersama dan dianggap seperti satu dengan akta LGM (Perbadanan) 1996 dan menetapkan supaya sekiranya ada percanggahan peruntukan di antara peruntukan akta ini dan akta LGM, peruntukan akta LGM akan mendahului dan terpakai;
- (c) mencerminkan dasar yang bertujuan menggalakkan pertumbuhan pasaran getah yang lebih bebas dan mengurangkan kawal seliaan ke atas pengurusan PGM melalui penubuhan dan perlantikan satu jawatankuasa pengurusan oleh LGM bagi mengambil alih pengurusan dan pentadbiran PGM daripada LPPGM yang telah bertanggungjawab mengurus PGM sebelum ini;
- (d) mengemaskini fungsi PGM melalui pindaan atau pembatalan beberapa fungsi tertentu agar ia bersesuaian dengan keadaan industri getah masa kini dan selaras dengan tujuan-tujuan penubuhan LGM;

- (e) membolehkan LGM mengambil alih pentadbiran dan pengurusan PGM daripada LPPGM selaras dengan peruntukan akta LGM 1996. Akta ini juga akan dipinda untuk membolehkan semua perbelanjaan PGM dibiayai oleh LGM;
- (f) meluaskan keanggotaan PGM untuk membolehkan kemasukan wakil kepentingan sektor getah yang lain termasuklah industri barangan buatan getah. Pindaan ini adalah selaras dengan perubahan dan perkembangan industri getah yang menumpu kepada pembangunan dan peningkatan aktiviti hiliran seperti pembuatan barangan dari getah;
- (g) mengemaskini akta ini secara keseluruhannya di samping memperbetulkan kesilapan-kesilapan kecil yang terdapat di dalamnya;

Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan Pasaran Getah Malaysia (PGM) terus beroperasi sebagai sebuah perbadanan yang mengendalikan serta mengawalselia di samping menggalakkan pertumbuhan pasaran getah yang sihat, adalah dicadangkan supaya satu peruntukan khas dimasukkan untuk menetapkan bahawa akta ini dibaca bersama dan dianggap sebagai satu dengan akta LGM 1996 dengan syarat bahawa sekiranya ada percanggahan peruntukan di antara apa-apa peruntukan akta ini dan akta LGM, peruntukan akta LGM (Perbadanan) 1996 akan mendahului dan terpakai.

Untuk mengemas kini akta ini, adalah dicadangkan bahawa beberapa tujuan penubuhan PGM yang disenaraikan dalam Akta Pasaran Getah Malaysia (Perbadanan) 1962 Akta 403 yang sudah sama ada tidak relevan dalam konteks industri getah masa kini atau telah diambil

alih oleh agensi-agensi lain seperti Bursa Komoditi Kuala Lumpur dihapuskan daripada senarai tujuan yang terkandung dalam seksyen 6 akta ini.

Sehubungan dengan ini, perenggan (b), (e), (f), (k), (l), (m), (n), (o), (p), (q) dan (r) adalah dicadangkan untuk dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan di masa yang sama terhapusnya LPPGM kelak, pentadbiran dan pengurusan PGM akan diambil alih oleh LGM. Untuk tujuan ini, LGM perlu melantik dan menurunkan kuasa-kuasa berkaitan pengurusan PGM kepada sebuah jawatankuasa pengurusan yang penubuhannya diperuntukkan di seksyen 17 Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996.

Untuk membolehkan LGM menurunkan apa-apa kuasanya berkaitan pengurusan PGM kepada jawatankuasa tersebut, adalah dicadangkan seksyen 12 dipinda dengan menyatakan penurunan kuasa ini dengan jelas.

Seksyen 12(3) dan 12(4) adalah peruntukan-peruntukan baru yang dicadangkan ditambah bagi memberi peruntukan khusus mengenai kuasa melantik dengan kelulusan Menteri, seorang Pengerusi Perbadanan dan kuasa melantik seorang Timbalan Pengerusi.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan dasar pengurangan kawalseliaan ke atas industri dan seterusnya penggalakan perkembangan pasaran getah yang lebih bebas dan berdaya saing, beberapa perubahan kepada pengurusan dan operasi PGM. Sebagai langkah untuk melicinkan dan memindahkan pentadbiran PGM, seksyen 15 dan Jadual Kedua dicadangkan dipotong untuk membolehkan kaedah-kaedah yang dahulunya dikepilkan sebagai Jadual Kedua kepada akta ini dikeluarkan bagi membenarkan perbadanan membuat

apa-apa kaedah yang difikirkannya perlu bagi PGM di bawah seksyen 14.

Di samping itu, ia juga akan memudah dan mempercepatkan proses penggubalan pindaan, pembaharuan atau pembatalan yang kaedah-kaedah PGM yang hanya memerlukan keputusan Mesyuarat Agung PGM.

Di samping sejajar dengan dasar penggalakan kawalseliaan sendiri, pindaan akta ini juga mencerminkan hasrat kerajaan untuk mengurangkan karenah birokrasi yang membendung dan membebankan pihak industri getah dan awam serta seterusnya menggalakkan pertumbuhan industri getah yang lebih bebas dan berdaya saing tinggi.

Selaras dengan peruntukan-peruntukan berkaitan kewangan Akta LGM (Perbadanan) 1996 adalah dicadangkan bahawa seksyen 5 dipinda untuk memperuntukkan bahawa pendapatan perbadanan hendaklah terakru kepada LGM.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini PGM dianggotai hanya oleh wakil-wakil perdagangan getah asli atau industri getah hulu sahaja. Walau bagaimanapun, pembangunan dan infrastruktur getah masa kini telah berubah di mana aktiviti hiliran sudah meningkat dan mengatasi aktiviti hulu dari segi sumbangan kepada nilai eksport negara.

Selaras dengan ini adalah dirasakan sudah tiba masanya struktur matlamat serta keahlian PGM turut berubah mengikut arus perkembangan ini dan memberi khidmat sokongan promosi serta kawalseliaan bukan kepada pasaran getah asli sahaja tetapi merangkumi juga aktiviti-aktiviti hiliran seperti industri pembuatan.

Untuk tujuan ini dan untuk mencapai hasrat untuk membangunkan industri pembuatan barangan getah, adalah

dicadangkan supaya seksyen 7 dipinda untuk memasukkan suatu kategori keanggotaan perbadanan yang baru dan untuk menghapuskan sekatan ke atas keanggotaan. Dengan itu, jenis keanggotaan diluaskan untuk mengandungi juga ahli-ahli sekutu yang boleh terdiri daripada wakil-wakil lain-lain kepentingan sektor getah termasuklah industri pembuatan barangan getah.

Berbangkit dari kemasukan anggota baru, pindaan hak eksklusif anggota biasa khasnya dalam menyertai mesyuarat dan aktiviti-aktiviti perbadanan juga akan terhapus. Untuk tujuan itu, akta ini dicadang dipinda dengan memotong seksyen 8.

Selanjutnya seksyen 2 akta dipinda untuk mengganti beberapa takrif tertentu dan untuk memasukkan takrif baru tertentu bagi ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam akta ini di samping menyelaraskan dengan ungkapan-ungkapan dalam Akta LGM (Perbadanan) 1996.

Antara takrif yang dipinda ialah 'board', 'register', 'rules' dan 'secretary'. Takrif baru yang dimasukkan pula ialah 'chairman', 'deputy chairman' dan 'management committee'.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan lain yang dicadangkan kepada akta yang tidak saya sebutkan secara khusus adalah pindaan berbangkit atau kecil.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya cadangan meminda Akta Pasaran Getah Malaysia (Perbadanan) 1962 Akta 402 ini dijangka akan memantapkan lagi pengurusan perbadanan dan seterusnya membolehkan ia menggalak sambil mengawalselia perniagaan getah dengan lebih cekap dan berkesan selaras dengan keadaan, kehendak dan cabaran masa kini dan akan datang.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan akan menjadi akta ini lebih kemas dan sejajar dengan Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 di samping memastikan pengurusan serta operasi perbadanan yang teratur dan berkesan ke arah pencapaian objektif penubuhannya iaitu mengalakkan serta mengawalselia perkembangan pasaran getah yang sihat dan berdaya saing tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta yang dinamakan Akta Pasaran Getah Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1996 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Rompin.

3.10 ptg.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis (Rompin):** Saya bangun sekali lagi, pada hari ini untuk memberikan penghargaan kali yang kedua kepada kerajaan, khususnya kementerian kerana membentangi dalam Dewan yang mulia ini satu lagi akta. Kalau tadi satu akta dari segi mengemaskinikan semua badan-badan bawah penyelidikan dan pembangunan di bawah kementerian, tiga akta lama disatukan dengan satu akta payung yang dipanggil Rang Undang-undang Lembaga Getah Malaysia yang baru diluluskan.

Dan tujuan dikemaskinikan, digabungkan sekali, untuk mengukuhkan lagi usaha penyelidikan dan pembangunan negara ini supaya industri getah atau pun peranan negara atau kedudukan negara dalam industri getah ini turut kekal dan ulung seperti yang kita ada sekarang ini

dan kita mahu ia diteruskan di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini pula, kita diketemukan pula dengan rang undang-undang yang baru, yang kedua. Kalau tadi khusus kepada penyelidikan (research), kini pula satu akta atau pun satu usaha untuk meminda dari segi pasaran pula. Ini penghargaan kepada kementerian. Kalau tadi usaha untuk mengemaskinikan usaha kita untuk membuat kerja-kerja research dan pembangunan, sekarang ini meminda pula dari segi usaha pemasaran (marketing) kita dan kita mengucapkan syabas.

Seperti yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi, akta ini yang pada awalnya diluluskan pada tahun 1962 diusulkan supaya dipinda pada petang yang mulia ini, pertama untuk menyalurkan akta yang lalu dengan akta yang baru kita luluskan sebentar tadi, iaitu Rang Undang-undang Lembaga Getah Malaysia, 1996 dan banyak daripada hujah-hujah dan fasal-fasal yang kita lihat, yang terbentang ialah mengemaskinikan dan menyalurkan kedua-dua akta ini supaya ia mengikut dan tidak bercanggah dengan rang undang-undang yang baru kita luluskan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, saya telah dimaklumkan juga di dalam Dewan yang mulia ini, struktur lembaga hendak dikemaskini dan ditambah. Ini pun baik—dikemaskinikan dari segi struktur Lembaga Pemasaran itu sendiri. Keduanya, dikatakan juga fungsi dan pengurusan, bahawa pemasaran ini juga hendak dikemaskini dan diselarkan. Ini juga satu usaha yang baik dan kita mengucapkan syabas kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, saya juga ingin menarik sedikit tentang tentang industri pemasaran getah. Kita jangan lupa, tadi mungkin telah disentuh sedikit oleh Yang Berhormat Timbalan

Menteri, bahawa ramai lagi daripada masyarakat Malaysia masih tinggal di luar bandar. Boleh dikatakan 80% daripada saudara-saudara kita yang tinggal di luar bandar ini bergantung semata-mata, atau sekurang-kurangnya, pendapatan utama mereka daripada getah. Kita minta supaya usaha yang baik—mengekalkan harga getah di paras yang tinggi seperti yang ada ini diteruskan. Kita mahu ini diteruskan dan kita tidak mahu nanti dia pergi kepada baju baru, kaedah baru, restructure baru, tetapi usaha untuk pasaran ini tidak diambil berat seperti yang ada sekarang. Kalau boleh ditingkatkan usaha ini supaya harga getah terus tinggi, sebab ramai daripada rakyat Malaysia masih bergantung kepada getah. Itu perkara yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin sentuh ialah dari segi pegawai-pegawai. Saya mengucapkan syabas bahawa dalam Lembaga Pengarah telah dipinda satu "fasal" supaya mereka yang ada kepakaran dalam pasaran juga dibawa masuk ke dalam lembaga—ini baik. Namun demikian, saya ingin tambah, kalau boleh pegawai-pegawai yang terlibat dalam pemasaran ini hendaklah mereka yang tahu tentang pemasaran getah.

Kadang-kadang orang itu mungkin baik dari segi researchnya, mungkin dia ada ijazah yang tinggi di dalam bidang penyelidikan, tetapi saya tidak yakin mereka ini juga, kalau kita pindahkan ke jawatan pemasaran, mereka itu boleh memasarkan—ada 'the marketing ability', dengan izin. Oleh kerana itu, lembaga atau kementerian jangan bimbang dan takut untuk membawa talent-talent baru, kepakaran-kepakaran baru, orang yang terlatih dalam pemasaran. Orang yang pandai dalam pemasaran ini tidak semestinya dia tahu tentang getah, tetapi, dengan izin, they are expert, dalam marketing.

Mengapa tidak kita bawa mereka yang ada talent? Mungkin ada dalam track

recordnya,—mereka ini fasih menjual dan maju menjual barang-barang industri, mereka mungkin bekerja dengan multinasional. Dalam penjualan barang-barang yang tidak ada kena-mengena dengan getah, tetapi umumnya mereka ada track record dalam pemasaran (marketing). Mengapa tidak kita bawa tokoh-tokoh ini untuk mengembangkan lagi pemasaran getah dan memastikan harga getah tidak turun?

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga ialah tentang fungsi pasaran. Saya tertarik tadi, dan saya yakin Dewan yang mulia ini tertarik bahawa satu arah baru dalam lembaga ini ialah bukan sahaja kepada usaha yang tradisional atau menjual getah asli sahaja (latex)—susu getah, tetapi akan mengorak langkah kepada penjualan alat-alat atau barang-barang industri yang dibuat daripada getah. Satu usaha yang baik dan satu perancangan yang patut kita alu-alukan. Itu amat baik sekali.

Kalaulah kementerian di bawah badan Lembaga Getah Malaysia diadakan penemuan barang-barang atau produk industri yang baru berasaskan getah, diwujudkan industri sama ada melalui industri kecil, sederhana atau besar, selepas itu badan ini juga melibatkan diri di dalam pemasaran barang-barang daripada penemuan kita yang sendiri 'our very own Malaysian made product', dengan izin, tetapi berasaskan getah. Our own niche—kita buat penemuan kita sendiri, kita kilangkan, kita buat sendiri di Malaysia, selepas itu kita pasarkan sendiri. The whole inter grated, dari segi penemuannya, kita developkan, kita kilangkan dan kita buat di negara kita sendiri selepas itu kita pasarkan sendiri.

Ini satu langkah yang baik, seperti saya kata pagi tadi, kalau boleh, kita tidak mahu lagi eksport getah asli, kita tidak mahu eksport getah, kita tidak mahu eksport latex. Janganlah kita eksport lagi nanti pada tahun 2020, bila negara kita



maju kita eksport latex lagi. Kita tidak mahu itu. Sebab itulah langkah yang di maklumkan kepada Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa dia hendak ubah arah, hala cara pengurusan Lembaga Pemasaran ini amat baik sekali.

Bermakna kalau dahulu dia memasarkan harga latex supaya dapat harga yang baik, tetapi di masa hadapan, agenda yang kedua, ialah memasarkan barang-barang industri yang mana penemuannya kita develop sendiri, kita usahakan, kita kilangkan sendiri di negara kita, selepas itu kita pasarkan ke negara kita dan kita internationalkan melalui Lembaga Pemasaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ini dapat dibuat insya-Allah, negara kita akan benar-benar menjadi satu negara yang maju dan menjadi salah satu industri yang betul-betul cemerlang ialah industri berasaskan getah dan kita tidak mahu lagi mengeksport latex (getah susu) tetapi kita mengeksport barang-barang berasaskan getah dan insya-Allah, kalau ini berjaya kita akan menjadi sebuah negara yang benar-benar maju di mana kita mampu menemui barang-barang yang kita kilang sendiri, selepas itu kita pasarkan sendiri.

Saya, dengan harapan dan doa itu, mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bandau.

3.20 *ptg.*

**Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan atas Akta Pasaran Getah Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dihuraikan oleh Timbalan Menteri yang bahawa akta ini adalah

susulan dengan perubahan dan perombakan sepertimana dalam akta yang telah diluluskan dalam Dewan yang mulia lebih awal tadi iaitu Lembaga Getah Malaysia (LGM). Maka dari segi pemasaran, akta ini akan mengambil alih akta-akta yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita percaya bahawa akta ini adalah diperlukan susulan dengan perubahan di peringkat akta yang dibentangkan awal pagi tadi, iaitu penubuhan Lembaga Getah Malaysia. Dari segi akta ini, iaitu Akta Pasaran Getah, maka beberapa perkara yang timbul, sepertimana yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa dari segi pasaran getah di negara kita adalah dalam bentuk bebas dan berdaya saing. Maka dengan itu, pandangan kerajaan dari segi menentukan harga tidaklah timbul, selain barangkali di peringkat antarabangsa melalui perbincangan dengan INRO supaya di peringkat antarabangsa harga yang memadai dari segi pandangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, namun di dalam perkara ini, perkara pasaran, implikasinya kepada negara kita dan khususnya kepada pengeluar-pengeluar, akhirnya ialah pendapatan kepada penanam-penanam getah dan pengeluar-pengeluar getah. Walaupun pasaran itu adalah bebas dan berdaya saing, beberapa soalan yang timbul, saya ingin Dewan yang mulia ini sekadar mengemukakan ini demi untuk, 'to gauge' ataupun melihat masa depan industri getah. Misalnya, di peringkat pengeluaran, dan dengan itu pemasarannya, apa yang kita ingin bertanya ialah dari segi pandangan kementerian. Apakah sebenarnya viability industri ini dari segi jangka panjang memandangkan dari segi kos pengeluaran, dari segi penggunaan tanah yang lebih kompetitif dengan tanaman-tanaman yang lain, misalnya tanaman kelapa sawit, misalnya juga penggunaan tanah untuk

digunakan sebagai perindustrian? Maka ini cabaran-cabaran yang ada akibat perindustrian dan pengeluaran getah, dan keseluruhannya kepada aspek pasaran dan harga pengeluaran di dalam sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya pada saat-saat ini melalui penyelidikan kita, tidak banyak para ahli sektor swasta yang melabur kembali di dalam bidang pengeluaran tanaman getah, memandangkan bahawa 'capital return', dengan izin, dalam sesuatu pelaburan itu adalah lebih tinggi dan meyakinkan dalam sektor pertanian yang lain seperti penanaman buah-buahan, penanaman padi dan juga penanaman kelapa sawit khususnya. Maka dalam bentuk ini, apabila pihak Timbalan Menteri mengatakan dari segi viability dan industri ini pada masa depan keseluruhan, adakah ia masih satu industri yang kerajaan benar-benar mahu galakkan penanaman secara besar-besaran, khususnya di peringkat swasta, atau adakah ini pada zaman sekarang ini sekadar ditumpukan kepada 'small holders' dengan izin, memandangkan bahawa 'competing uses of capital' dengan izin, lebih menarik di sektor-sektor yang lain daripada sektor-sektor ini?

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah penting kerana akhirnya dari segi pasaran dan pengeluaran dan pendapatan kepada penanam-penanam bagi petani-petani yang kecil khususnya akibat membawa perubahan dari segi sosio-ekonomi mereka. Pada dasarnya, income atau pendapatan daripada tanaman getah ini adalah fungsi harga, iaitu harga di peringkat antarabangsa kerana ia satu harga yang bebas dan bersaing di peringkat antarabangsa.

Memang ada perubahan sedikit di peringkat negara kerana kos-kos lain seperti transportasi, pengangkutan dan sebagainya. Dia juga adalah fungsi produktiviti, dengan izin, iaitu jumlah pengeluaran seunit tanah. Produktiviti

itu ertinya jumlah pengeluaran saya katakan tadi seunit/hektar, dan produktiviti ialah juga ditentukan oleh teknologi. Pada masa yang sama, satu faktor lagi yang menentu pendapatan bagi petani dalam bentuk ini ialah kos pengeluaran. Sepertimana yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat juga awal tadi bahawa ada kaitan dengan penggunaan buruh yang pada zaman ini komponen buruh yang digunakan dalam sektor ini adalah begitu besar sekali daripada buruh asing.

Maka, di dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, harga dan tanggungjawab LGM ini dari segi mengawal selia dan mengawasi harga getah yang diterima oleh pihak pengeluar amatlah penting sekali, supaya ia adalah satu harga bukan sahaja yang munasabah, sesuai dengan 'return to capital' dengan izin, kepada penanam-penanam, tetapi supaya kita seolah-olah tidak memaksa pengeluar-pengeluar atau penanam-penanam terus kekal dalam sektor ini jika return, dengan izin, pada pendapatan pelaburan itu lebih tinggi dari sektor-sektor yang lain. Akibat keseluruhannya ialah tidak boleh dinafikan, sektor ini makin lama makin kecil, tetapi makin merosot, kecuali ada perubahan baru dari segi teknologi, dari segi penggunaan-penggunaan getah, maka dalam bentuk ini, soal penyelidikan amatlah penting.

Jadi, sekadar pada saat ini kita membincang soal pasaran, saya percaya kita berpendapat bahawa di sektor swasta tertanya-tanya apakah 'future of the rubber industry' di dalam perkara ini supaya galakan diberi kepada penanam-penanam khususnya penanam secara besar-besaran kalaulah masih 'return to capital' dengan izin, dalam sektor ini masih menarik. Kalau tidak, maka barangkali kita harus mengadakan strategi supaya memindah peringkat-peringkat dan mengubah 'diversify' dengan izin, penanaman ini khususnya bagi pengeluar-pengeluar getah

kecil supaya pendapatan mereka pun terus kekal memandangkan perubahan harga yang berdaya saing, tetapi bebas dan dipengaruhi oleh faktor-faktor di peringkat antarabangsa.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, dari segi penubuhan lembaga dan perlantikan ahli sepertimana yang disentuh juga berkaitan dengan akta yang lebih awal tetapi ada kaitan dengan akta ini, kita tidak berapajelas dengan keseluruhannya akibat akta ini daripada pengeluaran pemasaran getah di peringkat negeri Sabah dan Sarawak memandangkan pengeluaran getah di sana adalah dikawali oleh Kementerian Pertanian masing-masing. Namun, kita percaya dia juga adalah tertakluk kepada akta yang lebih besar di peringkat kebangsaan. Dalam perkara ini, maka eloklah kita syor supaya di dalam penubuhan lembaga bahawa diadakan wakil daripada kedua-dua negeri tersebut memandangkan bahawa sepertimana saya katakan tadi pengawasan pengeluaran adalah dibentuk oleh kerajaan negeri, tetapi mereka tertakluk kepada akta dari segi pasaran dan seterusnya di dalam bidang ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita percaya bahawa sampailah masanya juga bagi kementerian ataupun bagi agensi-agensi yang terlibat dalam sektor ini supaya selain daripada perkara harga yang ada kaitan, tetapi juga melaungkan sesuatu langkah baru sebab sektor ini dipandang sebagai, dengan izin, sunset sector. Dan adakah ini sepertimana yang diterima oleh pihak kementerian ataupun kementerian bercadang mengubah imej tersebut dan seterusnya dengan itu mengambil langkah-langkah tertentu supaya sekali lagi bukannya menjadi satu sektor yang sunset satu sektor yang menjadi tarikan bagi pelabur-pelabur dan sumber utama dari segi peningkatan ekonomi dan pendapatan rakyat khususnya yang dalam golongan yang masih rendah dari segi pendapatan.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kuala Nerus.

3.32 ptg.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus):** Saya turut mengalu-alukan kementerian yang telah dapat membentangkan Rang Undang-undang Pasaran Getah Malaysia Perbadanan (Pindaan) 1996.

Rang Undang-undang Pasaran Getah Malaysia Perbadanan (Pindaan) 1996 yang dibentangkan pada hari ini adalah nadi kepada kedudukan majunya produk-produk getah untuk masa-masa yang akan datang. Saya dapati getah yang kita perkatakan ini terdapat dua arah. Yang pertama sekali, bila kita bincang berkenaan dengan getah ialah berkenaan dengan pemerosesan getah yang dipertanggungjawab oleh RRIM yang saya kira bidang ini sememangnya boleh diberi kepujian kepada kerajaan yang telah banyak menghasilkan penemuan-penemuan yang membanggakan. Walau bagaimanapun, di sudut teknologi pemerosesan dan pemasaran ianya kait mengait di antara satu sama lain dan sejak tahun 40-an kita lihat bahawa pasaran getah ini dipasarkan ataupun dipindahkan transportasinya, oleh Keretapi Tanah Melayu. Lateks yang dipindahkan daripada satu tempat ke satu tempat yang lain dan dieksport ke luar negara tetapi pada hari ini kita juga masih dengan keadaan yang sama melihat Keretapi Tanah Melayu menarik di dalam bulking tank, dengan izin, daripada satu tempat ke satu tempat yang lain. Dan fenomena ini atau keadaan ini masih tidak banyak perubahan dan banyak susu getah juga dimasukkan amonia sebagai preservative, dengan izin, untuk dieksportkan.

Pada saya, di sudut pemasaran kita masih belum boleh berbangga kerana

daripada dulu kita menghasilkan susu getah yang ditoreh oleh penat lelah para pekebun kecil di kampung-kampung yang merupakan sebahagian besar pengeluar susu getah. Maka dalam ertikata lain, kita seharusnya mempergiatkan kajian, memperbanyakkan teknologi-teknologi baru serta memperbanyakkan industri-industri value-added, dengan izin, yang boleh memberi manfaat kepada negara kita.

Saya setuju sangatlah dengan Yang Berhormat dari Rompin yang mencadangkan supaya kita menghasilkan barangan daripada getah dan seterusnya mengeksport barangan kita sendiri. Kalau kita kaji di dunia ini teknologi getah asli (natural rubber) sememangnya tidak boleh ditandingi oleh getah tiruan (synthetic rubber). Jadi, kalau kita tahu tidak boleh ditandingi kenapa tidak kita monopoli market (pasaran) itu? Kalaulah kita dengan keadaan teknologi yang ada pada kita pada hari ini tetapi kita masih takut untuk menceburkan diri di dalam industri-industri yang nilai tambahnya amat baik, saya rasa kita terlalu naif menghadapi cabaran Wawasan 2020. Dan getah sebagai komoditi sejarah kita, komoditi yang pertama yang kita tangani di dalam perdagangan, saya rasa kita tidak berjaya dalam soal pemerosesan getah. Jadi, sahutlah seruan ini. Saya merasakan lebih banyak teknologi, lebih banyak industri yang boleh kita ceburi, yang boleh kita ciptai melalui pemerosesan yang lebih baik, yang akhirnya kita boleh pasarkan barang-barang getah ke seluruh dunia.

Sebagai satu contoh, Oil Extended Natural Rubber (OENR), getah asli yang dibuat tayar yang tidak ada bandingannya, kesesuaiannya, fungsinya yang terbaik menghadapi salji ataupun dipanggil snow tire. Jadi, kita sudah tahu bahawa tidak ada negara lain yang boleh menghasilkan Oil Extended Natural Rubber (OENR) ini. Kenapa tidak kita menggunakan getah

yang ada sama ada dalam bentuk Standard Malaysian Rubber (SMR) daripada 1 sampai 5 ataupun Richmood Zip (RXS) ataupun getah keping yang kita selalu dengar di dalam radio, getah keping tanpa bungkus dan sebagainya? Kenapa tidak kita menghasilkan OENR tire dan seterusnya menjadi ataupun kita mengawal pasaran (market monopoly)? Saya juga merasakan bahawa kita selama ini mengeksport, selalunya getah ini dieksport di dalam bentuk bel-bel yang sebesar ini (*menunjukkan saiz dengan kedua tangan*) yang barangkali kita boleh berbangga di tahun 70-an, 80-an kita menghasilkan daripada orang Terengganu panggil 'pot getah' ataupun skrap yang masyarakat kampung hasilkan skrap ini yang ditimbang di MARDEC atau di mana-mana dengan menggunakan dry rubber contain (DRC) dan akhirnya dihasilkan dalam bentuk bel-bel yang berwarna kuning, berwarna kelabu, berwarna hitam dan sebagainya. Kita ada kilang-kilang MARDEC, jadi setakat itu sahaja teknologi kita. Daripada tahun 70-an, 80-an setakat itu sahaja teknologi kita tetapi kita tidak ada inisiatif....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Penjelasan. Yang Berhormat dari Kuala Nerus nampaknya pakar dalam hal getah. Pot getah pun dia tahu juga. Ini pakar ini. Saya hendak bertanya masa-masa kecil dulu pernahkah Yang Berhormat menoreh getah disebabkan Yang Berhormat ini agak mahir. Yang saya tahu latar belakang Yang Berhormat bekerja di Bank Islam di dalam bidang kewangan. Ini macam pakar getah pula sedikit. Saya minta penjelasan sedikit.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:** Rakan saya dari Rompin ini

sememangnya dia tahu saya seorang chemist dulu yang saya tidaklah bertujuan untuk menghurai panjang tetapi pada saya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Rompin dalam kita menghadapi Wawasan 2020, kita mempunyai teknokrat, kita mempunyai pakar di dalam bidang getah, kita mempunyai begitu ramai pemegang Ph.D hatta di dalam polymer molecular engineering pun kita ada daripada Case Western Reserve University.

Kita mempunyai cukup ramai—saya tahu dan saya kenal daripada RRIM, daripada SIRIM dan sebagainya cukup ramai. Tetapi adakah kita dengan teknologi ataupun dengan komoditi sejarah getah ini kita hendak letakkan titik noktah kita sekadar mengeksport bil-bil getah SMRI dan SMR2, SMR3, SMR4, SMR5 dan sebagainya? Adakah setakat ini sahaja ataupun untuk kita terus menerokai teknologi getah yang lebih baik lagi, dalam erti kata lain kita seharusnya menerokai bidang ini, bidang untuk mendapatkan nilai tambah pada getah ini dengan jumlahnya yang banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengikut angkanya berapakah sama ada peningkatan ataupun pengurangan eksport latex, eksport SMR, eksport RSS daripada tahun 1990 hinggalah 1996? Kalau tidak dapat jawapan pada hari ini pun saya minta dijawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga untuk mendapatkan pengiktirafan di dalam bidang pemerosesan getah. Pada waktu ini RRIM yang merupakan institusi tunggal yang memberikan sijil iaitu sijil yang bertaraf kalau di Institut Teknologi MARA, Diploma in Rubber and Processing Technology (DRPT) di manakah letaknya RRI, apabila kita menswastakan ataupun di bawah akta baru penswastakan universiti di manakah

letaknya pengiktirafan Diploma RRIM ini? Jadi, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan hal ini, kerana apa yang saya nampak dan apa yang saya perhatikan bahawa persijilan ataupun pengiktirafan sijil-sijil processing technologies yang ada di seluruh negara pada hari ini merupakan soal pokok yang perlu kita ketengahkan supaya dapat kita selaraskan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah ingin mencadangkan perkara-perkara yang berkait dengan teknologi getah ini secara panjang lebar kerana saya tahu bahawa walaupun peringkat ini saya mengatakan banyak lagi perkara yang perlu kita buat di sudut teknologi dan pasaran getah ini. Walaupun demikian, saya juga tidak menafikan bahawa telah banyak perkara-perkara atau perkembangan-perkembangan baru yang telah pun dihasilkan oleh RRIM, SIRIM dan sebagainya. Walaupun demikian, saranan saya ini hanyalah untuk kebaikan kita semua. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

*3.43 ptg.*

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Rompin, Bandau dan Kuala Nerus yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang Pasaran Getah Malaysia (Perbadanan)(Pindaan) 1996.

Yang Berhormat dari Rompin telah mengemukakan beberapa cadangan dan saya mengucapkan terima kasih kepada tiga cadangan yang baik yang telah dikemukakan, di mana seperti saya nyatakan tadi semasa membentangkan

Akta Lembaga Getah Malaysia, kementerian sentiasa meningkatkan usaha dan tindakan untuk menggalakkan pengeluaran getah yang berkualiti di kalangan pekebun-pekebun kecil bagi membolehkan mereka mendapatkan harga yang baik. Usaha-usaha lain bagi menstabilkan harga dan membasmikan harga berpatutan diperolehi oleh pekebun-pekebun kecil sentiasa diteruskan melalui promosi dan pembukaan pasaran baru di pasaran antarabangsa di samping usaha-usaha dilaksanakan melalui agensi-agensi seperti LGM kelak di dalam negeri.

Kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan kepakaran pegawai-pegawai dan kakitangan di semua bidang termasuk pemasaran di samping mengambil pegawai-pegawai yang pakar atau dengan kepakaran yang bersesuaian untuk memberi khidmat di dalam agensi-agensi di bawah kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama sedar tentang kepimpinan harga getah tidak stabil kerana harga komoditi ini serta komoditi lain adalah tertakluk kepada kedudukan ekonomi dunia. Oleh kerana Malaysia mengamalkan sistem ekonomi terbuka yang menyebabkan kepelbagaian ekonomi berlaku sejajar dengan pembangunan negara, pengeluaran getah asli tidak lagi menjadi hasil utama negara. Walau bagaimanapun, kementerian memang sedar bahawa masih ramai rakyat luar bandar yang bergantung kepada hasil getah bagi golongan ini kerajaan tetap menjaga kepentingan mereka.

Menerusi aktiviti-aktiviti R&D, kementerian telah dapat menghasilkan amalan ekonomi yang baik, klon-klon yang berhasil tinggi, faedah penanaman pelbagai dan cara penorehan baru. Semua ini bertujuan meningkatkan pengeluaran hasil dan pendapatan supaya golongan ini terus berdaya maju dan berdaya saing.

Menerusi penggunaan kayu getah golongan ini juga turut sama menikmati hasil dari kepelbagaian ekonomi negara yang saya nyatakan tadi yang berlaku di dalam industri getah.

Tuan Yang di-Pertua, melalui perubahan-perubahan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Bandau melalui perubahan-perubahan yang dicadangkan sektor getah yang diperluaskan adalah merangkumi kayu getah dan pembuatan barangan getah. Adalah diharapkan sektor getah akan menjadi lebih viable, dengan izin. Di samping itu, usaha peningkatan pasaran dan diregulation, dengan izin industri getah diharapkan akan meningkatkan daya saingan industri ini dan menjadikannya lebih kompetitif.

Sebagai sistem ekonomi pre-enterprise, dengan izin, syarikat-syarikat swasta tentunya bebas untuk memilih di mana mereka hendak melabur. Walau bagaimanapun, melalui usaha-usaha penguatan dan kemaskinian sektor getah kita akan meneruskan usaha-usaha untuk menggalakkan pelaburan dalam industri getah khasnya di sektor hiliran dan kayu 'heavier'.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bandau juga telah menyentuh berkenaan dengan kos pengeluaran yang tinggi. Jawapan ini saya telah berikan sebentar tadi semasa menggulung perbahasan di bawah Akta Lembaga Getah Malaysia. Perkara lain yang ditimbulkan seperti wakil dari Sabah dan Sarawak juga perlu berada di dalam LGM. Perkara ini telah diperuntukkan di dalam Akta LGM (Perbadanan) 1996 juga mengenai apa yang dikatakan industri getah sebagai sunset industry. Industri getah telah nampak berkembang di negara ini dan telah mengalami berbagai-bagai perubahan dan selaras dengan perkembangan ekonomi dalam negara dunia industri getah ia akan diperluaskan dan diperkukuhkan dengan menumpukan

kepada aktiviti-aktiviti hiliran dan khidmat sokongan yang lain. Dengan cara ini kita tidak akan membiarkan industri getah dianggap sebagai sunset industry, tetapi sebaliknya menyambut cabaran-cabaran baru dan dengan menggunakan peluang-peluang ini untuk memperkukuhkan industri ini khasnya.

Berkenaan dengan masa depan industri getah juga saya telah menjawabnya semasa menggulung perbahasan Akta Lembaga Getah Malaysia tadi.

Dari segi pemasaran dan pemerosesan, telah banyak aktiviti hiliran yang dibangunkan. Di Malaysia ini terdapat 5 sub-sektor utama dalam industri pembuatan barangan berasaskan getah yang beroperasi dalam negara kita, iaitu sub-sektor tayar, sub-sektor barangan latex, sub-sektor kasut, sub-sektor barangan getah, perindustrian dan sub-sektor barangan getah am.

Menyentuh kedudukan subseksyen industri berasaskan getah Malaysia dalam pasaran antarabangsa dari segi dan mutunya sukacita saya maklumkan bahawa Malaysia menjadi pengeluar dan pengeksport utama eksport dunia bagi sarung tangan getah pemeriksaan dan pembedahan benang getah dan 'capitas'. Sarung tangan pembuatan dari Malaysia menguasai 75% pasaran dunia. Mutu barangan getah seperti sarung tangan, 'capitas' kondom dan bebenang getah Malaysia adalah setanding dengan mutu barangan getah buatan negara-negara lain. Sarung tangan Malaysia umpamanya sudah terkenal dengan mutunya yang lebih tinggi dan mendapati piawaian antarabangsa berbanding dengan sarung tangan buatan negara-negara lain. Oleh itu, hasil daripada penyelidikan RRIM pengeluar-pengeluar sarung getah, sarung tangan Malaysia telah dapat menghasilkan sarungan tangan bebas debu yang bermutu tinggi. Dan melalui penubuhan LGM segala penyelidikan dan pembangunan akan diusahakan dan ditingkatkan supaya pasaran industri getah

di Malaysia akan terus membangun dan bukan merupakan seperti sun-set satu industri apa yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat dari Bandau. Yang Berhormat itulah sahaja ulasan saya berkenaan dengan apa yang dikemukakan. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan nagi diputuska, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 14* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga.**

*3.55 petang.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Suatu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibaca bagi kali yang kedua. Saya memohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Akta Kastam 1997 adalah Undang-undang yang mentadbir dan mengawal pungutan cukai kastam yang mana pelaksanaan akta ini dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Tujuan utama akta ini adalah untuk memunggut hasil untuk kerajaan dengan mengenakan kawalan tertentu dalam pelaksanaannya. Tujuan utama pindaan dibuat ke atas Akta Kastam 1997 adalah untuk melaksanakan perkara-perkara yang dipersetujui di bawah perjanjian berhubung dengan penubuhan pihak berkuasa bersama Malaysia, Thailand-Malaysia Thailand Joint Authority (MTJA) dengan izin, untuk usahasama carigali dan pengeluaran bahan-bahan petroleum di kawasan pembangunan bersama di Teluk Siam. Peruntukan-peruntukan khas, perlu diwujudkan dalam Akta Kastam 1997 bagi membolehkan penguatkuasaan Artikul 16, perjanjian penubuhan MTJA yang memperuntukkan perkara-perkara pelaksanaan di Joint Development Area (JDA).

Dengan meminda Akta Kastam 1967 ini, segala hal ehwal pengkastaman terutamanya mengenai pergerakan barang masuk, barang-barang di JDA akan dapat dikawal selia oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Yang hanya cadangan pindaan ke atas Akta Kastam 1967 adalah berasaskan alasan-alasan berikut. Pertama, bagi kawasan pembangunan bersama JDA di bawah Akta Kastam 1967. Yang kedua untuk membolehkan Menteri Kewangan membuat peraturan-peraturan di bawah Akta Kastam 1967 bagi mengawal selia pemindahan barang-barang ke dalam dan dari JDA dengan meminda seksyen 142 Akta Kastam 1967. Dan yang ketiga, memasukkan peruntukan-peruntukan baru berhubung dengan takrif pergerakan barang-barang keluar masuk bagi JDA.

Fasal 2, bagi tujuan meminda subseksyen 2(1) akta untuk memasukkan takrif bagi Joint Development Area.

Pindaan ini berbangkit pada kemasukan Bahagian XIXb yang baru.

Fasal 3, bertujuan meminda seksyen 142 Akta untuk memberi menteri kuasa membuat peraturan-peraturan untuk mengawal selia pemindahan barang-barang ke dalam dan dari kawasan pembangunan bersama.

Fasal 4 bertujuan memasukkan bahagian baru XIXb untuk mengadakan peruntukan khas berhubung dengan kawasan pembangunan kawasan bersama seksyen 163(H) yang dicadangkan mengadakan hal keadaan yang di bawahnya barang-barang yang dipindahkan ke dalam atau dari Kawasan Pembangunan Bersama disifatkan sebagai diimport atau dieksport atau pergerakan dalaman. Seksyen 163 (I) yang dicadangkan bertujuan membuat peruntukan bahawa duti import atau eksport hendaklah kena dibayar atas barang-barang yang di import atau di eksport itu. Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap. Tumpat, bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ada apa, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mohamood:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira, tidak cukup kuorum.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Setiausaha. Tolong bilang.

*Loceng dibunyikan.*

*(Ahli-ahli dikira: lebih daripada 26 ahli hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** 31 orang, cukup kuorum. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila teruskan.



**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kastam tahun 1967 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas sekarang. Kelang.

4.01 ptg.

**Dr. Tan Yee Kew (Kelang):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya memohon untuk memberi pendapat menyokong Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 1996 seperti yang dicadangkan.

Kami mengalu-alukan penubuhan "Kawasan Pembangunan Bersama" atau "Joint Development Area". Ia merupakan tanda wujudnya jalinan perhubungan yang baik antara kita dengan negara jiran kita Thailand serta adanya kerjasama ekonomi yang tulin di kalangan negara-negara Asean.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang tinggal berdekatan dengan sempadan Thailand dan Malaysia, pastinya telah biasa dengan perdagangan melampaui sempadan dan juga pihak kastam. Bagi saya Ahli Parlimen bagi kawasan Kelang yang meliputi sebuah pelabuhan laut, bersama-sama penduduk-penduduk kawasan saya, menganggap pihak kastam sama pentingnya dan saya ingin mengambil peluang ini untuk menimbulkan beberapa isu mengenai pihak kastam.

Terlebih dahulu, saya rasa klasifikasi tarif perlu dipermudahkan dan

diseragamkan. Dengan izin, need to be simplified and standardised. Seperti yang kita ketahui semua barangan adalah diklasifikasi di bawah tajuk atau heading, dengan izin, yang berbeza. Dan di bawah sesuatu tajuk yang sama, terdapat pula banyak tajuk kecil ataupun subheading, dengan izin, yang dibina berasaskan keterangan barangan tersebut.

Misalnya, di dalam Chapter 'paper' dan 'paperboard', 'articles of paper pulps of paper or paperboard', dengan izin, terdapat 23 tajuk dan 375 tajuk kecil. Kadangkala sesuatu tarif itu dibentuk dengan teliti hingga merumitkan dan ramai yang tidak faham apakah rasional di sebaliknya.

Umpamanya, di bawah tajuk yang sama iaitu 'paper' tetapi tajuk kecil yang berbeza, duty import bagi toilet paper adalah 30%, handkerchiefs cleaning or facial tissue and towel adalah 35%, table cloth 25% dan serviette 35%. Mengapakah duti bagi toilet paper lebih tinggi daripada paper table cloth? Adakah perbezaan duti seperti ini perlu dilevi di atas barangan-barangan yang lebih kurang sama?

Ada banyak lagi contoh yang rumit, izinkan saya menyambung.

Bagi cigarette paper jika ianya dalam bentuk booklet atau tube, duti import adalah 20%, jika ianya digulung in roll of a weight not exceeding 5 cm, duitnya juga 20%, jika ianya cut to shape other than rectangular, dutinya turun menjadi 10%. Tetapi ianya in roll of a weight exceeding 5 cm ianya adalah 5% jika coated dan yang lain-lain 20%.

Struktur tarif yang sedemikian bukan sahaja melibatkan kerja yang banyak, yang sebenarnya tidak perlu tetapi kadangkala menimbulkan perselisihan kerana pegawai-pegawai kastam dan ejen-ejen penghantaran mungkin tidak bersetuju dengan klasifikasi tajuk kecil sesuatu barangan itu.

Saya difahamkan bahawa apabila timbul kesangsian terhadap klasifikasi sesuatu barangan, pihak kastam akan cuba mengenakan duti barangan yang lebih tinggi, manakala pihak ejen penghantaran pula sudah tentu akan cuba mendapatkan duti yang lebih rendah. Kesannya ialah sama ada pelanggan dikenakan duti yang berlebihan atau kerajaan menerima revenue yang kurang kerana duti yang dikenakan lebih rendah daripada yang sepatutnya.

Kita faham, bahawa klasifikasi barangan adalah berasaskan kepada lumrah antarabangsa dan tidak banyak yang boleh kita lakukan untuk mengubahnya tetapi kita boleh cuba memudahkan quotation barangan dengan menyeragamkan atau a standardise struktur tarif.

Misalnya selain daripada barangan yang terkecuali, kita harus cuba seberapa yang boleh mengenakan levi yang sama bagi barangan di bawah tajuk kecil yang sama. Dengan demikian, duti untuk barangan akan jadi lebih senang disebut dan tidak akan timbul kekeliruan lagi.

Saya berharap Jabatan Kastam akan meneliti perkara ini dan cuba memperbaikinya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya perkatakan ialah pelaksanaan Data Electronic Antarabangsa (EDI), Sistem Maklumat Kastam Dagang Net (SMK) oleh pihak kastam.

Jabatan Kastam telah pun memperkenalkan sistem tersebut baru-baru ini dengan tujuan mempertingkatkan kecekapannya sejajar dengan usaha kerajaan menjadikan Pelabuhan Kelang sebagai pelabuhan utama di rantau ini.

Pihak komunikasi yang terlibat dengan perkhidmatan penghantaran mengalukan sistem baru ini, walaupun terdapat beberapa masalah teknikal yang perlu diselesaikan. Saya tidak akan

memperkatakan tentang hal-hal teknikal ini kerana saya percaya lambat laun ia akan dapat diselesaikan.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang mesti saya bantahkan di sini ialah perasaan cemas yang terpendam di kalangan ejen-ejen penghantaran dengan pelaksanaan sistem baru ini. Harapan saya diakhirnya nanti akan mendapat kepastian daripada pihak kerajaan.

Sistem EDI, SMK Dagang Net sememangnya akan melucutkan penggunaan kertas dalam sebarang urusan niaga dan meningkatkan kecekapan. Apabila sistem ini dimantapkan dan dilaksanakan sepenuhnya ianya akan mengurangkan beban kerja ejen-ejen penghantaran, malangnya ini bermakna fungsi ejen penghantaran dan pelanggannya juga akan berkurangan.

Pengeksport dan pengimport sambilan mungkin akan berterusan memerlukan khidmat ejen penghantaran. Tetapi majoriti daripada pengeksport dan pengimport tetap akan dapat berhubung terus dengan pihak Kastam.

Dalam lain-lain perkataan, sistem ini akan menjadikan sebahagian besar khidmat ejen penghantaran semakin tidak berfungsi dan tidak keterlaluan jika dikatakan ada kemungkinan sistem ini mengambil alih sepenuhnya khidmat tersebut kelak. Kesan pelaluan sistem ini amatlah menular.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita berjalan-jalan di pantai Pelabuhan Kelang, kita nescaya akan menyedari bahawa setiap selang tiga buah kedai terdapat satu pejabat ejen penghantaran. Ada terdapat kira-kira 400 syarikat penghantaran di Pelabuhan Kelang dan 2,000 di seluruh negara.

Bagaimanakah kerajaan membantu menyediakan kumpulan ejen penghantaran ini menghadapi sebarang kesan daripada pembaharuan ini?

Jika kita meninjau keadaan ejen-ejen penghantaran di pelabuhan-pelabuhan negara asing yang telah menggunakan sistem yang sama, kepentingan ejen penghantaran ini adalah dikawal dengan rapi. Misalnya di Australia, penghantar-penghantar 'fret' tidak dibenarkan berhubung terus dengan pihak Kastam untuk kerja-kerja mendapatkan pelepasan kastam atau custom clearance, dengan izin. Mereka dimestikan mendapatkan khidmat ejen penghantaran, manakala di Malaysia ramai penghantar fret juga bertindak sebagai ejen penghantaran. Malahan jabatan logistik syarikat dan pengeksport serta pengimport persendirian juga dibenarkan berhubung terus dengan pihak Kastam. Dalam lain-lain perkataan, pada masa sekarang pun ramai yang tidak memerlukan perkhidmatan ejen-ejen penghantaran. Pada pendapat saya, sukar bagi kita hendak merubah situasi sekarang dengan memaksa semua yang terlibat mendapatkan pelepasan Kastam melalui ejen penghantaran.

Juga tidak wajar kita mengekalkan kewujudan ejen-ejen penghantaran apabila ia tidak mempunyai fungsi lagi, oleh itu kita harus pula memikirkan pindahan tenaga kerja dan kemahiran kumpulan ejen penghantaran ini kepada bidang lain dalam jangka masa 10 hingga 20 tahun. Satu cadangan yang logik ialah meningkatkan taraf ejen penghantaran ke penghantaran 'fret' yang mengendalikan aktiviti yang lebih luas. Sememangnya peluang perniagaan bagi penghantar fret adalah mencukupi sebaik sahaja Pelabuhan Kelang dikenali sebagai pelabuhan utama di rantau ini kelak. Tatkala itu akan bertambahlah jumlah kapal angkut atau main liner, dengan izin, yang akan singgah di pelabuhan ini. Ada tanda-tanda yang menunjukkan semakin ramai ejen penghantaran mengalihkan aktiviti perniagaan mereka kepada penghantaran fret dan "warehousing" dengan izin, tetapi untuk menjadi penghantar fret, seseorang itu memerlukan capital yang lebih besar dan jalinan perniagaan antarabangsa.

Dalam hal ini, saya rasa kerajaan dapat memainkan peranannya. Saya berasa gembira Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik dengan inisiatifnya sendiri telah pun menghulurkan peruntukan sebanyak RM300,000 kepada Persatuan Ejen-ejen Penghantar Pelabuhan Kelang (AFAPK) dengan tujuan mendirikan Institut Penghantar Fret Malaysia yang bakal akan digunakan sebagai pusat latihan bagi ejen-ejen penghantar yang ingin meningkatkan taraf mereka ke penghantar fret. Selain ini, saya rasa apa yang diperlukan sangat oleh ejen-ejen penghantar kecil yang sedia ada yang ingin meningkat ke taraf penghantar fret, ialah bantuan kewangan tambahan dan perkhidmatan liaison (perhubungan) dalam menghubungkan jaringan antarabangsa. Kerajaan perlu mengadakan rancangan yang lebih agresif untuk mengembangkan perkhidmatan sokongan di pelabuhan selain daripada memperbaiki kemudahan infrastruktur yang ada dan saya rasa ini merupakan satu perkara yang harus diambil berat oleh pihak kerajaan.

Akhir sekali, saya berpendapat bahawa adalah perlu bagi Kementerian, pihak Kastam dan Lembaga Pelabuhan berbincang dengan cara terbuka dengan ejen-ejen penghantaran mengenai rancangan pembangunan masa depan mereka berkaitan dengan pelaksanaan sistem baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon untuk menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Machang.

4.15 ptg.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed (Machang):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang lama, cuma menyentuh perkara-perkara yang spesifik.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin membangkitkan suatu takrif di bawah

Akta Kastam, 1967. Sepertimana saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum, bahawa di bawah takrif Akta Kastam, 1967 terdapat beberapa takrif barangan. Satunya ialah barang tegahan import (prohibited goods). Keduanya, barang belum lulus kastam (uncustom goods).

Saya ingin tahu apakah rasionalnya pihak kerajaan mengeluarkan atau pun membezakan takrif barang-barang ini, kerana saya dapati dalam beberapa barang-barang tertentu kita faham, misalnya, ialah soal pengimportan batik ke negara ini. Batik diiktirafkan sebagai barang tegahan import (prohibited goods), maknanya tidak boleh dibawa masuk ke negara ini kecuali dengan mendapat permit daripada pihak kementerian. Tetapi barang-barang lain yang terdapat, barangkali dalam kes batik, ialah dengan tujuan untuk menjagakan industri batik tempatan, tetapi ada beberapa barangan-barangan lain yang saya tidak nampak rasionalnya, mengapa kita tidak mentakrifkan semua barang ini sebagai barang uncustom goods, iaitu dengan kata lain, barang ini boleh diimport masuk ke negara ini dengan syarat cukainya dibayar, kerana dalam perdagangan dalam konteks Asean sekarang yang berkembang begitu pesat dalam hubungan dagang antara negara-negara Asean, jika ini disekat, seolah-olah kita sekarang ini menyekat dagangan antara negara-negara di kalangan anggota Asean. Misalannya dalam soal kemasukan batik Indonesia ke Malaysia dan pengeksportan batik Malaysia ke negara-negara jiran kita, terutamanya ke Indonesia, misalannya.

Jadi, adakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji takrifan ini bahawa semua barang sama ada barang yang dieksport, barang yang diimport diklasifikasikan hanya sebagai uncustom goods, iaitu barang-barang belum lulus kastam. Dengan kata lain, pengimportan dan pengeksportannya adalah dibenar tetapi tertakluk kepada pembayaran cukai, kerana pembayaran

cukai ini akan mendatangkan hasil yang besar kepada negara ini. Itu yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya, berhubung dengan pengimportan kain putih. Saya telah diberitahu oleh pengusaha-pengusahabatik, terutamanya di negeri Kelantan, yang mana keperluan industri batik di negeri Kelantan berkembang begitu pesat sejak akhir-akhir ini dan keperluan batik tempatan memerlukan lebih kurang 100,000 meter pada tiap-tiap bulan. Jumlah ini adalah satu jumlah yang besar, tetapi masalah yang dihadapi oleh pengeluar-pengeluar batik, terutamanya mereka yang menjalankan industri kecil secara kecil-kecilan di negeri Kelantan bahawa bekalan kain putih ini dikawal begitu ketat sekali sekarang ini. Dikawal begitu ketat dengan memohon permit dan sebagainya dalam pengimportannya. Susah untuk diperolehi. Apakah kerajaan tidak berhasrat untuk melonggarkan syarat-syarat yang sedia ada supaya tiap-tiap pengeluar batik, pekilang-pekilang batik, secara kecil-kecilan dibenarkan dengan cara mudah untuk mengimport kain putih secara direct bagi kegunaan industri mereka supaya pengeluaran batik ini tidak terjejas.

Sekarang ini kita dapati bahawa pengimportan kain putih bagi industri batik dalam negara ini dibuat melalui Singapura yang banyak, setahu saya dalam negeri Kelantan yang paling banyak ialah daripada Singapura. Dengan kata lain, keuntungan daripada pengimportan ini akan diperolehi daripada orang-orang tengah yang berniaga kain putih ini di Singapura. Mengapa tidak kerajaan mengambil suatu pendekatan baru dengan memperkenalkan ataupun memberi lesen import kepada beberapa pengimport Malaysia supaya dapat mengimport terus kain-kain putih ini daripada negara China dan jika ini berlaku saya percaya ianya dapat dijual kepada pengilang-pengilang batik dengan harga yang lebih murah.

Saya faham bahawa sekarang ini untuk mendapatkan import permit bagi industri

kain putih bagi kegunaan industri batik adalah merupakan satu masalah yang besar yang dihadapi oleh pengilang-pengilang batik, khususnya di negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya hendak bangkitkan ialah perkara khusus. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan kedudukan kawasan bebas cukai Rantau Panjang. Barangkali pihak kementerian sedar bahawa perancangan untuk mewujudkan kawasan bebas cukai di Rantau Panjang ini telah lama dijalankan. Kawasan ini telah pun dikenal pasti, dan bangunan-bangunannya pun telah didirikan, pagar pun sudah siap. Tetapi nampaknya ianya tidak berjalan sehingga hari ini. Saya ingin tahu pihak kementerian apakah masalah yang dihadapi berhubung dengan pelaksanaan kawasan bebas cukai di Rantau Panjang ini. Apa-apa masalah yang dihadapi. Adakah rancangan ini ditangguh ataupun dibatalkan? Tetapi jika itulah sebenarnya yang berlaku, maka kerugian yang amat besar berlaku. Kerana saya difahamkan bahawa peruntukan beratus-ratus juta ringgit, berpuluh-puluh juta ringgit telah digunakan untuk menyiapkan kawasan bebas cukai di Rantau Panjang, tetapi sehingga sekarang ianya masih lagi tidak berjalan dengan baik ataupun masih lagi belum dilaksanakan.

Perkara seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak bangkitkan ialah berhubung dengan penyeludupan, perkara khusus berhubung dengan penyeludupan. Sebagai Wakil Rakyat yang datang dari negeri yang bersempadan dengan Thailand, saya faham bahawa masalah penyeludupan di kawasan sempadan ini merupakan suatu masalah yang sukar untuk dibendung. Beberapa kali pihak kerajaan telah mencadangkan supaya pagar dibina di sepanjang sempadan, sepertimana yang dilakukan di Perlis supaya penyeludupan itu tidak mudah dilakukan. Tetapi dalam hubungan

ini, kawasan-kawasan sempadan di negeri Kelantan, daripada kawasan Pengkalan Kubor sampailah kepada kawasan di Jeli, negeri Kelantan, kawasan ini tidak berpagar, dan bila airnya cetek kadang-kadang kenderaan pacuan empat roda boleh melalui kawasan-kawasan sungai ini yang menjadikan penyeludupan boleh berjalan dengan baik.

Jadi, persoalannya sekarang, Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk memagar kawasan-kawasan sempadan ini adalah satu cadangan yang baik. Bila ini dapat dilakukan bahawa pengimportan dan pengeksporan akan berlaku hanya di pintu masuk yang sah, tidak seperti sekarang. Oleh kerana terlalu banyak kawasan pintu masuk secara haram yang terbina secara tidak langsung, dan oleh kerana kawasan sempadan ini terlalu luas, adalah terlalu sukar bagi pihak penguatkuasaan Jabatan Kastam untuk mengawal. Jadi, kedudukannya saya ingin tahu bagaimana dengan perancangan khususnya di negeri Kelantan untuk memagarkan kawasan sempadan ini supaya penyeludupan ini dapat diatasi, ataupun dapat dikurangkan jika kita tidak dapat mengatasinya seratus peratus.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi khusus yang saya hendak bangkitkan ialah berhubung dengan Borang Kastam No. 1, 'declaration form', yang secara tidak langsung borang ini menggalakkan penyeludupan berlaku. Pada masa sekarang, amalan yang dilakukan oleh Jabatan Kastam bila seseorang itu mengimport masuk barang-barang ke dalam negara ini. Ia terpaksa mengisi satu borang diberi nama Borang Kastam No. 1, 'declaration form'. Borang ini akan dikembalikan kepada pengimport. Kemudian pengimport boleh menggunakannya berkali-kali.

Sebagai contohnya yang berlaku, beras daripada Thailand dibawa masuk ke Malaysia, sekali dibayar cukai. Dan

dengan menggunakan borang yang sama, mereka boleh menggunakan berkali-kali untuk membuktikan bahawa cukai dibayar. Jadi, sepatutnya perkara yang mesti dibuat ialah supaya borang ini hanya boleh digunakan untuk single transaction, dan kemudian diambil oleh Jabatan Kastam. Dengan ini, pengimportan kali yang kedua, ketiga dan seterusnya akan tertakluk kepada pembayaran cukai. Inilah yang menyebabkan salah satu faktor, saya nampak kelemahan secara nyata dari segi peraturan-peraturan kastam yang sedia ada yang secara tidak langsung menggalakkan penyeludupan. Pihak kerajaan barangkali sedar bahawa penyeludupan dalam apa bentuk sekalipun ianya akan mengurangkan hasil pendapatan melalui cukai yang boleh dipungut oleh kerajaan.

Itulah beberapa perkara khusus yang saya hendak bangkitkan semasa membahaskan rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

4.25 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kelang dan Yang Berhormat dari Machang kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Soal klasifikasi kod tarif perlu diselenggarakan dan distandardisekan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kelang itu sebenarnya sistem kod tarif yang digunakan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja adalah berasaskan kod tarif yang diamalkan oleh kastam antarabangsa dengan sedikit pengubahsuaian, dan telah

dibuat beberapa cadangan dan teguran tentang pelaksanaan ini. Saya percaya cadangan Yang Berhormat itu akan diambil kira dengan sewajarnya.

Juga tentang pelaksanaan sistem EDI dan sistem maklumat kastam yang telah menjejaskan fungsi ejen penghantaran pihak kastam dan pelabuhan perlu dibincang untuk menentukan masa hadapan ejen penghantaran. Ini pun satu perkara yang diambil perhatian oleh Jabatan Kastam, dan cadangan-cadangan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kelang itu pun akan diambil kira.

Saya ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat dari Machang yang telah menyentuh berkenaan dengan barang larangan import dan barang yang tidak berkastam itu. Contoh yang ditimbulkan itu khasnya untuk batik. Sebenarnya ini merupakan satu industri yang difikirkan ada sangkut-paut dengan kebudayaan dan kraftangan yang amat diharapkan dapat dibangunkan di dalam negara ini. Saingan yang hebat yang diberikan kepada negara kita memang daripada pihak Indonesia. Dengan itu, adalah wajar pihak kerajaan untuk memberi syarat yang ketat supaya melarang pengimportan batik dari Indonesia, walaupun perhubungan persahabatan itu pun perlu dijaga, tetapi oleh kerana sebab-sebab yang tertentu, maka sekatan seumpama ini telah dikenakan.

Mengenai kain putih seperti yang dikatakan itu, kain putih diberi pengecualian cukai kepada pengusaha-pengusaha batik sebabnya adalah seperti yang saya katakan tadi oleh kerana ini kraftangan tradisional. Memang seorang pengusaha batik itu boleh meminta pengecualian daripada pihak kementerian. Kebanyakannya mereka ini merupakan pengusaha kecil dan kalau hendak melalui permohonan yang begitu lama dan susah payah, dan oleh kerana jumlah yang dibeli

itu mungkin sedikit, tidak sewajarnya mereka membeli secara bulk dan tidak akan mendatangkan keuntungan yang besar. Jadi, kerajaan juga telah menyediakan dan membenarkan pengusaha kecil supaya mereka dapat membeli kain putih dari 5 buah MW, iaitu daripada warehouse yang tertentu ini, mereka bolehlah memberi jumlah-jumlah yang boleh dikecualikan cukai supaya boleh memudahkan mereka mendapatkan bekalan kain putih.

Pihak kerajaan memang telah juga menyedari tentang pengimportan yang dilakukan daripada Singapura melalui orang tengah dan disampaikan kepada pengusaha batik tempatan ini dan telah juga orang-orang tengah ini mendapat untung yang baik. Kerajaan mengambil perhatian yang ketat atas perkara ini. Saya percaya satu-satu tindakan mungkin akan diambil tidak lama kelak.

Mengenai Rantau Panjang yang telah diusahakan untuk menjadikannya sebagai satu kawasan bebas cukai dan dukacita dimaklumkan setakat hari ini walaupun kebanyakan infrastruktur itu telah siap dibina tetapi masih terdapat masalah teknikal lagi seperti pejabat pos yang difikirkan tidak wajar di letakkan di kawasan itu mungkin oleh kerana bolehlah dijadikan satu outlet untuk penyeludupan yang tidak difikirkan wajar berlaku.

Tentang penyeludupan dari Thailand dan sebenarnya kawasan Rantau Panjang yang cadangan untuk jadikan itu sebagai satu kawasan bebas cukai itu adalah memang untuk harap dapat digunakan sebagai satu langkah untuk mengurangkan penyeludupan dari Thailand.

Dan saya percaya cadangan dari Yang Berhormat supaya dapat dipagarkan kawasan itu daripada Pengkalan Kubor ke Jeli itu akan diberi perhatian. Borang masuk dan untuk beras iaitu mengenai borang yang digunakan berkali-kali untuk mendapat

pengecualian cukai itu dan dicadangkan supaya ini hanya digunakan sebagai satu transaction dan transaction yang berikut itu akan menggunakan borang yang berlainan dan saya ucapkan terima kasihlah kerana memberi cadangan seumpama ini dan akan mengambil kira tentang hal ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan kepada Majlis bagi diputuskan, dan disetujui..

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

(Timbalan Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*4.33 ptg.*

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang undang-undang bertajuk suatu akta untuk meminda Akta cukai Jualan 1972 dibacakan pada kali yang kedua.

Di sini, saya memohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara

penting yang dikemukakan melalui Rang undang-undang ini. Akta Cukai Jualan 1972 ialah undang-undang yang mentadbir dan mengawal pungutan cukai jualan. Pelaksanaan akta ini dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja.

Pindaan kepada Akta Cukai Jualan ini perlu dibuat berasaskan persetujuan di bawah artikel 17(2), perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thai, mengenai Perlembagaan dan hal-hal lain berkaitan dengan penubuhan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (The constitution and Other Matters Relating to the Establishment of the Malaysia-Thailand Joint Authority) (MTJA) untuk usaha sama cari gali dan pengeluaran bahan-bahan petroleum. Perjanjian ini ditandatangani pada 31hb Mei 1990. Hasil perjanjian ini wujudlah Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990 untuk tujuan mengawal selia perjalanan usaha sama Malaysia-Thailand di kawasan pembangunan bersama Joint Development Area (JDA) di Teluk Siam.

Bagi melaksanakan persetujuan antara kerajaan Malaysia-Thailand itu pindaan kepada akta Cukai Jualan 1972 perlu dibuat khusus untuk mengecualikan cukai jualan di kawasan pembangunan bersama. Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 1 akta untuk memperuntukkan bahawa Akta Cukai Jualan 1972 tidaklah terpakai bagi kawasan yang dikenali sebagai kawasan pembangunan bersama. Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 2 akta untuk memasukkan takrif bagi "Kawasan Pembangunan Bersama".

Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Machang.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed (Machang):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bangkitkan satu perkara sahaja Yang Berhormat Yang di-Pertua. Joint-Development Area ataupun kawasan pembangunan bersama yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi di buat di kawasan Teluk Siam dan saya difahamkan iaitu di Selatan Siam iaitu di Songkla. Tujuan dibuat ini saya difahamkan ialah untuk mengusahakan cari gali gas di kawasan perairan Malaysia di antara negeri Kelantan dengan negeri Siam iaitu di kawasan disputed area, di kawasan yang dipertikaikan.

Dan saya difahamkan bahawa gas yang sekarang sedang diusahakan boleh menghasilkan pendapatan untuk tempoh lebih kurang 100 tahun iaitu suatu jangka masa yang panjang dan akan mendapat keuntungan yang banyak kepada Joint-Development Area yang telah dibentuk oleh kerajaan antara Petronas dan satu syarikat daripada Thailand.

Persoalan saya nak perbangkitkan ialah kenapa dibuat di Teluk Siam, mengapa Joint-Development Area ini dibuat di Teluk Siam ataupun di kawasan Thailand? Alangkah baiknya kalau kawasan ini kita bangunkan satu joint development area di negeri Kelantan misalnya di kawasan pantai Tumpat. Kerana pembangunan Joint Development Area di kawasan Tumpat, saya percaya akan membawa suatu keuntungan yang besar kepada peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha minyak di negara kita ini sendiri.

Saya rasa, oleh kerana kawasan ini saya difahamkan kawasan carigali minyak yang ada sekarang adalah merupakan satu kawasan yang letaknya dengan pantai



Tumpat ialah lebih kurang, saya difahamkan 180 kilometer sedangkan kawasan Joint-Development Area ke Thailand jaraknya lebih dari daripada 200 kilometer iaitu maknanya jauh ke kawasan Joint-Development Area di Thailand daripada sepatutnya kalau kita buat di Kelantan.

Apakah pihak kerajaan melalui perjanjian itu yang telah ditandatangani di antara Petronas ini, pada masa yang akan datang berhasrat untuk mengkaji semula perjanjian yang sedia ada? Dan pada masa yang sama mewujudkan satu lagi Joint-Development Area (kawasan pembangunan bersama) di negeri Kelantan yang saya percaya akan memberikan suatu keuntungan yang tidak sedikit kepada rakyat di negeri Kelantan dan rakyat Malaysia khususnya. Kerana pertamanya kawasan ini ialah disputed area iaitu kawasan yang dipertikaikan. Jadi kalau joint development area boleh diwujudkan di Thailand, mengapa tidak ianya boleh di wujudkan di negeri Kelantan atau di mana-mana tempat di Kerteh misalnya? Sebab jarak tempat ini dengan Kerteh saya difahamkan adalah lebih dekat lagi, jarak di antara kawasan ini dengan joint-development area yang diwujudkan di Thailand sekarang. Kerana di Kerteh kita sudah ada satu kawasan yang sememangnya terkenal dalam negara kita iaitu kawasan pembangunan minyak dan gas di negara ini. Itu perkara yang saya hendak bangkitkan. Adakah di masa hadapan pihak kerajaan sedia menimbang cadangan untuk mewujudkan satu lagi Joint Development Area di kawasan Malaysia sama ada ianya di Kerteh ataupun di negeri Kelantan dan saya rasa tempat yang paling sesuai ialah negeri Kelantan kerana jaraknya yang terlalu dekat?

Cuba kita bayangkan kalaulah Joint Development Area ini dapat diwujudkan di negeri Kelantan, industri-industri sampingan yang akan wujud, joint development area ini saya difahamkan ialah yang merupakan suatu bounded area yang

akan menjadi supply base iaitu base perbekalan untuk industri berkenaan. Cuba kita bayangkan, kalau satu kawasan 300 ekar atau 400 ekar dijadikan bounded area, kawasan joint development area di negeri Kelantan misalnya, ianya akan dapat menghasilkan suatu kepentingan ekonomi yang cukup besar kerana selepas itu perkembangan bukan sahaja industri gas tetapi industri-industri sampingan yang berkaitan. Misalannya industri plastik akan berkembang secara automatik dan ianya bukan sahaja mendatangkan keuntungan kepada rakyat Thailand tetapi boleh juga mendatangkan keuntungan kepada rakyat Malaysia khususnya daripada negeri Kelantan terutamanya kerana kawasan ini ialah kawasan disputed area. Tidak ada sebab mengapa kita hanya membenarkan satu kawasan pembangunan bersama di Thailand tanpa mewujudkan kawasan yang sama di negeri Kelantan.

Jadi, persoalan saya adakah pihak kerajaan bersedia untuk menimbang berunding dengan kerajaan Thailand melalui perjanjian yang telah diwujudkan antara Petronas dengan syarikat tempatan di Thailand supaya pada masa yang akan datang mewujudkan kawasan pembangunan bersama di negeri Kelantan? Itu perkara khusus yang hendak dibangkitkan.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Bintulu.

4.42 ptg.

**Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam kesempatan membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972, saya hendak mengutarakan beberapa masalah yang timbul di peringkat pelaksanaan dan pemakaian sehingga menimbulkan kesusahan kepada orang ramai bukan sahaja kepada para pekedai atau pengusaha kecil, malah ia

menimbulkan kesulitan pegawai-pegawai kastam yang terbabit dalam urusan cukai jualan.

Apa yang saya maksudkan ialah cukai jualan yang dikenakan di bawah Tarif Kastam No. 7315.89 - 100 atau - 900 - diskripsi sebagai 'other of mild steels,' dengan izin atau 'others' sahaja yang mana kadar duti ialah 10% ke atas semua jualan yang tidak ada diskripsi dalam kod 73.01 - 73.02.90 untuk Articles of Iron or Steel, dengan izin.

Ini dihadapi oleh pekedai-pekedai kecil atau pengusaha kecil yang membuat bingkai besi berskel kecil dan bukan pembuat atau pengeluar besar. Mereka membuat, memotong dan mengimpal besi, aluminium, keluli atas pesanan para pelanggan, made to order, dengan izin, sama ada untuk membuat besi chi, ampaian baju, bingkai dan sebagainya secara kecil-kecilan. Setiap jualan mereka kepada para pelanggan akan tertakluk kepada cukai jualan 10%. Pegawai-pegawai kastam mengkehendaki mereka membayar cukai berasaskan kod tarif kastam seperti yang saya sebutkan tadi. Sedangkan hal ini tidak jelas dalam buku tarif tersebut dan ini bukan berlaku dalam kategori iron or steel sahaja tetapi kategori kayu, fibreglass, kain, tepung dan semua bahan-bahan mentah juga.

Mana-mana pekedai yang gagal meremit cukai tersebut boleh disabitkan hukuman denda RM5,000 atau setahun penjara atau kedua-duanya. Apa yang sebenarnya berlaku, mereka tidak pernah mengutip cukai tersebut dari para pelanggan kerana pegawai kastam tidak mengeluarkan senarai sah diskripsi produk yang patut dicukai.

Tuan Yang di-Pertua, mereka terpaksa membayar sendiri cukai tersebut dan ini merupakan satu bebanan kepada mereka kerana perniagaan sedemikian tidak menguntungkan, selain kos bahan mentah mereka dikenakan kos buruh sahaja. Para pegawai kastam mempertikaikan mengapa

mereka tidak mengutip cukai daripada para pelanggan kerana perkara ini tidak jelas dalam kod tarif tersebut. Lagipun mereka bukanlah pengeluar atau pembuat seperti yang ditakrif dalam Akta Cukai Jualan 1972 iaitu manufacture dengan izin, means the conversion by manual or mechanical means of organic or inorganic material into a new product by changing the size, shape or nature of such materials and includes the assembly of parts into a piece of machinery or other products but does not include the installation of machinery or equipment for the purpose of construction. Mereka bukan pembuat atau pengeluar besar dan tidaklah wajar mereka dikategorikan sebagai pengeluar. Setiap jualan mereka hanya boleh mendapat keuntungan 10% selepas menolak gaji, belanja harian kedai, mereka menghadapi kesukaran untuk membayar cukai. Untuk mengutip daripada para pelanggan ini akan menyebabkan mereka marah kerana apakah wajar mereka membayar cukai jualan hanya sekadar membuat satu ampaian baju.

Di Sarawak misalnya, terdapat ribuan pekedai kecil besi, pekedai kecil kayu, aluminium, fibreglass yang menjalankan operasi kecil seperti ini. Perniagaan tukang ini bukanlah perniagaan yang lumayan kerana setakat ini harga bahan mentah telah dinaikkan beberapa kali. Dari setiap jualan, kos bahan mentah adalah 70%, hanya 30% sebagai kos lain dapat dikutip dari pelanggan. Bagaimanakah boleh para peniaga membayar lagi 10% sebagai cukai jualan? Kerajaan sepatutnya membantu pembangunan kedai-kedai kecil seperti ini dengan mengecualikan mereka dari dikenakan cukai berganda. Selain perlu menjelaskan cukai pendapatan, mereka perlu menjelaskan berbagai cukai lagi. Jika cukai itu diserapkan ke dalam harga jualan produk mereka, ini akan menyebabkan pelanggan mereka menarik diri dari membeli. Mengapakah mereka perlu membayar lagi cukai sedangkan bahan mentah yang diimport itu telah dikenakan duti import ataupun telah membayar cukai

jualan apabila ianya keluar dari kilang (manufacturer) tempatan?

Sebagai langkah praktikal untuk membetulkan keadaan ini, saya ingin mencadangkan:

- (i) meningkatkan pengecualian dari had RM100,000 jualan kepada RM1 juta. Ini memberikan pekedai kecil sedikit kelonggaran dalam perniagaan mereka. Sedangkan angka RM100,000 adalah digunakan untuk tahun 1972 dan sejak tahun itu harga barang pun telah naik berkali-kali ganda;
- (ii) mendefinisikan takrif pembuatan atau pengeluaran bagi mengelakkan kekeliruan yang timbul antara pegawai kastam dan para pengusaha kecil;
- (iii) menjelaskan lagi takrif 'others' dengan mengeluarkan senarai yang sah dan jelas dan memberitahu para pekedai, pengusaha kecil tentang perniagaan mereka yang tertakluk kepada akta ini. Oleh kerana akta ini tidak jelas, maka para pengusaha kecil menganggap mereka terkecuali dari dikenakan cukai. Kekaburan takrif ini menyebabkan terdapat pegawai penguatkuasaan akta ini juga keliru dan mengambil tindakan melulu ke atas para pekedai.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.50 ptg.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1996 iaitu Yang Berhormat dari Machang dan Yang Berhormat dari Bintulu.

Yang Berhormat dari Machang telah menimbulkan masalah joint-development area, dengan izin. Yang sebenarnya ini adalah satu kawasan yang luasnya lebih kurang 7,250 kilometer persegi yang di luar pesisir Semenanjung Malaysia dan juga Thailand; jaraknya adalah lebih kurang 150 kilometer daripada Kota Bahru dan 260 kilometer dari Songkla, Thailand. Ini adalah satu kawasan bertindih dan juga yang dipertikaikan.

Jadi, oleh kerana pertikaian itu dan disebabkan dipercayai dalam kawasan ini terdapat banyak simpanan gas dan petroleum, maka kedua-dua pihak itu telah bersetuju supaya kawasan joint-development area itu ditetapkan di dalam kawasan itu. Oleh kerana kawasan itu dipertikaikan, jadi soal sama ada bolehkah dibuat atau ditempatkan di Kota Bahru ataupun tidak - itu tidak timbul. Oleh kerana kawasan yang diperlukan untuk mencari gali supaya eksplorasi dan eksploitasi itu dapat dijalankan untuk petroleum itu memang berjalan di kawasan ini.

Setakat ini, kawasan ini telah menjumpai lebih kurang 5 telaga yang telah digerudi, semuanya dijumpai simpanan gas dan isi padunya dijangka lebih kurang 5 hingga 10 trilion kaki padu dan dijangka kalau berasaskan kepada pengeluaran biasa, bolehlah tahan selama 30 tahun. Masih terdapat juga kerja-kerja eksplorasi dan mencari gali perlu dijalankan dan juga kerja-kerja untuk membina parit dan sebagainya perlu mengambil masa yang lama dan ia dijangka mengambil masa untuk mengeluarkan gas dan ia akan dapat dikomisen pada tahun 1999.

Mengenai cukai jualan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Bintulu saya rasa mempunyai banyak butiran spesifiknya. Kalau ada perkara-perkara atau barangan-barangan yang didapati keliru ataupun samar-samar, nasihat saya ialah supaya dapatlah pengusaha itu berjumpa dengan pihak jabatan yang berkenaan

supaya dapat dijelaskan sama ada satu-satu barang itu dikenakan cukai jualan ataupun tidak.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Bintulu.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh kerana kategori 'others' adalah dicatat dalam buku 'code of customs' dan semua barangan itu telah pun diserahkan di bawah kategori 'others', tidak kira apa bahan yang timbul. Oleh sebab itu, susah untuk pekedai mengetahui yang mana satu barang yang sebenarnya. Kalau begitu semua barang adalah dikenakan cukai dan apabila mereka ditanya untuk mendapat satu senarai barang, tetapi tidak didapati. Oleh yang demikian, saya ingat kategori 'others' adalah disalahgunakan.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, kalau satu-satu barang itu tidak dapat diklasifikasikan di bawah satu-satu kod, mungkinlah barang itu jarang dijumpai. Seperti saya katakan tadi, kalau terdapat perkara seperti ini dapat dikemukakan dan dapat diberitahu kepada pihak yang berkenaan, jadi dapatlah kita mengemaskinikan senarai kod itu dan mungkin dapat diwujudkan satu 'kepala' atau satu kod untuk perkara ataupun barang yang perlu diklasifikasikan dengan lebih tepat lagi.

Mengenai bayaran cukai jualan yang dikatakan, adalah dicadangkan supaya dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM1 juta untuk turnover itu. Sukacita saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat cadangan ini adalah dalam pertimbangan Kementerian Kewangan.

Mengenai bayaran cukai jualan yang tidak dikutip, pengusaha atau penjual-penjual itu kenalah membayar cukai jualan tersebut. Memang ini adalah menjadi dasar

kerajaan supaya barang yang perlu dikenakan cukai jualan itu hendaklah dikutip daripada orang-orang yang membeli barang itu. Kalau tidak pengusaha ataupun pekedai-pekedai itu kenalah membayar cukai, bukan itu sahaja, tetapi perlu juga dikenakan bayaran-bayaran penalti.

Saya rasa semua perkara yang telah ditimbulkan itu telah saya jawab dan kalau ada yang tersilap ataupun yang tercacir, saya harap pihak kementerian saya akan dapat mengambil perhatian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.00 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua,

saya mohon mencadangkan supaya suatu rang undang-undang bertajuk suatu akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibaca kali yang kedua.

Di sini saya memohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui rang undang-undang ini.

Akta Cukai Perkhidmatan 1975 ialah undang-undang yang mentadbir dan mengawal pungutan cukai perkhidmatan. Sepertimana dalam ucapan saya bagi pindaan Akta Kastam 1967 dan Akta Cukai Jualan 1972, pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan juga perlu dibuat bagi melaksanakan persetujuan di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand berhubung dengan usaha sama carigali dan pengeluaran bahan petroleum di kawasan pembangunan bersama.

Pindaan ini diperbuat berdasarkan kepada Artikel 17(2) Perjanjian Penubuhan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand atau Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA), dengan izin, dalam usaha sama carigali dan pengeluaran bahan-bahan petroleum di Teluk Siam.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 1 Akta untuk memperuntukkan bahawa Akta Cukai Perkhidmatan 1975 tidaklah terpakai bagi kawasan yang dikenali sebagai kawasan pembangunan bersama.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk memasukkan takrif bagi 'Kawasan Pembangunan Bersama'. Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibacakan kali yang kedua dan sekarang terbuka untuk dibahas.

*(Tiada Perbahasan)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*(Tuan Yang di-Pertua mempe-  
ngkerusikan Jawatankuasa)*

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KOPERASI (PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.05 ptg.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu rang undang-undang untuk meminda Akta Koperasi 1993 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 1996

dikemukakan untuk meminda beberapa subseksyen dan perenggan tertentu di dalam Akta Koperasi 1993 bagi mencapai beberapa tujuan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ke atas subseksyen 3(2) Akta adalah bertujuan membolehkan Ketua Pendaftar Koperasi menurunkan kuasa kepada Pendaftar-pendaftar di peringkat negeri supaya mereka dapat menjalankan kuasa-kuasa Ketua Pendaftar di bawah seksyen 80 iaitu membuat pemeriksaan dan mengeluarkan perintah mensurcay mana-mana pegawai, ejen, pengkhidmat atau anggota sesebuah koperasi berdaftar yang didapati melakukan penyelewengan dan pecah amanah.

Akta Koperasi 1993 memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pendaftar untuk mengaudit, menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan mana-mana koperasi berdaftar. Jika hasil pengauditan, pemeriksaan dan penyiasatan itu mendapati berlaku penyelewengan atau pecah amanah dilakukan oleh mana-mana orang yang bertanggungjawab dalam koperasi berkenaan, maka Ketua Pendaftar boleh memeriksa kelakuan orang yang berkenaan dan mengeluarkan perintah mensurcay.

Bilangan koperasi berdaftar sentiasa bertambah, begitu juga jenis kegiatan dan urusan niaga yang sentiasa bertambah dan semakin canggih, memerlukan Ketua Pendaftar meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya dalam melaksanakan fungsi kawal selia ke atas koperasi-koperasi berdaftar.

Sekiranya fungsi kawal selia ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya, ianya boleh mendorong segelintir orang-orang tertentu di dalam koperasi berdaftar mengambil kesempatan melakukan penyelewengan dan pecah amanah.

Bagi membendung amalan yang sedemikian, maka adalah perlu fungsi kawal selia oleh Ketua Pendaftar dilaksanakan

dengan cekap dan berkesan. Satu-satunya langkah yang praktikal untuk meningkatkan kecekapan Ketua Pendaftar dalam melaksanakan fungsi kawal selia ialah dengan menurunkan kuasa-kuasa yang diperuntukkan kepadanya di bawah seksyen 80 kepada Pendaftar-pendaftar di peringkat negeri. Melalui penurunan kuasa tersebut, maka Pendaftar-pendaftar di peringkat negeri mempunyai kuasa untuk membuat pemeriksaan dan mengeluarkan perintah mensurcay mana-mana pegawai ejen pengkhidmat atau anggota sesebuah koperasi berdaftar yang didapati melakukan penyelewengan dan pecah amanah.

Sekiranya kuasa ini tidak diturunkan, besar kemungkinan Ketua Pendaftar akan menghadapi kesulitan kerana beliau sendiri terpaksa menangani setiap kes yang berlaku di setiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ke atas perenggan 54(2)(b) dan (c) Akta Koperasi 1993 pula adalah bertujuan membolehkan mana-mana koperasi berdaftar melaburkan wang lebihannya ke dalam mana-mana pertubuhan perbadanan (body corporate) dan syarikat usaha sama (joint venture).

Suka saya memaklumkan bahawa perkembangan pesat koperasi berdaftar sejak akhir-akhir ini telah mendorong beberapa pertubuhan perbadanan dan syarikat usaha sama menawarkan sebahagian daripada sahamnya kepada koperasi-koperasi berdaftar yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Selain daripada itu, pindaan ini juga akan membolehkan koperasi-koperasi besar menggunakan wang berlebihannya untuk menceburi bidang perniagaan baru melalui syarikat-syarikat usahasama yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu yang tidak dimiliki oleh koperasi-koperasi berdaftar. Dengan adanya pindaan ini peluang pelaburan yang boleh diceburi oleh koperasi akan bertambah luas dan sekali gus meningkatkan penglibatan gerakan koperasi

dalam aktiviti pembangunan ekonomi negara di samping menambah punca pendapatan koperasi dan meningkatkan pulangan kepada anggota-anggotanya.

Pindaan ini tidak bermakna koperasi berdaftar bebas melaburkan wang berlebihan masing-masing ke dalam mana-mana pertubuhan perbadanan dan syarikat usahasama kerana setiap pelaburan yang hendak dibuat memerlukan kelulusan Ketua Pendaftar. Kuasa melulus yang diberikan kepada Ketua Pendaftar adalah bertujuan memelihara dan melindungi kepentingan anggota-anggota koperasi berdaftar yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada subseksyen 57(2) dibuat dengan tujuan menetapkan satu sistem caruman bagi koperasi-koperasi berdaftar kepada mana-mana koperasi menengah atau atasan yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Untuk maksud ini, maka satu Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi akan diwujudkan bagi menerima caruman tersebut. Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi ini diwujudkan dengan tujuan memastikan wang yang disumbangkan oleh koperasi-koperasi berdaftar akan dipegang, ditadbir dan digunakan dengan teratur dan terkawal oleh koperasi yang telah diisytiharkan itu bagi membiayai pelbagai program dan aktiviti untuk pembangunan gerakan koperasi. Sehubungan dengan itu, satu peraturan mengenai cara menguruskan kumpulan wang amanah ini akan disediakan mengikut peruntukan baru di bawah subseksyen 86(2).

Pindaan ke atas subseksyen 57(8) adalah bertujuan membolehkan sesebuah koperasi berdaftar membayar dividen pada kadar yang lebih tinggi kepada anggota-anggotanya berbanding dengan peruntukan sekarang. Pindaan ke atas subseksyen 57(8) ini adalah menggantikan perkataan-perkataan "untung bersih teraudit"nya

dengan perkataan "jumlah syer dan yuran anggota-anggotanya". Dengan adanya pindaan ini Ketua Pendaftar boleh meluluskan pembayaran dividen tidak melebihi 50% daripada jumlah syer dan yuran anggota-anggotanya oleh sesebuah koperasi berdaftar yang masih mempunyai kerugian terkumpul. Izinkan saya jelaskan di sini bahawa kuasa Ketua Pendaftar ini akan digunakan dengan baiknya.

Pindaan ke atas subseksyen 57(1) dan 57(5) dicadangkan dengan tujuan memperkemas peruntukan-peruntukan tersebut bagi mengelakkan kekeliruan akibat pelbagai tafsiran yang boleh timbul daripadanya. Dengan pindaan ini maka subseksyen-subseksyen yang berkaitan akan menjadi lebih jelas, umpamanya maksud subseksyen 57(1) dan 57(5) akan menjadi lebih jelas iaitu koperasi-koperasi berdaftar dikehendaki membayar ke dalam Kumpulan wang rizabnya, tidak kurang daripada 15% daripada keuntungan bersih terauditnya pada setiap tahun kewangan dan bukan tahun kewangan yang sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, koperasi-koperasi di negara ini harus merebut peluang-peluang pelaburan yang begitu luas dalam syarikat dan perbadanan selaras dengan prinsip dan konsep koperasi yang mengutamakan kepentingan anggota-anggota sama ada anggota individu mahu pun koperasi-koperasi berdaftar dalam pergerakan, maka faedah dan manfaat yang sewajarnya kepada mereka itu haruslah dipelihara seperti yang dicadangkan oleh pindaan-pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah

suatu Akta yang bernama Akta Koperasi (Pindaan) 1996 dibaca kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas.

5.18 ptg.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam membahaskan satu akta untuk meminda Akta Koperasi 1993. Koperasi merupakan satu jentera perniagaan yang penting, khususnya bagi mereka yang mempunyai kewangan atau modal yang sedikit dan digabungkan dengan lebih ramai peserta untuk menjadikan sebuah syarikat.

Saya dapati bahawa koperasi di peringkat-peringkat daerah kecil seperti Jerantut memainkan satu peranan bagaimana untuk mendapatkan modal sama ada daripada petani mahupun pegawai-pegawai kerajaan mahupun peneroka-peneroka Felda. Tetapi rata-rata saya pergi ke dalam kawasan Parlimen saya, saya dapati bahawa pengurusan koperasi, dengan izin, list a lot to be desire, begitu lemah dan begitu ketara dari segi kurangnya pengalaman mereka yang menguruskan koperasi-koperasi ini. Saya nampak bahawa apabila pengurusan ini menjadi lemah, maka koperasi tidak dapat meningkatkan minat peserta-peserta yang lain ataupun mereka yang boleh menjadi peserta untuk memasuki ataupun melabur modal di dalam koperasi ini, mahupun mereka yang sudah pun menjadi peserta, peserta ini tidak mahu melabur modal dengan lebih banyak.

Jadi, kalau boleh saya minta kepada pihak kerajaan supaya pihak Lembaga Pengarah dan juga pihak pengurusan koperasi diberikan kursus pengurusan yang betul-betul mantap dan betul-betul baik bagi tujuan untuk memastikan agar pengurusan koperasi sama ada kecil mahupun besar adalah merupakan satu pengurusan yang begitu baik untuk merealisasikan keuntungan bagi pemegang saham. Saya dapati bahawa ada sesetengah koperasi,

ada satu koperasi di kawasan Felda di Jerantut yang ditubuhkan dalam tahun 1968 yang hanya mempunyai 25,000 lebih sedikit saham, modal yang dibayar, sehingga sekarang ini hampir 30 tahun, tetapi sahamnya masih pada tahap itu.

Salah satu sebab yang saya dapati ialah oleh kerana keuntungan yang didapati begitu kurang sangat sehinggakan pihak peneroka Felda tidak berkehendak ataupun tidak melabur di dalam koperasi mereka sendiri, oleh kerana pengurusan yang begitu lemah.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahu apakah rasional kementerian untuk membenarkan koperasi membayar dividen tidak lebih daripada 50%. Apa yang terjadi ialah apabila sesebuah koperasi itu mendapat sedikit keuntungan, dia pun bayar dividen. Dia bayar dividen 10%, bayar dividen 12%. Tetapi dividen ini dibayar daripada keuntungan yang tak semestinya wang tunai. Sebab apabila kita tengok aliran wang tunai, kita dapati bahawa aliran wang tunai dia tidak begitu baik untuk membolehkan koperasi ini membayar dividen.

Saya rasa di dalam mana-mana ucapan saya buat apabila merasmikan sesuatu masyarakat koperasi, kita mesti fikir dari segi dividen polisi, sama ada kita hendak bayar dividen ataupun kita hendak 'capitalise', mempermodalkan keuntungan kita. Kalau kita bayar dividen, jumlah duit yang boleh kita permodalkan untuk meningkatkan modal kita kurang, kalau kita bayar dividen lebih. Kalau kita bayar dividen kurang, maknanya jumlah duit yang dipermodalkan daripada keuntungan kita boleh jadi lebih. Kalau kita bayar dividen 50%, bagaimana koperasi hendak berkembang? Dividen polisi ini mesti ditetapkan. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, 'you can get one, but you cannot get the other.'

Kita tidak boleh bayar dividen 50%, kita pun hendak permodalkan keuntungan kita



dengan begitu banyak sekali. Saya tak tahu apakah rasionalnya kementerian boleh membayarkan dividen sampai 50%, saya rasa dividen tak seharusnya dibayar sampai 50%. Oleh kerana sebab dividen dibayar daripada keuntungan. Tetapi dividen, macam saya katakan, dibayar daripada cash. Kalau syarikat ataupun koperasi tersebut tidak mempunyai cash, dia hendak bayar dividen, dia terpaksa berhutang. Ini satu dasar yang tidak bagus oleh kerana kita terpaksa berhutang untuk membayar dividen. Saya berharap kita kaji balik dari segi ini. Pada saya dividen boleh dibayar, tetapi ada silingnya, ada hadnya yang saya rasa munasabah dengan keuntungan yang ia dapati.

Selepas itu ada juga koperasi, di mana oleh kerana pengerusi dan juga ahli lembaga pengarah koperasi itu untuk memastikan mereka ini dipilih untuk tahun akan datang, dia pun bayar apa yang dinamakan sebagai duit sagu hati untuk menghadiri mesyuarat koperasi. Ada yang tertakluk kepada koperasi tertentu dia bayar RM10.00 dan ada yang bayar RM15.00. Ini diambil daripada dana koperasi tersebut. Untung boleh jadi tak banyak mana, tetapi untuk memastikan ahli lembaga pengarah koperasi ini terus berkuasa pada tahun depan, dia ambil duit itu dan dia bayar. Macam saya kata tadi, walaupun dividennya sedikit, hendak memastikan bahawa mereka ini barisan jawatankuasa ahli lembaga pengarah akan terus berkuasa, dividen dibayar dengan begitu banyak sekali.

Saya berharap kepada kementerian kita memikirkan masalah dividen polisi ini dengan begitu baik sekali, dengan begitu mantap sekali supaya kita fikirkan bahawa sama ada kita hendak dividen ataupun kita hendak 'growth' dari segi 'capitalisation of profit', dengan izin.

Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh, makna percantuman pergabungan di antara koperasi-koperasi kecil di satu-satu tempat dibolehkan. Saya

tak tahu sama ada undang-undang membolehkan percantuman dari segi koperasi-koperasi kecil, supaya koperasi-koperasi ini menjadi satu koperasi yang lebih besar lagi. Apabila dia lebih besar dengan dana yang lebih, dan boleh jadi dengan pengurusan yang lebih baik, maka koperasi-koperasi kecil ini boleh menjadi koperasi yang besar yang boleh melibatkan macam Yang Berhormat Timbalan Menteri kata dari segi pembelian saham, dari segi usaha sama dan sebagainya. Kalau boleh dicantumkan. Ada hadnya, kalau modal berbayar sekian banyak bagi satu kategori koperasi, kalau kurang daripada modal yang dibayar itu, kurang daripada tahap yang sepatutnya dia pastikan ada, dia mesti joint venture ataupun usaha sama dengan koperasi lain. Kalau tidak pun saya rasa koperasi itu tidak akan berkembang.

Saya tengok di tempat saya, koperasi tidak akan menjadi satu badan korporat yang besar, oleh kerana macam saya kata, pengurusan tak bagus, keuntungan yang kurang dan juga dari segi dividen polisi yang tidak baik sekali. Saya berharap perkara-perkara tersebut.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Sila.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerantut mengenai dengan pengurusan koperasi. Saya sebenarnya ingin mendapat sedikit pandangan daripada Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat juga bersetuju bahawa sesetengah koperasi peneroka yang ada di rancangan-rancangan Felda, kadang-kadang sudahlah pengurusannya tidak menentu, mereka tidak mempunyai

pemikiran dan idea sebenarnya. Bagaimanakah untuk memperkembangkan lagi koperasi untuk menambah pelabur-pelabur daripada kalangan peneroka?

Dan yang anehnya, apabila peneroka-peneroka menanam saham di dalam koperasi mereka, pengurusan koperasi itu tidak tahu ke mana hendak digunakan kewangan tersebut. Mereka kadang-kadang membuka kedai koperasi, menjual alat-alat elektrik yang tidak boleh dijual kepada pasaran di luar, dan juga apa yang berlaku ialah ahli-ahli peneroka itu sendiri, ahli-ahli koperasi itu sendiri yang mengambil, membeli tanpa membayar semula. Di samping itu, adakah Yang Berhormat juga ingin mencadangkan supaya koperasi-koperasi ini diberikan keutamaan untuk diberikan permit lori dan sebagainya, kerana peluang-peluang perniagaan di dalam kawasan Felda itu sendiri banyak; mengangkut buah, memotong buah dan sebagainya. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Terima kasih saudara saya daripada Jelebu. Salah satu perkara yang menyebabkan pengurusan yang begitu lemah di koperasi, nombor satu boleh jadi kurang ilmu pengetahuan bagaimana hendak mengendalikan satu perniagaan. Kalau sebagai contoh peneroka Felda, saya rasa dia datang ke Felda untuk menjadi peneroka. Lepas itu dia tubuhkan koperasi tanpa sebarang ilmu pengetahuan dari segi business. Dia tidak mungkin dapat menjalankan sesuatu business dengan efektif untuk mendapatkan keuntungan yang lumayan.

Nombor dua, selain dari ilmu pengetahuan ialah pendedahan. Boleh jadi kiranya Jabatan Koperasi terpaksa mendedahkan secara bergilir-gilir oleh kerana begitu banyak koperasi yang wujud dalam negara kita kepada jawatankuasa ahli lembaga pengarah pada pengurusannya, dia dedahkan kepada konsep baru dari segi

pengurusan, khususnya dari segi 'financial management' ataupun pengurusan kewangan yang saya rasa begitu lemah sekali. Dia tak tahu antara apakah 'cash flow' atau aliran wang tunai dan apakah 'profit' ataupun keuntungan.

Dia tak boleh membezakan apakah aliran wang tunai dan apakah 'trading profit', apakah dia 'net profit'. Dia tak erti hendak membaca 'statement source and application of fund', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dia tak erti apakah 'source and application of fund,' dia tak erti hendak baca. Jadi, apabila dia buat akaun, oleh kerana Jabatan Koperasi buat akaun, dia tak erti hendak baca macam ini. Kalau dia tak erti hendak baca 'financial statement', macam mana dia hendak pastikan koperasi boleh maju. Dia tak erti hendak tengok (look into) kiranya apa 'earning per share', dia tak tahu. Jadi, kalau kita hendak menunjukkan satu standard dari segi ratio, dari segi pengurusan kewangan yang baik, saya rasa kursus pendedahan yang begitu mantap harus diberikan oleh Jabatan Koperasi.

Perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh sahabat saya dari Jelebu ialah berkenaan dengan permit lori dan sebagainya. Saya dapati bahawa bila sampai kepada perkara permit-permit lori, saya banyak menerima borang-borang untuk mendapatkan permit lori daripada koperasi Felda yang hendak mengangkut buah kelapa sawit dalam kawasan Felda tersebut tetapi kementerian yang berkenaan tidak dapat memberi. Berkali-kali hendak dapatkan permit, tulis surat tidak dapat, tulis surat sekali lagi pun tidak dapat. Bas sekolah pun yang koperasi hendak guna, hendak dapatkan bas sekolah, hendak membawa budak sekolah, pun tidak dapat koperasi beli oleh kerana tidak ada permit.

Jadi, saya harap kepada kementerian yang bersangkutan paut dari segi ini, kalau koperasi hendak beli lori dengan tujuan untuk mengangkut kelapa sawit, nanti kalau tidak ada permit, JPJ pula tangkap. Ini jadi

satu masalah. 'Lori hantukah', 'lori tidak hantu'—JPJ tangkap.

Dulu saya sudah minta daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, jangan tangkap lori-lori hantu ini, tetapi kalau ia tidak berikan permit hendak mengangkut buah kelapa sawit, mengangkut getah dan sebagainya, macam mana kita hendak angkut pengeluaran daripada Felda.

Begitu juga dengan murid-murid sekolah, bagaimana hendak mengangkut murid sekolah kalau permit untuk bas-bas sekolah tidak diberikan. Jadi, saya tidak hendak memanjangkan bicara Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tambun.

5.32 ptg.

**Tuan Ahmad Huzni bin Mohd. Hanadzlah (Tambun):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dengan ringkas sahaja.

Pertama, saya mengalu-alukan pindaan terutama untuk membolehkan koperasi untuk melabur dalam badan korporat serta mengadakan usaha sama dengan pelabur-pelabur lain.

Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, semasa pihak kementerian membuat pindaan, adakah kementerian mengambil kira akan kedudukan koperasi-koperasi yang terdapat di negara kita? Di mana kita sedia maklum terdapat lebih kurang 3,500 koperasi dan antara 70% hingga 80% koperasi adalah koperasi yang menghadapi masalah perniagaan dan kewangan. Masalah perniagaan bermaksud koperasi yang tidak mempunyai perniagaan yang betul dan masalah kewangan adalah kerana punca daripada masalah perniagaan dan sebagainya. Adakah kementerian telah membuat study ke atas kedudukan koperasi ini dan apakah langkah-langkah yang akan

diambil? Banyak pengalaman daripada koperasi ini yang saya dapati adalah menghadapi masalah kewangan yang amat tenat dalam pelbagai bidang dan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Jerantut tadi berpunca daripada tidak adanya kebolehan baik ahli lembaga pengarah mahupun pihak pengurusan untuk menjalankan koperasi tersebut. Mereka dalam keadaan yang memerlukan pertolongan daripada pihak-pihak yang tertentu. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah langkah-langkah yang akan diambil?

Saya difahamkan juga bahawa sekarang kementerian dalam proses untuk menggabungkan koperasi-koperasi yang kecil supaya menjadi satu konsortium agar ia dari segi pengurusan, mahupun aset dan kewangan mempunyai kedudukan yang lebih teguh. Sejauh manakah usaha-usaha ini telah dijalankan dan bagaimanakah kalau koperasi yang berkenaan menghadapi kedudukan perniagaan dan kewangan?

Tuan Yang di-Pertua, masalah perniagaan dengan kewangan ini berbeza. Kalau ia mempunyai masalah kewangan, masalah perniagaannya lebih rumit lagi daripada masalah kewangan. Sekiranya koperasi-koperasi menghadapi masalah perniagaan, bagaimanakah konsep konsortium ini hendak dilaksanakan?

Tadi saya ada menyentuh tentang soal Akta Koperasi membenarkan untuk koperasi melabur di dalam badan korporat serta syarikat-syarikat usaha sama dan ventur-ventur yang lain. Satu perkara yang saya ingin sentuh berkaitan dengan akta ini adalah berkenaan dengan kelulusan yang perlu diperolehi oleh koperasi ataupun ahli lembaga pengarah daripada mesyuarat agung untuk membuat pelaburan. Ini menjadikan halangan kepada koperasi-koperasi, umpamanya sekiranya ada peluang untuk koperasi membeli bangunan yang berharga RM500 ribu, kemudian ahli lembaga pengarah oleh kerana mereka

hendakkan persediaan, mengadakan satu mesyuarat agung dan mendapat kelulusan sebanyak RM500 ribu. Tetapi kemudian didapati bahawa harga bangunan tersebut lebih daripada itu. Jadi, pihak koperasi tidak boleh beli bangunan tersebut kecuali jikalau ia terpaksa memanggil balik mesyuarat agung dan ini akan menyukarkan proses perjalanan pengurusan perniagaan sebuah koperasi.

Saya dapati ini menjadi halangan besar, baik dari segi pemilikan saham dan sebagainya. Terutama dari segi pemilikan saham. Kadang-kadang saham ini datang begitu cepat dan memerlukan kelulusan beratus ribu ringgit dan oleh kerana pihak ahli lembaga tidak mendapat kelulusan tersebut, saham ini pergi dengan tanpa pihak koperasi mendapat manfaat daripada itu.

Saya juga mengalu-alukan pindaan akta untuk memberi kawal selia yang lebih baik oleh Ketua Pendaftar. Ada beberapa perkara yang saya ingin sentuh mengenai akta tersebut. Satu, "fasal" mengenai dengan koperasi hendaklah mengadakan mesyuarat agung tahunan tidak lewat enam bulan dari tahun kewangan. Tadi saya ada menyatakan bahawa kita boleh membahagikan koperasi dalam dua kategori. Satu, koperasi yang berjaya. Umpamanya KUB. Ini satu koperasi yang berjaya. Dan lagi satu kategori koperasi yang tidak berjaya yang meliputi 70% hingga 80% daripada 3,500 koperasi yang ada di seluruh negara terutama koperasi-koperasi yang duduk di kawasan luar bandar yang terdiri daripada 60% hingga 70% daripada bilangan koperasi. Fasal ini membawa masalah kepada koperasi-koperasi berkenaan kerana kita sedia maklum sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Jerantut bahawa koperasi-koperasi ini pada mulanya ditubuhkan bertujuan untuk ahli-ahli dapat meminjam wang. Ia bukan ada spesifik bisnes. Ahli lembaganya tidak ada pengalaman. Pengurusan kebanyakannya dijalankan secara part-time oleh ahli lembaga pengarah sendiri dan untuk

koperasi-koperasi yang bermasalah ini, untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan tidak lewat daripada enam bulan menjadi satu masalah kepada koperasi-koperasi tersebut. Tidakkah pihak Ketua Pendaftar akan memberikan kelonggaran kepada koperasi-koperasi tersebut?

Satu lagi fasal mengenai dengan tiap-tiap koperasi hendaklah menutup akaun tidak lewat dari dua bulan selepas berakhir tahun kewangan. Ini juga merupakan masalah yang sama, bagi koperasi yang sudah establish ia tidak menjadi masalah. Tetapi kalau koperasi-koperasi yang saya nyatakan tadi, yang bermasalah, ia akan menghadapi kerumitan untuk menutup akaun dua bulan selepas berakhir tahun kewangan kerana mereka tidak memiliki golongan profesional untuk mentadbir koperasi tersebut.

Satu lagi fasal mengenai dengan adalah menjadi kesalahan jika jawatankuasa audit dalaman yang enggan melakukan satu perbuatan mengikut akta baru.

Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa audit dalaman ini kalau bagi koperasi luar bandar dan yang tidak berjaya ini, ia pun tidak begitu faham akan tugas jawatankuasa audit dalaman. Oleh yang demikian, agak sukar untuk pihak yang berkenaan untuk menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan. Jadi, apakah langkah yang harus dilakukan oleh kementerian ke atas perkara ini?

Perkara seterusnya, tiap-tiap koperasi yang kawasan operasinya meliputi satu negeri hendaklah mengadakan mesyuarat agung di peringkat wilayah dan mesyuarat agung perwakilan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang timbul daripada fasal ini adalah bahawa ia melibatkan masa dan juga kos yang begitu tinggi. Umpamanya kalau koperasi tersebut beroperasi bagi sesebuah negeri, ia perlu mengadakan mesyuarat agung bagi tiap-

tiap daerah, pertama ia memakan masa dan juga ia akan melibatkan kos yang tinggi, yang akan ditanggung oleh koperasi.

Tidakkah kementerian mahu memberi kelonggaran ataupun mansuhkan peraturan untuk mengadakan mesyuarat agung di peringkat daerah ataupun di peringkat wilayah?

Perkara yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, "Fasal" mengenai tiap-tiap koperasi hendaklah mempunyai satu lembaga yang terdiri dari anggota koperasi. Sepertimana yang saya nyatakan tadi, kebanyakan koperasi-koperasi yang bermasalah, koperasi yang tidak mempunyai golongan pengurusan yang baik. Dengan adanya peraturan ini, ada koperasi-koperasi, saya ambil contoh macam koperasi dalam Felcra iaitu untuk peserta-peserta Felcra yang menggunakan khidmat dari pegawai Felcra sendiri untuk menjadi ahli lembaga pengarah. Tetapi pegawai-pegawai Felcra ini bukan ahli koperasi kerana mereka bukan peserta-peserta Felcra. Dengan adanya peraturan ini koperasi yang tadi ditadbir dengan baik oleh kakitangan daripada Felcra sendiri dipindahkan pentadbirannya kepada ahli-ahli koperasi yang terdiri daripada peserta-peserta Felcra yang tidak tahu soal pengurusan.

Saya ingin mengesyorkan kepada kementerian untuk melihat balik akan rasional "fasal" ini, kerana ia tidak menguntungkan. Dari pengalaman saya, apabila kita mempunyai satu badan yang bermasalah dan di dalam badan itu tidak ada individu yang mahir soal pengurusan, dia perlu mengambil orang daripada luar badan itu supaya badan ini dapat digerakkan untuk menjadi badan yang dinamik. Jadi, dengan adanya "fasal" ini ia menyekat dan menghalang pada koperasi untuk berjaya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

5.44 ptg.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jerantut, Tambun dan juga Jelevu kerana mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Isu pengurusan yang dibangkitkan oleh ketiga-tiga orang Ahli Parlimen merupakan isu yang pokok dan penting. Saya berpendapat bahawa ekonomi luar bandar sekarang dalam proses pembangunan transisi dan memang betul ahli pengarah dan pengurus ada sebahagiannya yang tidak mempunyai pengalaman dan juga tidak berapa faham tentang operasi dunia korporat. Tetapi saya percaya dengan perkembangan ekonomi pasaran ke kawasan luar bandar, mereka pun akan dapat pengetahuan yang lebih lengkap.

Perkara ini telah banyak kali dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dan biasanya kementerian menjawab dan mengatakan bahawa kursus dijalankan dan saya pun akan jawablah bahawa kursus pengurusan dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi, Maktab Kerjasama, Angkasa dan sebagainya. Tetapi saya hendak tambah, selain daripada nasihat dan bimbingan yang diberi oleh pegawai kerajaan, saya rasa penting juga koperasi dapat sokongan daripada dunia korporat terutama sekali ahli-ahli politik, Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara atau Dewan Negeri yang bukan duduk di bangku hadapan, tetapi di bangku belakang dan aktif dalam dunia perniagaan. Saya percaya mereka boleh memberi nasihat yang lebih baik daripada pegawai.

Saya adalah orang lama dalam Dewan yang mulia ini dan saya lihat bahawa baru-baru ini wujud generasi Ahli Parlimen yang begitu fasih (*Tepuk*) tentang pengurusan ekonomi. Saya percaya selain daripada nasihat dari pegawai, saya harap orang-orang politik pun memberi galakan dan penjelasan kepada mereka.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan komen daripada Yang Berhormat tadi, saya ingin bertanya adakah komen Yang Berhormat tadi satu komen yang dibuat berdasarkan kepada satu study ke atas 3,500 koperasi ataupun satu yang kita harapkan? Kerana saya mengambil sikap, kalau kita berhadapan dengan masalah, kita kena realistik. Dalam kajian saya ada koperasi yang tidak layak wujud sekarang ini. Kalau kita kata sekarang ini dengan ekonomi di kawasan bandar dan luar bandar membangun begitu pesat, kita harap golongan korporat dan golongan ahli-ahli politik dapat menolong—kita boleh menolong pada orang yang mempunyai kapasiti untuk membangun. Kalau tidak ada kapasiti untuk membangun, dia tidak akan boleh ditolong. Jadi, adakah dia berdasarkan kepada study yang benar ke atas 3,500 koperasi ataupun berdasarkan pemikiran kita ini boleh dibuat atau tidak? Kerana jikalau ini pendekatan yang kita ambil untuk mengatasi masalah koperasi, saya percaya kita tidak akan mencapai sebarang kejayaan.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat dari Tambun mengatakan tadi, koperasi luar bandar ini wujud sebagai 'thrift and loan society' dan mereka wujud dengan tujuan memberi sokongan kepada anggota, memberi perkhidmatan kepada anggota—itulah tradisi koperasi di tanah air kita. Tetapi sekarang dengan wujudnya dunia korporat, peluang perniagaan, peluang melabur dan saya percaya ahli lembaga pengarah yang ada sekarang kalau untuk menjalankan 'thrift and loan society', mereka memang mempunyai kapasiti untuk memahami operasi 'thrift and loan society'. Tetapi kalau hendak melibatkan mereka dalam dunia saham, dalam dunia korporat mereka perlu bimbingan, sokongan dan saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Tambun akan juga memberi kerjasama.

Yang Berhormat dari Jerantut membangkitkan isu dividen. Saya mohon

maaf kerana tadi semasa membentangkan rang undang-undang ini saya salah menyebutkan angka. Sebenarnya bukan 50% tetapi 5% - tidak melebihi 5%. Siling dividen bagi koperasi yang biasa ialah 10% dari untung bersih dan kalau mahu mengeluarkan dividen yang lebih dari 100% memerlukan kelulusan Ketua Pendaftar. Yang saya sebutkan tadi ialah dividen yang dikeluarkan oleh koperasi yang menghadapi kerugian terkumpul. Barangkali Ahli Yang Berhormat merasa hairan kenapa Kementerian boleh mencadangkan bahawa koperasi yang menghadapi kerugian terkumpul dibenarkan mengeluarkan dividen.

Sebenarnya kita ada mendapati satu dua kes yang mana koperasi menghadapi atau mengalami kerugian terkumpul yang besar dan ahli koperasi pun tunggulah koperasi ini 'turn around' dan dalam beberapa tahun yang lalu, ada koperasi 'turn around' dan tiap-tiap tahun mencapai keuntungan, tetapi masih belum mencukupi untuk menyelesaikan kerugian terkumpul.

Jadi dalam keadaan itu sebagai sedikit galakan kepada ahli koperasi yang begitu bersabar, jadi Kementerian syorkan pindaan ini dan hadnya ialah tidak melebihi 5% dan ketua pendaftar akan menggunakan budi bicaranya. Saya setuju sangat bahawa anggota koperasi patutlah bersikap berlainan dan kalau ada untung lebih baik kita plough back keuntungan itu kepada re-investment. Ini satu konsep yang baik dan sekiranya anggota koperasi dan ahli-ahli lembaga pengarah bersetuju, ini boleh dibuat. Kita tidak paksa mereka isytiharkan dividen kepada anggota koperasi.

Tentang permit lori yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelevu dan juga Jerantut. Nasib baik, tadi menteri menjaga hal permit lori, permit bas sekolah pun ada di dewan ini dan saya percaya beliau telah dengar apa yang disuarakan. Kementerian memang sokong koperasi

dan sekiranya koperasi memohon permit lori, permit bas sekolah Felda atau kementerian atau Jabatan Koperasi akan memberi sokongan, selain daripada sokongan biasa yang diberi oleh Wakil Rakyat. Tentang.

**Tuan Hashim bin Ismail:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Ledang.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu di samping permit-permit lori dan lain-lain peluang yang disebutkan tadi, adakah kementerian juga bercadang untuk memberikan keutamaan kepada koperasi-koperasi ini, untuk mendapatkan saham-saham terbitan baru bagi membolehkan mereka menambah aset dan menjadikan mereka lebih viable. Terima kasih.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian tiada kuasa mengeluarkan saham-saham terbitan baru. Tetapi kementerian boleh guna jasa baik untuk menghubungi kementerian berkenaan dan sokong permintaan sekiranya ada terutama sekali daripada Wakil Rakyat yang begitu ambil beratlah kedudukan koperasi di kawasan mereka.

Tentang pergabungan koperasi, perbincangan telah diadakan dan setakat ini sambutan daripada koperasi yang berkenaan tidak begitu menggalakkan. Walau bagaimanapun, ini akan diteruskan kerana mereka masih belum memahami apakah faedah yang boleh didapati daripada gabungan yang disyorkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun membangkitkan tentang kelonggaran kepada koperasi yang tidak dapat mengadakan mesyuarat agung mengikut jadual, tidak dapat menyediakan audit yang tidak mengikut jadual dan lain-lain. Jadi, Ketua Pendaftar Koperasi akan

menimbang tiap-tiap kes. Sekiranya ada sebab yang munasabah kita boleh terima, tetapi kita tidak mahu ini digunakan oleh orang yang menyeleweng dalam koperasi. Oleh kerana ada penyelewengan mereka tidak dapat menyediakan akaun, tak berani panggil mesyuarat agung kerana takut hadapi teguran daripada anggota koperasi. Sekiranya ada kes yang begitu, kita tidak akan memberi kelonggaran dan seperti yang disyorkan tadi dalam undang-undang ini, kami akan minta pendaftar negeri, supaya mengambil tindakan mengikut undang-undang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak pandangan yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sangat konstruktif dan kami akan mengambil beratlah apa yang disebutkan kerana ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang bercakap tadi beri saya satu impression bahawa mereka merupakan Wakil Rakyat yang betul-betul memahami kedudukan koperasi di kawasan mereka dan kami akan ambil beratlah apa yang disuarakan. Ada beberapa perkara terperinci yang dibangkitkan tadi, saya rasa lebih baik sekiranya saya beri jawapan secara bertulis kerana saya rujuk balik kepada pegawai kerana ada teknikal sedikit dalam beberapa perkara yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucap, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.....

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Tambun, bangun.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara ini agak penting tentang perlantikan ahli lembaga daripada anggota koperasi. Saya memberi contoh seperti koperasi Felcra, diambil kakitangan

daripada Felcra untuk duduk dalam Ahli Lembaga Pengarah dan dengan adanya peraturan atau fasal ini, jadi sekarang tidak boleh lagi duduk. Bagaimana kes ini? Kalau tak silap saya, 43.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Yang Berhormat, boleh sebutkan fasal tadi?

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Kalau tak silap saya, 43.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Fasal 43. Boleh Yang Berhormat, tolong saya. Saya pun belum dapat kesan.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Petua, saya tidak dapat spesifik, saya jangka 43. Tapi isunya dalam tiap-tiap koperasi hendaklah mempunyai satu Lembaga yang terdiri dari anggota koperasi. Isu yang saya bangkitkan, sepertimana yang saya nyatakan banyak koperasi menghadapi masalah dari segi business problem dan juga financial problem. Tetapi macam koperasi Felcra, mereka sedar akan masalah ini dan pihak koperasi ini menggunakan kakitangan Felcra yang mempunyai management expertise untuk duduk sebagai Ahli Lembaga Pengarah dalam koperasi ini. Tapi, dengan adanya peraturan atau fasal ini tidak membolehkan mereka untuk duduk di dalam koperasi tersebut dan ini merugikan koperasi tersebut.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada dapat undang-undang di sini tetapi saya tak dapat apa Yang Berhormat sebutkan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya rasa apa Yang Berhormat Tambun bangkitkan tadi itu, kalau tak silap saya, fasal ke berapa 43 pasti, ya?

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya tak pasti tetapi pindaan ini daripada yang induk.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Itu dalam Akta induk, tetapi bukanlah termasuk dalam pindaan ini. Tak ada!

**Dr. Goh Cheng Teik:** Nampaknya ini tidak termasuk dalam pindaan. Walau bagaimanapun, sekiranya masih ada masalah, kementerian akan meneliti segala masalah itu dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Sekali lagi, saya ucap terima kasih dan saya mohon kelulusan bagi rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.



**RANG UNDANG-UNDANG  
PIHAK BERKUASA  
KEMAJUAN PEKEBUN KECIL  
PERUSAHAAN GETAH  
(PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

6.04 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 bagi membuat peruntukan dan membolehkannya membuat peraturan-peraturan tata tertib dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) mempunyai akta penubuhannya sendiri sejak 1972. Walau bagaimanapun, akta penubuhannya ini tidak mempunyai peruntukan yang khusus bagi membuat dan melaksanakan peraturan-peraturan tata tertib secara yang lebih teratur.

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah pada masa ini menerima pakai Perintah Am Bab D dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam, (Kelakuan dan Tata tertib 1993) terhadap kakitangan perkhidmatannya melalui resolusi yang dibentangkan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah serta dipersetujui oleh menteri di bawah kuasa am yang diberikan dalam akta berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, peraturan-peraturan tata tertib yang sedia ada di badan berkanun ini tidak begitu lengkap. Antaranya, punca kuasa peraturan tata tertib tidak dinyatakan, peraturan mengenai penubuhan dan perjalanan

Jawatankuasa Tata tertib dan Jawatankuasa Rayuan Tata tertib tidak disediakan, tidak ada peruntukan mengenai surcaj, tidak ada peruntukan mengenai pegawai-pegawai yang dikenakan perintah tahanan, sekatan kediaman dan sebagainya. Terdapat peraturan yang tidak konsisten dengan Perintah Am, Bab D dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mesyuarat ketua-ketua eksekutif, keputusan telah diambil bahawa kedudukan akta-akta badan berkanun dan memutuskan supaya badan-badan berkanun yang akta penubuhannya tidak mempunyai peruntukan dan membolehkan membuat peraturan tata tertib hendaklah dipinda terlebih dahulu sebelum peraturan-peraturan tata tertib disediakan.

Pindaan ini adalah untuk memasukkan peraturan-peraturan baru ke dalam akta. Peruntukan baru yang dicadangkan bertujuan membolehkan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah membuat peraturan-peraturan berhubung dengan kelakuan dengan tata tertib. Peruntukan-peruntukan sedemikian akan membolehkan Jawatankuasa Tata tertib dan Jawatankuasa Rayuan Tata tertib ditubuhkan, juga peruntukan-peruntukan bagi kesalahan dan hukuman tata tertib diadakan.

Peruntukan baru juga dimasukkan bagi membolehkan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah mengenakan surcaj terhadap pegawai-pegawai dan penjawat yang cuai atau tidak menunjukkan akauntabiliti dalam urusan kewangan, perakaunan dan pengurusan harta.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini bertujuan untuk memasukkan peruntukan baru dalam akta berkenaan, penubuhan jawatankuasa perjawatan dan penubuhan jawatankuasa rayuan perjawatan.

Peruntukan bagi ini bagi membolehkan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah menubuhkan satu jawatankuasa yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubung dengan pengurusan, perkhidmatan dan pembangunan sumber manusia pihak berkuasa dan dengan itu berkuasa dalam semua perkara yang berhubungan dengan perlantikan, kenaikan pangkat, penamatan perkhidmatan pegawai-pegawai dan penjawat pihak berkuasa.

Jawatankuasa Rayuan Perjawatan pula ditubuhkan bagi mendengar apa-apa rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Perjawatan berkenaan dengan kenaikan pangkat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua semua lembaga berkanun Persekutuan perlu mempunyai peraturan-peraturan tata tertib masing-masing supaya proses tindakan tata tertib ke atas pegawai dan perjawatannya dapat dibuat dengan lebih teratur dan mengikut peraturan bagi mengelakkan penganiayaan dan ketidakadilan ke atas pegawai dan pegawai penjawat yang terlibat.

Peraturan-peraturan tata tertib yang sedia ada perlu dipinda bagi mengelakkan kesahihannya dicabar oleh mana-mana pihak, dengan itu pindaan dibuat dalam Akta Ibu untuk memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dengan kelulusan menteri untuk membuat peraturan-peraturan tata tertib yang dibuat di bawah seksyen tersebut meliputi peraturan mewujudkan kesalahan tata tertib, hukuman tata tertib atau prosiding tata tertib.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Ibu adalah dipinda dengan memasukkan seksyen 11A dengan seksyen 11B, 11C, 11D, 11E, 11F, 11G, 11H, 11I, 11J dan 11K.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan terhadap Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun

Kecil Perusahaan Getah akan membolehkan pihak berkuasa berkenaan membuat peraturan-peraturan tata tertibnya. Peruntukan-peruntukan yang disediakan di atas dalam akta yang dipinda ini meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Perjawatan dan Jawatankuasa Rayuan Perjawatan;
- (ii) peruntukan bagi menubuhkan Jawatankuasa Tata tertib bagi kategori berlainan pegawai atau penjawat-penjawat;
- (iii) peruntukan membenarkan rayuan dibuat kepada menteri atau Lembaga Rayuan Tata tertib, mengikut mana yang berkenaan terhadap keputusan Jawatankuasa Tata tertib;
- (iv) peruntukan bagi memberi kuasa kepada lembaga-lembaga pihak berkuasa dengan kelulusan menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengadakan peruntukan menyamai kesalahan dan hukuman tata tertib; dan
- (v) peruntukan berhubung dengan pengenaan surcaj terhadap mana-mana pegawai yang sedang atau telah bekerja dengan pihak berkuasa dan juga surcaj kepada ketua pengarah, satu komposisi pihak berkuasa bagi maksud tindakan-tindakan surcaj yang berkaitan.

Dengan adanya peruntukan-peruntukan tersebut dalam Akta Ibu, peraturan-peraturan tata tertib yang khusus dapat diadakan oleh pihak berkuasa dan membolehkan proses tindakan tata tertib ke atas penjawat dibuat dengan teratur dan mengikut peraturan serta mengelakkan ketidakadilan ke atas pegawai dan penjawat terlibat dan kesahihannya dicabar di mahkamah. Sekian, terima kasih.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah, 1972 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Ada yang berminat. Tanjung Karang.

6.11 ptg.

**Tuan Noh bin Omar (Tanjung Karang):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil (Risda) yang telah berjaya mengemukakan rang undang-undang pindaan ini kerana kalau tidak silap saya, Risda ialah yang merupakan satu-satunya badan berkanun yang boleh dikatakan terdahulu daripada badan-badan berkanun yang lain yang telah mengemukakan satu peraturan disiplin ataupun tata tertib untuk kakitangannya. Ini kerana kita dapati sebelum ini banyak badan-badan berkanun yang hanya menerima pakai Perintah Am, Bab D yang mana badan-badan berkanun ini hanya menukar perkataan. Kalau kata perkataan "kerajaan", mereka tukarlah perkataan kepada "Risda" kah, "Felda" kah atau Mara, kemudian kalau perkataan dalam Bab D itu, kata "Setiausaha Negara" ditukarlah kepada "Ketua Pengarah"—dia hanya mengubahsuai, yang mana dari segi undang-undangnya memang tidak berapa tepat.

Saya yakin dan percaya bahawa tindakan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah ini mungkin diambil setelah tindakan yang kita baca dalam surat khabar

baru-baru ini, yang saya pun berminat untuk mengikut kes tersebut, yang mana bagi saya amat memalukan bahawa satu badan berkanun, apabila mengambil tindakan kepada seorang pegawainya yang tidak mengikut peraturan, kemudian tindakan ini telah pun dicabar di mahkamah sehingga kepada Mahkamah Agung, kalau saya tidak silap, yang mana akhirnya pihak mahkamah telah memberi kemenangan kepada pihak pegawai yang teraniaya. Dan akibat tersebut, saya rasa inilah ekor yang terdapat pada petang ini akta ataupun undang-undang mengenai peraturan tata tertib ini telah dipinda dan dimasukkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972.

Persoalan yang saya ingin timbulkan ialah, itu kes yang mana seorang pegawai tinggi, kalau saya tidak silap, Timbalan Pengarahnya telah dibuang kerja. Maka oleh kerana Timbalan Pengarah ini ia ada kuasa, ia tahu sedikit undang-undang, maka ia challenge keputusan ini di mahkamah. Apa yang terjadi kepada pegawai-pegawai rendah? Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian ini. Selama ini pernah ataupun tidak pihak kementerian ini mengambil tindakan kepada pegawai-pegawai mereka. Ada ataupun tidak pegawai-pegawai mereka ini yang telah dibuang kerja ataupun yang telah diambil tindakan tata tertib mengikut undang-undang lama? Yang saya bangkitkan tadi, pegawai yang dahulu, yang kita baca dalam surat khabar, oleh kerana dia kumpulan A— tarafnya tinggi, dia mampu mengambil peguam, dia cabar, dan akhirnya—hampir lima tahun, kalau tidak silap saya kes itu, dia telah mendapat segala ganjarannya. Sampai hendak pencen, baru dapat ganjaran.

Tetapi yang saya hendak tanya ini ialah pegawai-pegawai yang tidak tahu undang-undang. Kadang-kadang mereka ini dipotong gaji ikut suka hati. Misal

kata hendak potong gaji, kadang-kadang kita dapati badan-badan berkanun ini, oleh kerana ia tidak memahami sangat Perintah Am, Bab D ini, kalau pegawai itu tidak datang bekerja satu hari, dia pun potong gaji. Sedangkan peraturan-peraturan dalam Perintah Am Bab D ini, potong gaji, sebagai contoh, tidak semudah itu. Kalau pegawai ini tidak hadir, dia tidak boleh automatik gajinya dipotong pada bulan itu, dia mesti diberi tunjuk sebab, mengapa dia tidak hadir. Kalau dia tidak hadir, dia mesti beri jawapan-jawapannya. Kemudian jawapan-jawapan itu mesti ditimbang sama ada munasabah atau tidak dan apabila pihak berkuasa tatatertib ini mendapati bahawa alasan yang diberi tidak munasabah, barulah boleh diambil tindakan potong gaji, sebagai contoh.

Kita dapati juga kadang-kadang ada badan berkanun yang badan tatatertibnya tidak tersusun dengan baik, itulah badan tatatertib yang mengambil tindakan, itulah badan yang menjadi badan rayuan dan kadang-kadang kita dapati ada badan-badan berkanun ini dia memberi kuasa secara mutlak kepada Ketua Pengarahnya. Ada kadang-kadang memberi kuasa secara terus kepada Menteri tanpa mengikut peraturan-peraturan Administrative Law (undang-undang pentadbiran)

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai tatatertib ini, adalah melibatkan undang-undang pentadbiran yang begitu sensitif. Kalau dalam undang-undang jenayah, kita kena proof "beyond reasonable doubt"—tanpa keraguan yang munasabah, tetapi di dalam undang-undang tatatertib ini dia dapat menunjukkan kita ada *mala fidei*, ada *ultra vires* sebagai contoh. *Ultra vires* ertinya membuat keputusan yang tidak mengikut undang-undang ataupun peraturan-peraturannya tidak diikuti dengan cara atau teknik yang betul. Pendek kata, dengan cara teknikal, wa'ima yang hendak menandatangani surat itu, kalau pihak berkuasa yang menandatangani surat

itu, kalau dalam undang-undang katakan yang mesti menandatangani surat ini ialah Pengerusi Tatatertib, tiba-tiba yang sign, hanya bagi pihak pengerusi tatatertib, maka surat itu tidak sah sebenarnya.

Begitu juga kadang-kadang kita dapati orang yang menjadi Pengerusi Tatatertib ini bercuti. Katalah Ketua Pengarahnya menjadi Pengerusi Tatatertib, kemudiannya ianya bercuti. Bila bercuti, oleh kerana agaknya dia geram, cepat sangat hendak mengambil tindakan ke atas pegawainya, maka timbalannya menjalankan tugas. Bila timbalannya menjalankan tugas kepada Ketua Pengarahnya sebagai contoh, maka dia pun menjadi pengerusi tatatertib. Kalau mengikut Administrative Law, itu pun tidak sah, tetapi tidak ramai orang yang tahu dan tidak ramai pegawai-pegawai ataupun kakitangan badan-badan berkanun ini yang tahu peraturan ini sebenarnya. Hanya mereka yang betul-betul tahu ataupun yang ada kemampuan, yang mampu ada kawan-kawan sebagai peguam boleh rujuk.

Jadi, soal yang saya hendak bangkitkan ini ialah apakah tindakan yang mungkin akan diambil atau adakah pihak Risda ini ingin mengkaji balik kepada kakitangan-kakitangan mereka yang telah pun diambil tindakan. Ini telah lama ditubuh, sejak tahun 1972, sekarang ini tindakan tatatertib baru hendak diluluskan di Parlimen. Jadi dalam tempoh beberapa tahun ini, hampir 20 tahun lebih, mungkin ada yang telah dibuang kerja, mungkin ada yang telah diturunkan pangkat dan sebagainya. Jadi, bagaimanakah pihak Risda ini ingin membela nasib-nasib mereka ini. Saya amat jelas ada dua, tiga lagi badan-badan berkanun yang saya pasti belum lagi membawa pindaan ini kepada Parlimen dan kita dapati badan-badan berkanun tersebut telah pun mengambil tindakan-tindakan hingga membuang kerja kepada pegawai-pegawainya.

Jadi, kita amat berharap bahawa jangan nanti sudah terhantuk baru kita hendak sedar macam Risda ini. Jadi, oleh kerana zaman ini sudah ramai orang yang tahu undang-undang, saya ingin merayulah kepada pihak-pihak yang berkenaan, khasnya badan-badan berkanun ini, kalau belum dipinda undang-undang ini hendaklah dipindahkan segera. Janganlah kita menyalahgunakan kuasa kita, menganiaya pegawai-pegawai kita yang tidak tahu undang-undang.

Jadi, saya rasa itu sahaja yang ingin saya sampaikan dan saya menyokong pindaan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kuala Pilah.

6.20 ptg.

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang (Kuala Pilah):** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin dapat mengambil bahagian membahaskan isu yang dipanggil Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Pindaan) 1996.

Sebagaimana yang dikatakan dalam ucapan oleh sahabat saya tadi, saya ingin menyambung atau mengulasnya. Saya hanya ringkas sahaja memberi pandangan di sini bahawa pindaan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian di atas kesedaran mereka kerana pindaan ini perlu. Dalam organisasi seperti ini, persoalan disiplin sangat penting sejajar mengikut undang-undang. Dalam konteks ini, kita sedar bahawa dalam Risda pernah berlakunya keadaan-keadaan cukup mencemaskan melibatkan ketua-ketua. Dalam konteks adanya pindaan ini, saya ingin menyarankan kepada badan ini semoga perlaksanaan dari segi pemahaman di kalangan semua pegawai-pegawainya perlu dikemaskinikan. Kerana adanya undang-undang pun kalau sekiranya mereka tidak mengetahui tidak ada gunanya.

Perkara ini selalu berlaku, bukan sahaja dalam kumpulan ini, malahan semua organisasi. Sebagai contohnya, dalam pasukan Polis Diraja sekalipun, kadangkala berlaku kerana kurangnya penelitian dan pengkhususan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk mengendalikan konteks dalam disiplin, oleh kerana adanya pemahaman atau kurang fahamnya pegawai-pegawai yang begitu dianggap sebagai 'sadist' suka mengambil tindakan tidak mengikut lunas-lunas peraturan undang-undang, melibatkan keputusan mereka buat itu telah terlari dan melibatkan berlakunya satu penyalahgunaan kuasa dalam konteks tidak mengikut 'rule of natural justice' ataupun dalam konteks, dengan izin, tidak memberi pihak yang tertekan ataupun terdakwa 'right of hearing', maka ini adalah satu asas pokok dalam apa sahaja yang dipertimbangkan.

Dengan adanya undang-undang ini, saya ingin menyarankan dalam Dewan yang mulia ini semoga supaya semua organisasi dalam konteks ini, pegawai-pegawai lembaga atau pihak yang berkuasa, Pengerusi dan sebagainya perlulah peka dan prihatin untuk menjalankan tanggungjawab mereka. Kerap kali kita dengar, sebagai contoh saya minta izin, dalam Risda, oleh kerana adanya seorang Pengerusi yang begitu hebat dalam konteks cara mereka menjalankan tindakan, kadangkala mereka ini tanpa disedari telah melanggar peraturan, yang kadangkala menyebabkan "kemaluan", minta maaf, memalukan keadaan kementerian. (*Ketawa*) Memalukan keadaan yang boleh menjatuhkan imej kerajaan, oleh kerana seorang individu yang begitu bersikap tidak keterlaluan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat bercakap panjang dalam konteks ini. Saya hanya menyarankan supaya sebagaimana yang disarankan oleh sahabat saya sebentar tadi undang-undang ini ada,

kita berharap supaya semua pihak yang berkuasa, khususnya ketua-ketua yang diberi kuasa itu dan juga seluruh anggota dalam organisasi itu mengetahui hak-hak asasi mereka dari segi undang-undangnya. Kalau tidak, tidak akan memberi makna kepada undang-undang yang kita pinda supaya ingin melihat organisasi berjalan dengan sempurna dan baik bagi semua pihak. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian diminta jawab.

6.24 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada dua Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mengenai rang undang-undang ini, iaitu Yang Berhormat dari Tanjong Karang dan Yang Berhormat dari Kuala Pilah. Bagi pihak kementerian saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pandangan-pandangan yang telah diberi dan cadangan-cadangan bernas yang telah dikemukakan pada petang ini.

Oleh kerana masa tidak mengizinkan, maka saya tidak akan menjawab kesemua perkara yang ditimbulkan. Walau bagaimanapun, kalau perkara-perkara yang diminta tadi diperlukan, saya akan menyampaikannya secara bertulis khususnya kepada Yang Berhormat dari Tanjong Karang yang bertanya mengenai adakah pegawai-pegawai yang jawatannya rendah dikenakan disiplin, mungkin tidak adil dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua, memang tujuan kementerian untuk membentangkan pindaan ini adalah untuk menentukan ketidakadilan tidak berlaku dalam Risda dari segi melaksanakan disiplin. Dalam nada yang sama, kita juga ingin

menekankan bahawa adalah perlu supaya disiplin dijalankan di sesuatu organisasi, kerana kalau tidak ada disiplin, maka masalah akan timbul dan kita akan menghadapi berbagai masalah dalam kita hendak menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat seluruhnya.

Begitu juga dalam pindaan ini, kita ada menentukan ada ruang untuk pegawai-pegawai yang tidak berpuas hati mengenai tindakan-tindakan disiplin diambil supaya ruang diberi untuk pegawai tersebut membuat rayuan. Dengan ini, kita berharap segala keadaan, segala perkara yang bersabit dengan perlunya tindakan disiplin ataupun apakah sebab tindakan disiplin telah diambil akan dikaji semula oleh jawatankuasa itu untuk menentukan segala ruang diberi kepada para pegawai untuk membuat rayuan.

**Tuan Noh bin Omar: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mendapatkan sedikit penjelasan. Oleh kerana tadi disebut mengenai disiplin, memang saya setuju kerana ini amat perlu. Saya ingin tahu, adakah pihak Risda menjalankan disiplin ini, pihak Risda memang ada satu unit ataupun dipanggil 'Unit Discipline' ataupun Bahagian Disiplin di Risda, ataupun diadakan unit ini diletak di bawah perjawatan ataupun di bawah unit undang-undang? Atau adakah unit ini hanya *ad-hoc* sahaja. Maksudnya ada satu bahagian khas yang mengendalikan urusan disiplin ini diletakkan di bawah perjawatan ataupun di bawah undang-undang ataupun hanya sebagai pegawai pentadbir biasa sahaja yang akan menjalankan urusan disiplin ini?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, urusan disiplin ini akan dijalankan di peringkat perjawatan, dan rang undang-undang memberi kuasa untuk menubuhkan Jawatankuasa Disiplin. Maka ianya tidak akan *ad-hoc*, kerana telah diberi kuasa oleh undang-undang ini untuk menubuh jawatankuasa tetap supaya segala peraturan, segala tatacaranya akan ditentukan oleh satu jawatankuasa.

Dengan itu, saya ingin mengucap sekali lagi terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat. Kita menentukan segala penjelasan, pindaan ini akan diberi penjelasan kepada pegawai-pegawai di Risda.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 11* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.30 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Dato' Dr. Siti Zainab binti Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

### MASALAH PENTERNAK KHINZIR DI MELAKA

6.31 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menimbulkan masalah penternak-penternak khinzir yang menghadapi masalah apabila mereka membeli khinzir di pusat sembelih Jabatan Perkhidmatan Haiwan Melaka tetapi apabila diangkutnya ke negeri Johor dirampas sungguhpun telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan negeri Melaka yang merupakan satu jabatan yang sah di bawah kawalseliaan Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negara kerana mengikut Jabatan Perkhidmatan Haiwan negeri Johor tidak mendapat kelulusan daripada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ini menimbulkan percanggahan kerana nampaknya undang-undang pusat tidak lebih utama daripada negeri Johor seperti yang didakwa oleh

Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor sedangkan sebarang kelulusan ini telah ditetapkan oleh.....

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam):** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tengok tak cukup kuorum.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini orang Melaka tidak tahu masalah Melaka, tak ada standardlah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Kota Melaka, sabar. Ya, bunyikan loceng.

*(Loceng dibunyikan)*

*(Ahli-ahli dikira: Kurang daripada 26 ahli hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana kekurangan kuorum saya terpaksa menangguhkan Majlis Mesyuarat hingga jam 9.30 pagi esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.*